Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DALAM KES-KES PEMBUNUHAN KERANA *SIRI'* DI SULAWESI SELATAN

NUR FADHILAH MAPPASELLENG

Universiti Utara Malaysia

DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2016

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DALAM KES-KES PEMBUNUHAN KERANA *SIRI'* DI SULAWESI SELATAN

NUR FADHILAH MAPPASELLENG (93004)

Universiti Utara Malaysia

Diserahkan kepada
Ghazali Shafie Graduate School of Government,
Universiti Utara Malaysia bagi Memenuhi Syarat Doktor Falsafah

Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

NUR FADHILAH MAPPASELLENG,S.H (93004)

calon untuk Ijazah **Ph.D**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DALAM KES-KES PEMBUNUHAN KERANA *SIRI* DI SULAWESI SELATAN

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **20 MAC 2016**
That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: ***MARCH 20, 2016***

Pengerusi Viva *(Chairman for Viva)*	: **DR. ZAINAL AMIN AYUB**	Tandatangan *(Signature)*	
Pemeriksa Luar *(External Examiner)*	: **PROF. DR. ROHIMI SHAPIEE**	Tandatangan *(Signature)*	
Pemeriksa Luar (External Examiner)	: **PROF. MADYA DR. KHAIRIL AZMIN MOKHTAR**		
Pemeriksa Dalam *(Internal Examiner)*	: **PROF. DR. ASMAH LAILI HJ YEON**	Tandatangan *(Signature)*	

Tarikh: **20 MARCH 2016**
Date

Nama Pelajar *(Name of Student)*	:	**NUR FADHILAH MAPPASELLENG,S.H**
Tajuk Tesis *(Title of the Thesis)*	:	**PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DALAM KES-KES PEMBUNUHAN KERANA *SIRI* DI SULAWESI SELATAN**
Program Pengajian *(Programme of Study)*	:	**Ph.D**
Penyelia Pertama (First Supervisor)	:	**ASSOC. PROF. DR. RUSNIAH AHMAD**
Penyelia Kedua (Second Supervisor)	:	**ASSOC. PROF. DR. ALIAS AZHAR**

Tandatangan
(Signature)

Tandatangan
(Signature)

Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA TESIS

Bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk memperolehi Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya bersetuju bahawa bagi tujuan kesarjanaan, penyelia-penyelia saya atau jika ketiadaan beliau, Dekan Pusat Pengajian Siswazah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan tidak dibenarkan kecuali pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang kutipan daripada tesis ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada :

Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok,

Kedah, Darul Aman

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kes pembunuhan kerana *'siri'* banyak berlaku di Sulawesi Selatan. *'Siri'* merupakan sebahagian daripada nilai budaya tempatan yang bermakna harga diri, maruah, dan malu yang mendalam. *'Siri'* juga merupakan sebahagian daripada undang-undang adat yang boleh dijadikan alasan bagi melakukan tindakan bunuh apabila *siri'* dilanggar. Amnya, kes bunuh kerana *'siri'* berhubung kait dengan kehormatan wanita. Indonesia mengamalkan penyatuan perundangan jenayah nasional yang dikenali sebagai Kitab Undang-undang Hukum Pidana (KUHP). Oleh itu, undang-undang adat tidak diakui dalam sistem perundangan jenayah tempatan. Walau bagaimanapun, Undang-undang Nombor 48 tahun 2009 berkaitan bidang kuasa kehakiman mewajibkan hakim memahami nilai undang-undang (*living law*) yang hidup dalam masyarakat ketika menguatkuasakan undang-undang. Oleh itu, penyelidikan ini mengkaji pemahaman hakim terhadap *'siri'* dan budi bicara hakim dalam menjatuhkan hukuman ke atas pelaku kes pembunuhan kerana *'siri'*. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mendeskripsikan kes pembunuhan kerana *'siri'*, mengkaji kefahaman tokoh masyarakat dan hakim tentang *'siri'*, dan menganalisis keputusan terhadap dakwaan serta budi bicara hakim dalam menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi membuat deskripsi tentang maklumat yang berhubung kait dengan jawapan kepada persoalan berkenaan. Selain itu, kajian turut menggunakan pelbagai kaedah pengutipan data seperti dokumentasi, temu bual, dan perbincangan kumpulan berfokus. Data dalam penyelidikan ini dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif kualitatif dan analisis verifikasi kualitatif. Daripada tujuh daerah sampel kajian, dapatan penyelidikan menunjukkan penemuan empat kes bunuh kerana *'siri'* . Keempat-empat kes bunuh berkenaan berkaitan dengan kehormatan wanita. Para hakim pada amnya memahami makna *'siri'* sebagai perasaan malu, harga diri dan maruah. Namun, kebanyakan hakim yang berasal dari luar Sulawesi Selatan kurang memahami makna sebenar *'siri'* . Dapatan lain menunjukkan bahawa hakim mengakui perlu mengambil kira *'siri'* sebagai motif meringankan hukuman, dan dalam realiti hukuman yang dijatuhkan ke atas tertuduh lebih ringan berbanding kes pembunuhan bukan *'siri'*.

Kata Kunci : Undang-undang Jenayah, Undang-undang Adat, Pembunuhan, *Siri'*, Sulawesi Selatan.

ABSTRACT

'Siri', a concept which means self-esteem, dignity, and a deep shame attributes to homicide cases that occur frequently in South Sulawesi. Besides being an element of the local culture, it is also part of the customary law, which can be used as an excuse for killing a person when *'siri'* is violated. In general, murder cases involving *'siri'* are connected with women's dignity and honor. Indonesia adopts legislative consolidation of national criminal code known as the National Penal Code, therefore customary law is not recognized in the local criminal justice system. However, the Judicial Authority Law No. 48 of 2009 states that judges are required to understand the living law that exists in the community when enforcing law. Consequently, the purpose of this research is to describe murder cases involving *'siri'*, examine the understanding of community leaders and judges about *'siri'* and analyze the results of the indictment and judges' discretion in imposing decisions against the accused. This study adopted a qualitative approach to analyze the information in connection with answers to the questions concerned. In addition, the study also employed several other data collection methods such as documentation, interviews, and focus group discussions. Data in this study were analyzed using descriptive analysis of qualitative and qualitative analysis verification. The investigation led to the discovery of four murder cases related to *'siri'* from seven areas of study. All the four murder cases were connected with women's dignity. The judges, in general, understand the meaning of *'siri'* as feelings of shame, self-esteem and dignity. However, most external judges are less familiar with the true meaning of the concept. Other findings indicate that the judges acknowledged that they have to take into account the concept of *'siri'* as a motive in mitigation, and in reality, the sentence imposed on the accused is slightly lighter than a non-*siri'* murder.

Keywords: Criminal Law, Customary Law, Murder, *'Siri'*, South Sulawesi.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang, selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, saya memanjat kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya maka saya boleh menyelesaikan tesis ini.

Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Prof.Madya Dr.Rusniah Ahmad dan Prof. Madya Dr.Alias Azhar di atas segala sokongan, bimbingan, galakan dan nasihat dari para penyelia di semua peringkat dalam menyiapkan tesis ini.

Bimbingan penyelia merupakan intipati utama bagi menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak di Universiti Utara Malaysia terutamanya pihak Pengurusan GSGSG, UUM COLGIS yang telah membantu dalam usaha pentadbiran pengajian saya.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Universiti Muslim Indonesia yang telah memberi kesempatan kepada saya bagi melanjutkan pengajian peringkat Ph.D di Universiti Utara Malaysia.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Kerajaan Negeri Sulawesi Selatan yang telah memberi bantuan biaya kepada saya bagi melanjutkan dan menyelesaikan pengajian peringkat Ph.D di Universiti Utara Malaysia.

Berbanyak terima kasih kepada Mahkamah Negeri Bandar Makassar, Mahkamah Negeri Sungguminasa, Mahkamah Negeri Takalar, Mahkamah Negeri Maros, Mahkamah Negeri Pangkajene, Mahkamah Negeri Jeneponto dan Mahkamah Negeri Bantaeng yang telah memberi keizinan dan kesempatan kepada saya menjalankan penyelidikan.

Berterima kasih juga kepada suami saya DR.H.Abd.Kadir Ahmad, MS. APU dan anak saya, Zul Khaidir Kadir, Nadiah Khaeriah Kadir, Reza Ahda Kadir, Muhammad Fadel Kadir, dan Khalil Gibran Kadir yang telah memberikan sokongan dalam usaha melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia.

Universiti Utara Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN TAJUK I

PERAKUAN II

KEBENARAN MENGGUNA III

ABSTRAK IV

ABSTRACT V

PENGHARGAAN VI

SENARAI KANDUNGAN VII

SENARAI JADUAL XIII

SENARAI RAJAH XIV

SENARAI SINGKATAN XV

SENARAI UNDANG-UNDANG XVI

GLOSARI XVII

BAB I PENDAHULUAN 1

1.0 Pengenalan 1

1.1 Latar Belakang Kajian 1

1.1.1 Kawasan dan Demografi Penduduk 1

1.1.2 Undang-undang, Islam, dan Adat di Sulawesi Selatan 6

1.2 Pernyataan Masalah 17

1.3 Persoalan Kajian 21

1.4 Objektif Kajian 22

1.5 Kepentingan Kajian 23

Universiti Utara Malaysia

1.6 Kekangan Kajian 23

1.7 Definisi Istilah Operasional 24

1.8 Kerangka Konseptual Kajian 26

1.9 Ringkasan Bab 28

1.10 Kesimpulan 32

BAB II ULASAN KARYA 33

2.0 Pengenalan 33

2.1 Definisi dan Kerangka Konseptual *Siri'* 33

2.1.1 Definisi dan Pendapat Pakar tentang *Siri'* 33

2.1.2 Hukuman Pencerobohan *Siri'* 41

2.1.3 Perdamaian dalam *Siri'* 45

2.2 Kerangka Perundangan Berkaitan Jenayah Pencorobohan *Siri'*.. 47

2.2.1 Pembunuhan Kerana Siri' dalam *Lontara* 47

2.2.1.1 Membunuh Seseorang 48

2.2.1.2 Menceroboh Kehormatan Wanita 53

2.2.2 Kejahatan Terhadap Nyawa dan Kesusilaan

Menurut KUHP 60

2.2.2.1 Membunuh Seseorang 61

2.2.2.2 Menceroboh Kehormatan Wanita 64

2.2.3 Perbandingan Hukuman Menurut

Lontara dan KUHP 70

2.2.3.1 Perbuatan Bunuh 70

2.2.3.2 Perbuatan Zina 71

2.2.3.3 Perbuatan Rogol 72

Universiti Utara Malaysia

2.2.3.4 Perbuatan Menceroboh Kehormatan Mahram 72
2.2.4 Dasar Berlaku UU Adat dalam Sistem UU Nasional..... 78
2.2.5 Keputusan Mahkamah terhadap Kes Pembunuhan
Kerana *Siri'*..... 83
2.2.5.1 Kes Pencerobohan terhadap Kehormatan Wanita 83
2.2.5.2 Kes Pencerobohan terhadap Kehormatan Mahram ... 86
2.2.6 Etika Hakim 87
2.3 Pelaksanaan Undang-Undang Adat di Pelbagai Etnik di Indonesia..... 93
2.3.1 *Carok* di Madura..... 93
2.3.2 *Lokika Sanggraka* di Bali..... 95
2.3.3 Undang-Undang Adat Baduy di Banten..... 99
2.3.4 Undang-Undang Adat Dayak di Kalimantan Barat..... 100
2.4 Pelaksanaan Undang-Undang Adat di Pakistan dan Timur Tengah..... 102
2.4.1 *Karo-Kari* di Pakistan..... 102
2.4.2 Undang-Undang Adat Badwi di Timur Tengah..... 110
2.5 Kerangka Teori..... 114
2.5.1 Teori Fungsional Struktural..... 116
2.5.2 Teori *Anomi*..... 126
2.5.3 Teori Kawalan..... 130
2.5.4 Teori *Receptio a Contrario*..... 134
2.6 Kesimpulan..... 137

BAB III METODOLOGI PENYELIDIKAN..... 138
3.0 Pengenalan..... 138
3.1 Reka Bentuk Kajian..... 138

Universiti Utara Malaysia

3.2 Skop Kajian 145
3.3 Jenis Data 147
3.4 Pensampelan 155
3.5 Kaedah Pengutipan Data 160
3.5.1 Kajian Dokumentasi 160
3.5.2 Temu Bual 161
3.5.3 Perbincangan Kumpulan Fokus 164
3.6 Kaedah Penganalisisan Data 166
3.7 Kesimpulan 173

BAB IV DAPATAN KAJIAN dan PERBINCANGAN 175
4.0. Pengenalan 175
4.1. Persepsi Tokoh Masyarakat tentang *Siri'* 175
4.2 Persepsi Hakim tentang *Siri'* dan Penerapannya 187
4.2.1 Latar Belakang Hakim 187
4.2.2 Kefahaman Hakim tentang *Siri'* 189
4.2.3 Kefahaman Hakim terhadap UU No.48 Tahun 2009 tentang Bidangkuasa Kehakiman 199
4.2.4 Pertimbangan Hakim terhadap Kes *Siri'* 206
4.3 Kes-Kes Pembunuhan Kerana Siri' dan Keputusan Mahkamah 220
4.3.1 Kes Pembunuhan Kerana *Siri'* dan Keputusan Hakim Mahkamah Negeri Makassar 221
4.3.2 Kes Pembunuhan Kerana *Siri'* dan Keputusan Hakim Mahkamah Negeri Sungguminasa 233

Universiti Utara Malaysia

4.3.3 Kes Pembunuhan Kerana *Siri'* dan Keputusan Hakim Mahkamah Negeri Jeneponto 245
4.3.4 Kes Pembunuhan Kerana *Siri'* dan Keputusan Hakim Mahkamah Negeri Pangkajene 263
4.4 Perbahasan Dapatan 273
4.4.1 Sikap Hakim 275
4.4.2 Pertimbangan Hakim 281
4.4.3 Keputusan Hakim 286
4.5 Penutup 290

BAB V PENUTUP 293
5.0 Pengenalan 293
5.1 Kesimpulan 293
5.1.1 Kejadian Kes-Kes Pembunuhan kerana *Siri* 293
5.1.2 Kefahaman Tokoh Masyarakat tentang *Siri'* 294
5.1.3 Kefahaman Hakim terhadap *Siri'* 295
5.1.4 Pertimbangan Hakim terhadap Kes Pembunuhan kerana *Siri'* 296
5.2 Implikasi 297
5.2.1 Kes-kes Pembunuhan kerana *Siri'* 297
5.2.2 Kefahaman Hakim terhadap *Siri'* 298
5.2.3 Pertimbangan Hakim terhadap Kes Pembunuhan kerana *Siri'* 298
5.3 Cadangan 299
BIBLIOGRAFI 317

Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN

Lampiran A : Surat Izin Penelitian

Lampiran B : Soalan Temu Bual

Lampiran C : Surat Keterangan Temu Bual daripada para Hakim

Lampiran D : Keputusan Mahkamah Negeri Bandar Makassar

Lampiran E : Keputusan Mahkamah Negeri Sungguminasa

Lampiran F : Keputusan Mahkamah Negeri Jeneponto

Lampiran G : Keputusan Mahkamah Negeri Pangkajene

Universiti Utara Malaysia

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 Perbandingan Hukuman Kes Pembunuhan Menurut *Lontara* dan KUHP 73

Jadual 3.1 Mahkamah Negeri di Sulawesi Selatan 156

Jadual 3.2 Latar Belakang Hakim Berdasarkan Daerah Asal 158

Jadual 3.3 Klasifikasi Hakim Sampel Berdasarkan Daerah Asal 159

Jadual 3.4 Dokumen Keputusan Mahkamah yang Dikaji 161

Jadual 4.1 Pandangan dan Sikap Hakim tentang *Siri'* 199

Jadual 4.2 Pandangan Hakim tentang UU.No. 48 Tahun 1999 205

Jadual 4.3 Pertimbangan Hakim 219

Jadual 4.4 Kes-kes Bunuh Kerana *Siri'* di Mahkamah Negeri Sampel Penyelidikan 220

Jadual 4.5 Pola Pembunuhan Kes Berlatarbelakang *Siri'* 273

Jadual 4.6 Nama Tertuduh, Nama dan Daerah Asal Hakim 282

Jadual 4.7 Nama Tertuduh dan Pertimbangan Hakim 284

Jadual 4.8 Nama, Jenis *Siri'*, Dakwaan, dan Tempoh Hukuman 286

Universiti Utara Malaysia

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Peta Provinsi Sulawesi Selatan 2

Rajah 1.2 Struktur Bidangkuasa Kehakiman di Indonesia 16

Rajah 1.3 Kerangka Konseptual 28

Rajah 2.1 Sistem Am Tindakan 117

Rajah 2.2 Model Sistem Tindakan *Siri'* : Implemenasi Model Parsons 120

Rajah 3.1 Komponen Analisis Data : Model Interaktif 169

Universiti Utara Malaysia

SENARAI SINGKATAN

BW	: Burgerlijk Wetboek (Kitab Undang-Undang Hukum Perdata)
KUHP	: Kitab Undang-Undang Hukum Pidana
RI	: Republik Indonesia
RIS	: Republik Indonesia Serikat
SMP	: Sekolah Menengah Pertama
UU	: Undang-Undang
UUD	: Undang-undang Dasar
UUDS	: Undang-undang Dasar Sementara

Universiti Utara Malaysia

SENARAI UNDANG-UNDANG

1	Undang-undang Dasar 1945	78, 81
2	Undang-undang Dasar Sementara 1950	78
3	Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP)	1, 14, 15, 18, 20, 24, 25, 30, 32, 33, 60, 62, 64, 65, 67, 69, 71, 72, 74, 77 142, 147, 150, 166, 167, 169, 178, 195, 197, 200, 202, 214, 218, 219, 226, 229, 237, 242, 255, 260, 266, 293.
4	Undang-undang Republik Indonesia No. 19 tahun 1964 tentang Ketentuan–Ketentuan Pokok Kekuasaan Kehakiman	79, 80
5	Undang-undang RI No. 14 Tahun 1970 tentang Ketentuan-Ketentuan Pokok Kekuasaan Kehakiman	81
6	Undang-undang RI No.4 Tahun 2004 tentang Kekuasaan Kehakiman	82
7	Undang-undang Republik Indonesia Nombor 48 Tahun 2009 Tentang Kekuasaan Kehakiman	15, 20, 31, 32.77, 81, 82, 87, 91, 123, 128, 145, 162, 187, 198, 201, 206, 216, 230, 244, 261, 275, 284, 292, 295, 309.
8	*Lontara*	9, 11, 12, 13, 18, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 70 73, 91, 92, 135, 136, 159, 227, 239, 240, 241, 242, 254, 256, 257, 259, 267, 268.

Universiti Utara Malaysia

GLOSARI

Abbanjukbanjuluk	bergurau disertai syahwat
ada'	adat
ade' assimemengeng	adat yang tidak boleh diubah lagi
ade' pura onro	adat turun temurun
ajjallok	mengamuk
akjulu siri'	bersatu dalam *siri'*
aklampako barang, ammantangko siri'	pergilah harta, tinggallah *siri'*
allariang beine niaka buraknenna	melarikan isteri orang lain
ammelak siri'	menghilangkan *siri'*
anak cerak	bangsawan darah
anak karaeng ri Gowa	anak bangsawan di Gowa
anak kareang sala	bangsawan tidak matang
anak sipue	bangsawan berdarah campuran
angkaembai bainenna taua	menyeleweng dengan isteri orang lain
angngallei siri'	membela *siri'* orang lain
annaggalak baine	memegang wanita
annaggalli anak karaeng	melecehkan puteri bangsawan
annepok buku annappuk urak	mematahkan tulang memutuskan urat
annyala	kahwin lari dengan seseorang lelaki
appaentengi siri'	menegakkan *siri'*
appakasiri'	memalukan
appakatianang	menghamili wanita di luar nikah

Universiti Utara Malaysia

appalak siri'	meminta *siri'*
appanaik abbanngi bainea	menginapkan seorang wanita di rumah
assitaba lalang koccikang	bermuafakat dalam kantung
assitobok	pergaduhan dengan senjata tajam
ata	abdi
ata nibuang	abdi dibuang
ata sossorang	abdi pusaka
ata tumangnginrang	abdi kerana utang
awig- awig	undang-undang adat Bali
badik	senjata tajam khas Makassar
badwi	kaum nomad di Timur Tengah
besaro/saro	musuarat keluarga suku Dayak
bicara	peradilan/hakim
bunga sibollo	sekuntum bunga
butta mangkasa'	negeri orang Makassar
carok	pembelaan maruah di Madura
celebes	Sulawesi
clurit	senjata tajam khas Madura
culpa	perbuatan jenayah kerana kelalaian
diat	denda atas pelanggaran adat di Arab
doek balanja	wang hantaran
gallarrang	pejabat di kerajaan Gowa
jallo	amuk
jamarrok	zamrud

Universiti Utara Malaysia

jirgas	perhimpunan para tetua adat di Pakistan
kallang/qalam	pena/lidi untuk menulis
karaeng / anak karaeng	raja/bangsawan
karo-kari	pembunuhan kehormatan wanita
kebayan	pemangku adat suku Dayak
kepeng	wang Bali
kuntu tojeng	kebenaran
la galigo	Lontara orang Bugis
Latoa	kumpulan aturan adat Kerajaan Bone
lokika sanggraka	melanggar kehormatan wanita di Bali
lompo laranganna	larangan berat
lontara	naskah asli Makassar dan Bugis
lontara' sukkuna' Wajo	kronik sejarah lengkap Wajo
mabbajik	semula baik/berdamai
macacar	Makassar
maradeka/tu maradeka	merdeka/orang merdeka
mate ri siri'na	mati dalam mempertahankan *siri'*
mate siri'	kehilangan *siri'*
muttiara	mutiara
napakasiri'ka	saya dimalukan
niladung	ditenggelamkan hidup-hidup di laut
nimateang	dianggap sudah mati
nipakasiri'	dimalukan
nipaoppangi tana	ditimbun dengan tanah

Universiti Utara Malaysia

nipatimbo	ditumbuhkan dan dipelihara zuriatnya
ngabokoran	upacara adat suku Baduy di Banten
nyawa ni bayarak nyawa	nyawa dibayar dengan nyawa
olok-olok	binatang
overspel (Belanda)	zina
paccallayya	pengetua bidang peperiksaan
pacce / pesse	rasa peduli /simpati/empati
paentengangak siri'ku	tolong tegakkan *siri'* saya
paentengi siri'na agamayya	tegakkan *siri'* agama
pakbicara / tuma'bicara	mahkamah
pakbicara butta	jabatan pengetua bidang pemerintahan
panchayat	dewan desa di Pakistan
panngadakkang	sistem adat
parakara	seksyen
pasang	kumpulan amanat orang bijaksana
passirikia	tolong sokong menegakkan *siri'* saya
puli / pappuli	pembalasan setimpal
rapang	contoh/analogi
sala butta	pantangan bagi negeri
sala siri'	salah menempatkan *siri'*
salimarak	pencerobohan kehormatan mahram
sapa butta/sapak ritana	pantangan bagi negeri
sappuku/harakiri (Jepun)	ritual bunuh diri
sara'	syariat (Islam)

Universiti Utara Malaysia

sare / were	nasib
satu kati assitai'	seratus dua puluh lima riyal
temenggung	pemangku adat tertinggi suku Dayak
tulisan serang	tulisan Arab dengan bahasa Makassar
sigajang	saling menikam
sikaeroki	saling menyukai
sikapaccei	saling peduli
sikatinroang	seketiduran/zina
silariang	kahwin lari
sipakalabbirik	saling memuliakan
sipakatau	saling memanusiakan
sipapaccei	saling merasakan penderitaan
sipassiriki	saling membantu menegakkan *siri'*
siri' na pacce	harga diri dan solidariti
siri' taji nakitau	kerana *siri'* kita disebut manusia
siri'	harga diri, maruah
siri'- siri'	malu-malu
situnrai	pemutusan hubungan dengan sumpah
siah-kari	pembunuhan kehormatan di Balochistan
somba	gelar raja Gowa
tana ugi'	negeri orang Bugis
tena siri'na / de'gaga siri'na	tidak mempunyai *siri'*
toddokpuliyya	bertarung satu lawan satu
tope eja	sarung warna merah

Universiti Utara Malaysia

tuan pendeta/tuan panrita	panggilan seorang penginjil
tubajik	orang baik
tukajannangngang	jabatan khas bidang keamanan
tumailalang lolo	jabatan khas bidang pendidikan
tumailalang towa	jabatan khas bidang sosial
tumangngempoang	menduduki jabatan
tumasiri'	keluarga yang dimalukan
tumatetallasak	orang mati yang masih hidup
tusamarak	orang biasa
wari	sistem kekerabatan
yasin	salah satu surah dalam Qur'an

Universiti Utara Malaysia

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Persoalan yang banyak dibincangkan kebelakangan kini di Sulawesi Selatan ialah hubungan antara undang-undang adat dan Undang-undang Jenayah Kerajaan (KUHP). Undang-undang adat tempatan membolehkan seseorang membunuh apabila kehormatan diri diceroboh. Sementara itu, KUHP tidak membenarkan tindakan sedemikian. Penyelidikan ini cuba mengkaji peruntukan undang-undang adat berkenaan yang dikenali sebagai pembunuhan *siri'*.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Kawasan dan Demografi Penduduk

Sulawesi Selatan (singkatannya, Sulsel) merupakan salah satu dari 34 wilayah di Indonesia dan salah satu di antara enam wilayah di Pulau Sulawesi. Pulau Sulawesi terletak di tengah-tengah wilayah Kepulauan Indonesia, iaitu di sebelah timur Kalimantan dan sebelah selatan Filipina. Daripada segi kedudukan wilayah, pulau Sulawesi memiliki posisi penting dalam peta negara Indonesia. Dalam peta-peta lama kawasan ini lebih dikenali sebagai pulau *Macacar* atau kepulauan *Celebes*. Ia merupakan tempat persinggahan utama yang menghubungkan kawasan Barat dan kawasan Timur Indonesia.[1]

[1]Moh.Ali Hadillah, "Penelitian Arkeologi Islam di Sulawesi Selatan dan Kontribusinya dalam Pengembangan Kebudayaan Nasional,"dalam *Kepingan Mozaik Sejarah Budaya Sulawesi Selatan*, ed. Iwan Sumantri (Makassar : Ininnawa, 2004), 179.

Peta Provinsi Sulawesi Selatan



Rajah 1.1 Peta Provinsi Sulawesi Selatan

Luas wilayah Sulawesi Selatan 46.083.94 km² dan merupakan daerah terbesar di Pulau Sulawesi. Daerah ini terbahagi kepada 21 daerah dan 3 kota. Sulawesi Selatan memiliki lokasi yang strategik sehingga ia dijadikan pintu gerbang kawasan Timur Indonesia. Jumlah penduduk daerah ini tahun 2014 sebanyak 8.342.027 (lapan juta tiga ratus empat puluh dua ribu dua puluh tujuh) individu, yang mendiami di 24 daerah/kota, dengan jumlah penduduk terbesar seramai 1.408.072 (satu juta empat ratus lapan ribu tujuh puluh dua) mendiami Kota Makassar.[2]

Sulawesi Selatan mulai terkenal sejak sekitar abad ke-15 sebagai salah sebuah pusat laluan perniagaan Nusantara. Sebahagian kalangan penduduknya menjalankan perniagaan dengan negeri-negeri seperti Melaka, Jawa, Borneo, Siang dan Pahang.[3] Setelah Melaka diduduki Portugis pada 1511, dan timbul ancaman di beberapa laluan pelayaran, peniaga dan pelaut berusaha mencari laluan pelayaran dan pelabuhan yang aman. Peniaga Melayu mencari zon dagang baru, di antaranya Makassar. Sementara peniaga Cina, Spanyol di Luzon dan Sulu memanfaatkan laluan Selat Makassar dalam pelayaran ke Selatan.

Pelabuhan-pelabuhan di wilayah Sulawesi menjadi pusat perniagaan kerana beberapa faktor. *Pertama,* kedudukannya strategik, lokasinya berada di tengah-tengah dunia perniagaan. *Kedua,* munculnya campurtangan bangsa Eropah sehingga peniaga di pusat niaga mengalihkan kegiatan mereka ke tempat lain,

---

[2]Badan Pusat Statistik Sulawesi Selatan, Sulawesi Selatan Dalam Angka 2014.

[3]Horst H.Liebner, "Tradisi Kebaharian di Sulawesi Selatan : Tinjauan Sejarah Perkapalan dan Pelayaran," dalam *Kontinuitas dan Perubahan dalam Sejarah Sulawesi Selatan*, ed. Dias Pradadimara dan Muslimin A.R.Effendy (Yogyakarta : Penerbit Ombak, 2004), 75.

salah satunya ke Makassar. *Ketiga,* peniaga dan pelaut setempat melakukan pelayaran niaga ke daerah-daerah dan bandar niaga lain.

Pada akhir abad ke-15 Sulawesi Selatan telah ramai dikunjungi peniaga dari Jawa dan Melaka. Menurut beberapa kajian, yang ditulis berdasarkan penulisan bangsa asing berkaitan Sulawesi Selatan, perniagaan di Siang telah berkembang pesat jauh sebelum Makassar muncul. Bahkan Kerajaan Gowa dan Tallo pernah berada dalam kekuasaannya. Menurut Antonio de Paiva yang mengunjungi Siang pada tahun 1542, orang Melayu telah menetap di bandar niaga ini sejak sekitar tahun 1490. Kemungkinan wilayah Siang berkembang setelah Melaka diduduki Portugis pada 1511. Menurut Manoel Pinto pula, seorang Portugis yang mengunjungi Siang pada 1545 penduduk Siang berjumlah sekitar 40.000 (empat puluh ribu) individu dan merupakan jumlah yang sangat banyak untuk ukuran masa itu.[4]

Melaka merupakan pendorong bagi para peniaga kota-kota pantai di kawasan ini untuk menjalankan tugas mereka sebagai peniaga perantara dari Melaka ke Jawa dan terus ke Maluku melalui Sulawesi Selatan. Ke Melaka mereka membawa rempah-rempah yang diperlukan di dunia Barat, sementara ke Maluku mereka membawa beras, tekstil dan lain-lain. Di samping mendorong berkembangnya kota-kota pelabuhan pantai utara sebagai pusat-pusat kekuasaan tempatan Islam, Melaka adalah merupakan dasar daripada tercapainya kerajaan "Melayu Islam" di kawasan itu.[5]

---

[4]Edward L Poelinggomang. *Makassar Abad XIX* (Jakarta : Kepustakaan Populer Gramedia, 2002), 28.

[5]Taufik Abdullah, ed. *Sejarah Ummat Islam Indonesia* (Jakarta : Majelis Ulama Indonesia, 1991), 41.

Terdapat tiga kelompok etnik utama yang mendiami daerah ini, iaitu etnik Makassar, etnik Bugis, dan etnik Toraja.[6] Etnik Makassar menempati daerah-daerah yang disebut *Butta Mangkasa'* (negeri-negeri orang Makassar) manakala etnik Bugis menempati wilayah paling luas yang disebut *Tana Ugi'*[7] (negeri-negeri orang Bugis). Etnik Toraja merupakan golongan suku bangsa terkecil di antara ketiga-tiganya. Disebut kelompok etnik kerana ketiga-tiga suku bangsa berkenaan dapat dibezakan dari aspek tertentu, iaitu : (1) secara biologikal masing-masing mampu berkembang dan bertahan; (2) memiliki nilai-nilai budaya yang sama dan wujud rasa kebersamaan dalam suatu bentuk budaya; (3) membentuk jaringan komunikasi dan interaksi sendiri; dan (4) menentukan ciri kelompoknya sendiri yang diterima oleh kelompok lain dan dapat dibezakan daripada kelompok populasi lainnya.[8]

Pembahagian menurut etnik ini berdasarkan penggunaan bahasa daerah iaitu bahasa Bugis bagi etnik Bugis, bahasa Makassar bagi etnik Makassar, dan Bahasa Toraja bagi etnik Toraja. Beberapa daerah merupakan wilayah peralihan dari etnik Bugis dan Makassar. Daerah berkenaan dapat menggunakan bahasa Daerah Bugis dan pula menggunakan bahasa Makassar, iaitu Maros, Pangkajene Kepuluan, dan Bantaeng.

Orang Bugis dan Makassar, kalangan sejarahwan sering menulis bersambungan menjadi "Bugis-Makassar" kerana kedua-duanya memiliki nilai

---

[6]Sila Rujuk Rajah 1.1.

[7]Mattulada, *Sejarah, Masyarakat, dan Kebudayaan Sulawesi Selatan* (Makassar : Hasanuddin University Press, 1998), 3.

[8]Fredrik Barth, *Kelompok Etnik dan Batasannya*, trans. Nining I Soesilo (Jakarta : UI-Press, 1988), 11.

budaya dan agama yang sama iaitu Islam. Sementara Toraja lebih terkenal dengan latar belakang agama Kristian. Penduduk Islam di Sulsel sebanyak 89.42 peratus, Protestan 6.87 peratus, Katolik 2.54 peratus, Hindu 0.79 peratus dan Buddha 0.31 peratus.[9]

Islam diterima sebagai agama rasmi kerajaan di Sulawesi Selatan 1605 M / 1014 H. sekaligus mengubah gelaran raja-rajanya dengan gelaran Sultan. Kerajaan pertama menerima Islam adalah Kerajaan Gowa. Ulama yang mengislamkan berasal daripada Aceh bernama Abdul Makmur Khatib Tunggal (Dato ri Bandang), Khatib Sulaiman (Dato ri Patimang), dan Khatib Bungsu (Dato ri Tiro). Gowa kemudian menyebarkan Islam ke Kerajaan-kerajaan tempatan lainnya sehingga kerajaan-kerajaan seperti Sidenreng dan Soppeng menerima Islam tahun 1609, Wajo tahun 1610, dan Bone tahun 1611.[10]

1.1.2 Undang-Undang, Islam, dan Adat di Sulawesi Selatan

Sebelum Islam diterima secara rasmi oleh Kerajaan, kawasan ini sudah memiliki hubungan erat dengan peniaga-peniaga Melayu dari pelbagai negeri iaitu daripada Pahang, Patani, Campa, Minangkabau dan Johor.[11] Selain aktiviti perniagaan, mereka juga menjalankan usaha dakwah kepada penduduk tempatan. Malah dibina sebuah masjid oleh raja sebagai tempat beribadah.

---

[9]Jabatan Wilayah Kementerian Agama Wilayah Sulawesi Selatan, 2014.

[10]Mattulada, "Islam di Sulawesi Selatan," dalam *Agama dan Perubahan Sosial*, ed. Taufik Abdullah (Jakarta : Raja Grafindo Persada, 1996), 222, 225.

[11]Wolhoff dan Abdurrahim; *Sejarah Gowa* (Makasar : Yayasan Kebudayaan Sulselra, t.t.), 27.

Islam diterima awalnya oleh raja dan kemudiannya menjadi agama rasmi kerajaan sehingga tiada percanggahan atau konflik (antara adat dan Islam). Kedua-duanya disatukan yang dikenali sebagai *panngadakkang* (Makassar) atau *panngadereng* (Bugis) untuk selanjutnya disebut *panngadakkang*. Orang sering memahaminya sebagai peraturan-peraturan adat[12] iaitu merupakan pedoman berperilaku dan bertindak yang dilakukan secara turun temurun sehingga menjadi kesedaran bersama kalangan masyarakat.

Awalnya *Panngadakkang* terdiri daripada empat unsur sahaja, iaitu *ada', bicara, rapang, wari'*. (1) *Ada'* ialah sistem norma dan aturan-aturan dalam semua aspek kehidupan masyarakat Sulawesi Selatan. (2) *Bicara*, ialah salah satu unsur *Panngadakkang* yang berkaitan dengan urusan perbicaraan. (3) *Rapang*, salah satu unsur *Panngadakkang* yang bererti contoh, perumpamaan, kias, atau analogi. *Rapang* bertugas menjaga undang-undang tak tertulis dalam masyarakat menerusi sistem kias atau analogi dengan keputusan yang pernah terjadi sebelumnya atas kes yang sama sekarang ini. *Rapang* juga bererti perumpamaan kelakuan baik dan etika dalam hidup sehari-hari. (4) *Wari'* ialah bahagian daripada *Panngadakkang* yang mengatur hubungan antara manusia berdasarkan darjatnya, mengatur tatacara dalam upacara, dan hubungan kekerabatan. Setelah Islam diterima sebagai agama rasmi kerajaan, unsur *Panngadakkang* bertambah satu lagi iatu *sara'* (syariat). (5) *Sara'* ialah bahagian daripada *Panngadakkang* yang mengatur kelakuan berdasarkan Syariat Islam.[13]

---

[12]Mattulada, *Sejarah, Masyarakat,* 85.

[13]Ibid, 87.

Masuknya *sara'* ke dalam sistem *Panngadakkang* disebutkan dalam *Lontara* sebagai berikut :

> *"...eppami uangenna padecengie tana, iami negenne limappuangeng, narapi'mani asellengeng naripattama tona sarae, seuani adee', maduanna sarae, matellunna warie', maeppana bicarae', malimanna sarae..."*
>
> Ertinya:"... empat macam sahaja yang memperbaiki negara, barulah dicukupkan lima perkara, apabila sampai kepada keislaman dan dimasukkan juga *sara'* pertama *ade'*, kedua *rapang*, ketiga *wari*, keempat *bicara*, kelima *sara'*.[14]

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa ketika Islam dianuti kerajaan dan masyarakat, maka syariat Islam dijadikan sebagai salah satu bahagian dalam sistem norma yang mengatur kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Hal itu bertujuan menghindari konflik antara syariat dengan adat.

Inti daripada *Panngadakkang* adalah *siri'*. Konsep *siri'* boleh diertikan sebagai *harkat* dan maruah serta boleh juga bermakna rasa malu apabila *harkat* dan maruah diceroboh seseorang.[15] Ia sesuai dengan sifat fitrah manusia itu sendiri. Ungkapan orang tempatan menyebutkan, *siri'taji nakitau* (Bahasa Makassar) ertinya, hanya kerana *siri'* maka kita dinamakan manusia. Seseorang yang tidak memiliki *siri'* disebut *olok-olok* (binatang).[16]

Sebab itu, seseorang yang harga dirinya diceroboh atau diaibkan akan merasa *mate siri'* (kehilangan *siri'*) dan boleh mempertahankan harga diri (*self defence*) dan maruahnya dengan balasan yang sepadan. Sanggup menghadapi mati

---

[14]Mattulada, *Latoa*, 114 .

[15]Andi Zainal Abidin, *Capita Selekta Kebudayaan Sulawesi Selatan* (Ujung Pandang : Hasanuddin University Press,1999) xiv.

[16]Laicca Marzuki, *Siri' Bagian Kesedaran Undang-undang Rakyat Bugis-Makassar : Sebuah Telaah Filsafat Undang-Undang* (Ujung Pandang : Hasanuddin University Press, 1985) 37-38.

kerana mempertahankan *siri'*, maka ia disebut *mate ri siri'na* ertinya, mati dalam mempertahankan *siri'*, atau mati bagi mempertahankan maruah dan harga diri. Mati yang demikian dianggap sesuatu hal terpuji.[17]

Peraturan tentang *siri'* wujud dalam kandungan teks *Lontara.* Orang Makassar dan Bugis menuliskan sejarah dan peristiwa-peristiwa penting lainnya dengan menggunakan teks berkenaan. Teks *Lontara* merupakan hasil ubahsuai dari teks India yang masuk ke Indonesia menerusi tamadun Hindu. Selain teks *Lontara*, orang Makassar-Bugis memiliki tulisan *Serang* sebagai hasil penyesuaian dari tamadun Arab. Pelajaran dan sejarah Islam tempatan ditulis dalam tulisan *Serang*.[18] Tulisan *Serang* menggunakan teks Arab dengan Bahasa Makassar atau Bugis. Ini sama dengan tulisan Jawi, menggunakan teks Arab dengan bahasa Melayu.

Selain sebagai teks, *Lontara* juga bererti manuskrip-manuskrip atau catatan-catatan tertulis yang aslinya ditulis di atas daun lontar (rontal) dengan menggunakan alat tajam, kemudian diwarnakan dengan warna hitam pada bekas ukirannya. *Lontara* asli yang demikian itu sekarang sudah sukar ditemui. Setelah kertas menggantikan daun-daun lontar sebagai alat untuk ditulis dengan menggunakan pen atau *lidi ijuk* yang disebut *kallang* (*qalam*), nama *Lontara* tetap dipertahankan.[19]

Penggunaan *Lontara* bermula sejak awal abad ke-16, iatu sebelum agama Islam dianuti secara umum oleh penduduk Sulawesi Selatan. Sejak itu pula

[17]Mattulada, *Latoa,*46-47.

[18]Cho Tae Young, *Teks Serang dan Perkembangan Tamadun Islam di Sulawesi Selatan* (Makassar : Penerbit Ombak, 2012), 61.

[19]Ibid, 16.

dikenal bermulanya era *Lontara* dalam sejarah Sulawesi Selatan, iaitu masa di mana sejarah awal terbinanya kerajaan-kerajaan mula ditulis sehingga boleh dikenal sehingga sekarang.[20]

Beberapa *Lontara* masih dilestarikan sehingga sekarang, antaranya :

a. *Makassaarsche Chrestomathie*.

Matthes berjaya mengumpul apa yang didengar dari masyarakat dan ditemui dalam manuskrip-manuskrip tempatan yang kemudiannya ditulis dalam kompilasi yang diberi nama *Makassaarsch Chrestomathie* (Bunga Rampai tentang Orang Makassar) dalam bahasa Makassar. Ia melakukan tugasnya selama kurang lebih dua puluh tahun (1858 – 1876) di Sulawesi Selatan, keluar masuk kampung sehingga ke pedalaman dan menginap di rumah-rumah penduduk untuk mengumpul bahan bagi tulisannya itu. Manuskrip *Lontara* yang tidak dapat dipinjam, dia menyalinnya berhari-hari dan menuliskannya kembali. *Makassaarsch Chrestomathie* akhirnya berjaya diterbitkan tahun 1860. Ia sebenarnya adalah seorang paderi yang akrab dengan masyarakat, dipanggil *Tuan Pendeta* atau *Tuan Panrita*. Matthes bertugas di bawah Perhimpunan Penginjil Belanda guna mempelajari bahasa Bugis-Makassar.[21] Salah satu kandungan *Lontara* ialah *Verzameling van Inlandsche Wetten* (Koleksi Undang-Undang Adat). Daripada kandungan tajuk inilah penyelidik merujuk pelbagai peraturan *siri'*. [22]

---

[20]Mattulada, *Latoa*, 402.

[21]A. Rahman Rahim, *Nilai-Nilai Utama Kebudayaan Bugis* (Makassar : Lembaga Penerbitan Hasanuddin,1985), 8.

[22]Ibid, 9.

Selain mengandungi undang-undang adat, *Lontara* juga mengandungi *pasang* (kumpulan amanat orang-orang bijaksana yang mulanya diamanatkan turun temurun dengan ucapan-ucapan yang dihafal); cerita-cerita rakyat, riwayat orang-orang bijaksana, sejarah raja-raja tempatan, dan cerita kepahlawanan. Terdapat juga *rapang* berupa contoh, perumpamaan, kias, atau analogi dari masa lampau. *Rapang* juga mengandungi pesan-pesan, nasihat-nasihat, tentang apa yang baik dan apa yang buruk, layak dan tidak layak serta berkaitan ajaran moral secara am.[23]

b. *Lontara Latoa.*

Selain *Lontara* Makassar, Matthes juga mengumpulkan manuskrip-manuskrip *Lontara* Bugis kemudian dihimpunnya antaranya dalam *Lontara Latoa. Latoa* ditulis pada zaman raja Bone ke-7 bernama La Tenrirawe Bongkannge (1560-1578). Menurut Zainal Abidin, sebagaimana dikutip oleh Mattulada, *Lontara Latoa* merupakan kumpulan aturan-aturan adat Kerajaan Bone (salah satu Kerajaan Bugis terbesar), disusun setelah orang Sulawesi Selatan menerima agama Islam dan berkenalan dengan bangsa-bangsa Eropah. Garis besar kandungan *Latoa* adalah kumpulan ucapan-ucapan, nasihat-nasihat daripada raja-raja dan orang-orang bijaksana mengenai pelbagai hal terutamanya kewajipan-kewajipan raja dan abdi terhadap raja dan rakyatnya serta hak-hak dan kewajipan rakyat terhadap raja dan negaranya.[24]

[23]Mattulada, *Latoa*, 85.

[24]Ibid, 84.

c. *Lontara Sukukku'na Wajo.*

Terdapat juga *Lontara* bagi orang Bugis lainnya, iatu Kerajaan Bugis Wajo, telah dikumpulkan oleh Andi Zainal Abidin terutamanya apa yang disebut *Lontara Sukku'na Wajo* (Kronik Sejarah Lengkap Wajo). Kandungannya adalah mengenai sejarah kerajaan-kerajaan tempatan, susunan raja-raja, dan cerita tentang masyarakat tempatan.[25]

d. *Adek Allopi–Loping Ribaranna Pakbalue* (Undang-Undang Pelayaran dan Perniagaan).

Lontara ini mengandungi peraturan-peraturan berperahu bagi peniaga. Ditulis oleh Ammanna Gappa, seorang raja pada Kerajaan Wajo abad ke-17. Undang-undang berkenaan, contohnya, menyebutkan bayaran perahu bagi para peniaga yang berniaga ke negeri-negeri Aceh, Kedah, Kamboja, Selangor, Melaka, Johor, Jakarta, dan Palembang.[26] *Lontara* berkenaan telah dibukukan O.L.Tobing dan rakan-rakan dengan tajuk Hukum Pelayaran dan Perniagaan Amanna Gappa tahun 1977.

e. *La Galigo.*

Satu lagi *Lontara* bagi orang Bugis iaitu *La Galigo,* sebuah *Lontara* yang pada awalnya disampaikan secara lisan, kemudian ditulis dalam bentuk tulisan setelah orang Bugis mengetahui tentang *Lontara.* Penulisan berkenaan dilakukan

[25]Andi Zainal Abidin, *Wajo pada Abad XV-XVI, Suatu Penggalian Sejarah Terpendam Sulawesi Selatan dari Lontara* (Bandung : Penerbit Alumni, 1985), 18.

[26]O.L. Tobing, et.al. *Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa* (Makassar : Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan, 1977),49.

guna menjaga dan memelihara warisan nenek moyang berkenaan agar tidak musnah atau lenyap. Dengan menggunakan teks Bugis kuno, yang bahasa tulisannya sudah tidak dikenali lagi orang Bugis masa kini, *La Galigo* ditulis di atas daun lontar dan – kemudiannya - kertas. Kerana panjang teks melebihi 300.000 baris, *La Galigo* dianggap sebagai karya penulisan terbesar dan terpanjang di dunia.[27]

Peraturan pelanggaran *siri'* terkandung di dalam *Lontara* yang pada awalnya tidak tertulis tetapi kemudiannya sudah boleh ditemui dalam bentuk teks. Dalam undang-undang adat tempatan pembunuhan kerana *siri'* menjadi salah satu alasan pelaku pembunuhan dibebaskan daripada hukuman. Malah kalau dia tidak melakukan pembunuhan dia dianggap *tau tena siri'na* (orang tidak memiliki *siri'*). Sedangkan orang tidak memiliki *siri'* dipandang bukan lagi manusia normal. Itulah yang mendorong kes-kes pembunuhan kerana *siri'* berlaku kalangan masyarakat.

Dalam sejarah perundangan zaman kerajaan Belanda di Indonesia undang-undang Islam dan undang-undang adat kekal dikuatkuasakan. Awalnya digunakan teori *Receptio in Complexu* iaitu bahawa bangsa Hindu menggunakan undang-undang Hindu, kaum Islam menggunakan undang-undang Islam dan umat Kristian menggunakan undang-undang Kristian. Menurut fahaman ini, undang-undang pribumi mengikuti agama, kerana jika memeluk suatu agama harus juga mengikuti undang-undang agamanya dengan setia. Teori ini berlaku pada tahun 1855.

---

[27]Nurhayati Rahman, Anil Hukma, Idwar Anwar, *La Galigo, Menelusuri Jejak Warisan Sastra Dunia* (Makassar : Pusat Studi La Galigo Universitas Hasanuddin dan Pemerintah Daerah Barru, 2003), xxii.

Perkembangan selanjutnya ialah usaha penambahbaikan teori berkenaan dengan munculnya fahaman yang disebut teori *Receptie* pada tahun 1907. Teori ini menyatakan bahawa undang-undang yang hidup dan berlaku bagi rakyat Indonesia adalah undang-undang adat yang bebas daripada agamanya. Undang-undang Islam diserap ke dalamnya selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang adat.[28] Realitinya dan sepanjang diketahui daripada undang-undang yang pernah berkuatkuasa di Sulawesi Selatan, sehingga kerajaan Indonesia menguatkuasakan KUHP adalah undang-undang adat dan diterapkan undang-undang Islam secara terhad.

Merujuk Ter Haar, Wiranata menyebutkan semasa Kerajaan Belanda terdapat 19 amalan adat di Indonesia, iaitu (1) Aceh, (2) daerah-daerah Gayo, Alas, dan Batak, serta Nias (3) Minangkabau, (4) Sumatera Selatan, (5) Daerah Melayu, (6) Bangka dan Belitung, (7) Kalimantan, (8) Minahasa, (9) Gorontalo, (10) Toraja, (11) Sulawesi Selatan, (12) Kepulauan Ternate, (13) Maluku, (14) Irian Barat, (15) Kepulauan Timor, (16) Bali dan Lombok, (17) Jawa Tengah dan Jawa Timur, (18) Solo dan Jogya, dan (19) Jawa Barat.[29] Penetapan berkenaan berdasarkan kenyataan yang ditemui di daerah adat dengan pengkhususan masing-masing yang membezakan dengan yang lainnya.

Untuk skop daerah adat berkenaan undang-undang adat berlaku atas bumiputera (orang Indonesia asli) berdasarkan seksyen 131 (6) *Indische Staatsregeling* sejauh undang-undang adat itu tidak diganti dengan undang-

[28]I.Gede A.B.Wiranata, *Hukum Adat Indonesia :Perkembangannya dari Masa ke Masa* (Bandung : PT.Citra Aditya Bakti, 2005), 97.

[29]Hilman Hadikusuma, *Pengantar Ilmu Hukum Adat Indonesia* (Bandung : Mandar Maju, 2003), 5.

undang bagi golongan Eropah. Pelaksanaan undang-undang adat berkenaan sepanjang tidak bertentangan dengan prinsip asas yang sudah diakui umum tentang kesamarataan dan keadilan.[30]

Walaupun Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP) atau Undang-Undang Jenayah Indonesia tidak mengakui motif *siri'* sebagai alasan meringankan jenayah, akan tetapi Undang-Undang RI nombor 48 tahun 2009 berkaitan bidangkuasa kehakiman dapat menjadi dasar untuk pertimbangan meringankan hukuman tersebut. Seksyen 5 (1) Undang-Undang berkenaan menyebutkan, "Hakim dan hakim konstitusi wajib menggali, mengikuti, dan memahami nilai-nilai undang-undang dan rasa keadilan yang hidup dalam masyarakat."[31] Menurut penyelidik, undang-undang ini dapat dijadikan asas penting bagi hakim untuk mengambil kira *siri'* sebagai faktor meringankan jenayah bagi pelaku pembunuhan.

Di Indonesia, hakim adalah terdiri daripada hakim Mahkamah Agung dan hakim badan mahkamah yang berada di bawahnya termasuk Mahkamah Am, Mahkamah Agama, Mahkamah Tentera, Mahkamah Tata Usaha Negara, dan hakim pada Mahkamah Khas yang berada dalam bidang kuasa mahkamah berkenaan.[32] Undang-Undang Jenayah dilakukan oleh Mahkamah Agung dan mahkamah yang ada di bawahnya Mahkamah Am, iaitu Mahkamah Tinggi di peringkat wilayah dan Mahkamah Negeri di peringkat daerah/kota. Setiap

[30]Mr.B.Ter Haar Bzn, *Asas-Asas dan Susunan Hukum Adat*, trans. K.Ng. Soebakti Poesponoto (Jakarta : Pradnya Paramita, 1985), 21-22.

[31]Seksyen 5 (1) Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 48 Tahun 2009 Tentang Kekuasaan Kehakiman, Bab II Asas Penyelenggaraan Kekuasaan Kehakiman.

[32]Seksyen 1 (5) Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 48 Tahun 2009 Tentang Kekuasaan Kehakiman, Bab II Asas Penyelenggaraan Kekuasaan Kehakiman.

tingkatan mahkamah memiliki kekuasaan masing-masing berkaitan perbicaraan. Struktur Kekuasaan Kehakiman di Indonesia boleh dilihat pada rajah berikut ini :



Rajah 1.2 Struktur bidangkuasa kehakiman di Indonesia

Selain tugas-tugas lainnya, Mahkamah Agung berfungsi melakukan perbicaraan peringkat rayuan yang diajukan pihak terlibat yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Peringkat Tinggi. Mahkamah Peringkat Tinggi ialah perbicaraan am yang berfungsi memeriksa, membicarakan, dan memutus kes jenayah sesuai dengan ketentuan peraturan perundangan. Keputusan mahkamah peringkat pertama dapat dimintakan semak semula kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak-pihak yang bersangkutan, kecuali undang-undang menentukan sebaliknya. Mahkamah peringkat pertama di sini ialah Mahkamah Negeri yang terletak di daerah/kota.[33]

[33]Rujuk Seksyen 22 dan 26Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 48 Tahun 2009 Tentang Kekuasaan Kehakiman, Bab II Asas Penyelenggaraan Kekuasaan Kehakiman.

Universiti Utara Malaysia

Seseorang yang tidak berpuas hati dan tidak menerima keputusan Mahkamah Negeri dapat mengajukan kepada undang-undang lebih tinggi iaitu banding ke mahkamah lebih tinggi, iaitu Mahkamah Tinggi. Sekiranya dia masih kekal tidak berpuas hati dan menolak keputusan perbicaraan di peringkat Mahkamah Tinggi, maka boleh membawa kes ke mahkamah lebih tinggi, iaitu Mahkamah Agung.

Institusi kekuasaan kehakiman dengan tiga peringkat tersebut menyebabkan tertuduh kes pembunuhan bermotif *siri'* kemungkinan akan mengalami kesukaran mendapatkan hak pembelaan dan keadilan. Ini disebabkan tidak kesemua hakim di semua peringkat mahkamah memahami *siri'* sebagai budaya tempatan. Kebanyakan hakim berasal daripada daerah berbeza di Indonesia sehingga tidak ada jaminan mereka akan mengambil kira undang-undang adat tempatan sebagai pertimbangan dalam perbicaraan mahkamah khususnya untuk meringankan hukuman bagi pihak tertuduh.

Universiti Utara Malaysia

1.2 Pernyataan Masalah

Banyak berlaku kes bunuh membunuh kerana latar belakang *siri'* dalam masyarakat sama ada di kawasan Bandar atau di kawasan desa.

a. Kes pembunuhan *siri'* kerana disyaki berbuat curang. Pada tahun 2012, misalnya, akhbar Tribun Timur yang terbit di Makassar menulis, seseorang bernama Syahria (34 tahun) warga Bandar Makassar dibunuh oleh suaminya bernama Sunardi (26 tahun) kerana disyaki berbuat curang dengan lelaki lain.[34]

[34]Akhbar Harian *Tribun Timur (*Makassar), 9 September 2014.

b. Kes pembunuhan *siri'* kerana perkataan tidak senonoh. Pada tarikh 18 Julai 2012, kejadian berlaku di Makassar, Muhari Daeng Labbang (54 tahun) membunuh lelaki Abdullah Daeng Lira. Dia membunuh seorang lelaki kerana telah mengeluarkan kata-kata yang tidak sopan, *"malam ini saya mahu ambil isterimu, saya mahu buka seluarnya di sini"*. Ucapan itu dianggap satu penghinaan bagi masyarakat Makassar dan suaminya merasa *nipakasiri'* (dimalukan), sehingga untuk menegakkan *siri'*nya dia membunuh lelaki terbabit.[35]

c. Kes pembunuhan *siri'* di Daerah Maros, pada tarikh 21 Disember 2000, berlaku pembunuhan yang dilakukan lelaki Hatta bin Parehe (28 tahun) ke atas lelaki bernama Sainal dan perempuan bernama Ani, kerana kedua-duanya melakukan perbuatan hubungan seks tanpa hubungan yang sah sebagai suami-isteri (berzina). Ani adalah isteri kepada Hatta bin Parehe. Alasan Hatta bin Parehe membunuh kerana kedua-duanya dianggap melakukan pelanggaran *siri'*.[36]

Universiti Utara Malaysia

Seperti pada contoh kes pembunuhan di atas, kes perempuan merupakan salah satu faktor timbulnya kes pembunuhan kerana *siri'*. Banyak kes pembunuhan berlaku bermotifkan *siri'* melibatkan pencerobohan harga diri perempuan. Undang-undang adat dan KUHP berbeza di dalam menangani kes pencerobohan *siri'*.

Salah satu seksyen undang-undang adat dalam *Lontara* menyebutkan, *"Punna niak tau akkana riburaknea embai bainennu. Namanna tau*

[35]Jabatan Mahkamah Bandar Makassar, 2014.

[36]Jabatan Mahkamah Maros, 2014.

nipatappakmamo angkanangi anjo kanaya, tamakkulleai niak gaukna buraknenna, kagaukji, nirapikampi sikatinroang nalalomo ammuno...(perkara 50)".[37] Ertinya, kalau ada seseorang yang berkata kepada seorang lelaki "isterimu berbuat curang", meski pun seseorang itu patut dipercayai, maka suami wanita berkenaan tidak boleh mengambil tindakan membunuh, kecuali jika kedua-dua individu berkenaan didapati sedang tidur bersama.

Peruntukan undang-undang berkenaan ialah, jika seorang isteri berbuat curang dengan lelaki lain, maka dia dan lelaki yang berbuat curang bersamanya, boleh dibunuh oleh suaminya atau kerabatnya kerana kedua-duanya telah melanggar *siri'*. Akan tetapi sekiranya sudah sampai di tangan pihak berkuasa penjenayah tidak boleh lagi dibunuh. Pembunuhan kerana *siri'* hanya boleh dilaksanakan sebelum kes berkenaan sampai di tangan kerajaan atau ketua adat. Menurut undang-undang jenayah adat, seorang yang membunuh kerana *siri'* tidak akan dianggap melakukan jenayah kerana ia telah menegakkan *siri'*.

Berasaskan kes-kes di atas, ada empat permasalahan kajian yang muncul iaitu :

a. Kelemahan KUHP adalah tidak mempertimbangkan motif *siri'* dan tidak pula menjadikan undang-undang adat ini sebagai alasan meringankan hukuman bagi pelaku. Jadi, seorang yang membunuh kerana mempertahankan kehormatan keluarga tetap dihukum berdasarkan seksyen 338 KUHP, iaitu pembunuhan biasa, dan seksyen 340 KUHP, iaitu pembunuhan dengan perancangan. Pelanggaran ke atas seksyen 338 dikenakan hukuman penjara maksimun 15

[37]B.F. Matthes, *Makassaarsche Chrestomathie, Het Nederlandsch Bijbelgenootschap* (Te Amsterdam : Bij Frederik Muller, Gedrukt Bij, C.A. Spin & Zoon, 1860), 223.

tahun, manakala pelanggaran seksyen 340 dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup atau selama tempoh tertentu, maksimum dua puluh tahun."[38]

b. Menggunakan KUHP sahaja bagi pelaku pelanggaran *siri'* tidak adil kerana seseorang yang berbuat zina, misalnya, hanya dituntut hukuman maksimum sembilan bulan penjara mengikut Seksyen 284 KUHP. [39] Hukuman yang ringan bagi pencerobohan kehormatan wanita dan keluarga mendorong seseorang melakukan penyelesaian dengan cara adat.

c. Kelebihan undang-undang adat adalah memperberat hukuman bagi pelaku pencerobohan kehormatan keluarga, khasnya kehormatan wanita, sehinggalah membuat seseorang tidak berani melakukan perbuatan semacam itu. Masyarakat akan lebih tenteram jika hukuman diberikan secara teruk dan seimbang.

d. Indonesia menganut sistem unifikasi undang-undang jenayah, iaitu KUHP sehinggalah undang-undang adat tidak mungkin dijadikan rujukan dalam sistem Perlembagaan di Indonesia. Walaupun demikian, implementasi undang-undang adat ini tetap memungkinkan diwujudkan dengan merujuk kepada Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 48 Tahun 2009 berkaitan bidangkuasa kehakiman, di mana hakim berkewajipan menggali nilai-nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat.

---

[38]Seksyen 340 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIX tentang Kejahatan Terhadap Nyawa.

[39]Seksyen 284 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIV, Kejahatan Terhadap Kesusilaan.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan pokok kajian adalah aspek sejauhmana bidangkuasa pelaksanaan undang-undang adat di Indonesia belum tersentuh selama ini dan aspek kelemahan KUHP dan kelebihan undang-undang adat pembunuhan *siri*. Persoalan pokok itu akan lebih jelas menerusi jawapan atas soalan am kajian ini iaitu bagaimanakah pelaksanaan undang-undang jenayah dalam kes pembunuhan kerana *siri'* di Sulawesi Selatan ? Soalan am berkenaan turut dirumuskan dalam bentuk persoalan khusus dan memperincikan masalah yang dicari menerusi pengkajian di lapangan. Soalan khas berkenaan ialah :

a. Berapa banyak kes pembunuhan kerana *siri'* di kawasan kajian dalam lima tahun terakhir ?
b. Bagaimanakah kefahaman tokoh masyarakat tentang *siri'* ?
c. Bagaimanakah kefahaman para hakim tentang *siri'* ?
d. Adakah para hakim melaksanakan amanah seksyen 5 (1) Undang-undang Kekuasaan Kehakiman Republik Indonesia nombor 48 tahun 2009 mengenai kewajipan hakim menggali, mengikuti, dan memahami nilai undang-undang yang hidup di dalam masyarakat bagi memenuhi rasa keadilan di dalam pelaksanaan undang-undang ?
e. Adakah *siri'* diambilkira oleh para hakim dalam membuat keputusan ke atas kes pembunuhan kerana *siri'* ?

Universiti Utara Malaysia

1.4 Objektif Kajian

Objektif am kajian ini ialah mengkaji pelaksanaan undang-undang jenayah dalam kes pembunuhan kerana *siri'* di Sulawesi Selatan. Secara khusus, objektif kajian ini ialah :

a. Mendeskripsikan kes pembunuhan kerana *siri'* pada keseluruhan atau sebahagian daripada 7 (tujuh) Mahkamah Negeri di Sulawesi Selatan yang membicarakan kes *siri'*. Dengan mendapati kes-kes pembunuhan kerana *siri'* di Jabatan Mahkamah Negeri tempatan, membawa kefahaman mengenai gambaran kes-kes pembunuhan kerana *siri'* pada amnya di daerah berkenaan.
b. Mengkaji kefahaman tokoh masyarakat dan hakim tentang *siri'* di daerah kajian.
c. Mengkaji bidangkuasa kehakiman dalam seksyen 5 (1) Undang-undang Republik Indonesia No. 48 tahun 2009 bagi kes-kes pembunuhan *siri'*.
d. Menganalisis pendekatan Mahkamah dalam membuat keputusan bagi kes-kes pembunuhan kerana *siri'*.
e. Menganalisis perbandingan antara undang-undang adat dan undang-undang positif dan mencari penyelesaian antara kedua-duanya.
f. Mencadangkan pelaksanaan alternatif undang-undang jenayah terhadap kes-kes pembunuhan kerana *siri'* untuk dijadikan dasar pengembangan kualiti hakim tempatan, kemungkinan perubahan undang-undang jenayah di Indonesia selari dengan nilai sosial masyarakat Indonesia, dan upaya mempertahankan undang-undang adat dalam sistem perundangan.

Universiti Utara Malaysia

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian tentang pelaksanaan undang-undang jenayah dalam kes-kes pembunuhan kerana *siri'* di Sulawesi Selatan dianggap penting kerana beberapa sumber sebagai berikut :

a. Daripada sudut kepentingan *akademik*, kajian ini perlu bagi para ilmuan mengisi kelopongan di dalam kajian saintifik yang mengaitkan nilai-nilai *siri'* dengan kuasa budi bicara para hakim dalam memutuskan kes pada Mahkamah di Sulawesi Selatan.
b. Manfaat yang diperoleh daripada kajian ini ialah dapatan bahawa hakim memutuskan kes bukan hanya berasaskan pada undang-undang formal tetapi juga mengambilkira nilai-nilai tempatan yang hidup dalam masyarakat.
c. Kajian ini penting dalam konteks menghormati dan memelihara adat pribumi, menegakkan keadilan dan mengubah adat yang bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan, hak asasi manusia dan perlembagaan.
d. Daripada sudut kepentingan praktikal, keperluan kajian ini iaitu dapat menyokong upaya para hakim bergiat menggali, memahami dan mengikhtiraf nilai-nilai tempatan agar keputusan mereka boleh memenuhi prinsip keadilan yang wujud dalam masyarakat.

1.6 Kekangan Kajian

Kekangan kajian pada usaha membezakan antara kes-kes pembunuhan kerana *siri'* dan pembunuhan bukan kerana *siri'*. Hal itu disebabkan dokumentasi keputusan Mahkamah tidak mengklasifikasi kes-kes pembunuhan berdasarkan motifnya. Alternatifnya, penyelidik berusaha mendapatkan dokumen keputusan Mahkamah di Mahkamah Negeri berkenaan dan menelaah dokumen-dokumen

Universiti Utara Malaysia

berkenaan bagi mengetahui motif pembunuhan bagi kejadiaan kes pembunuhan. Penyelidik juga berupaya bertanyakan kepada pagawai Mahkamah yang masih mengingati kes *siri'* yang pernah berlaku dan dibicarakan di Mahkamah tempatan.

Kekangan lainnya, ialah hakim yang telah memutuskan kes sudah berpindah tempat tugas atau sudah berpencen sehingga menyukarkan penyelidik memahami kuasa budi bicara mereka dalam menetapkan keputusan. Oleh itu, bagi mengatasi masalah berkenaan, penyelidik telah melakukan temu bual dengan hakim lain yang masih bertugas di Mahkamah Negeri tempatan. Kesulitan lainnya ialah, hakim sukar ditemui sebab terlalu sibuk dengan perbicaraan. Mereka juga dilarang menurut kod etika sebagai hakim untuk tidak bercakap dan bertemu dengan sebarangan orang bagi menjaga integriti dalam memutuskan kes. Selain itu, masih wujud persepsi di kalangan pegawai Jabatan Mahkamah tempatan bahawa hasil keputusan Mahkamah tidak boleh disampaikan ke masyarakat ramai secara terbuka.

Universiti Utara Malaysia

1.7 Definisi Istilah Operasional

Ada tiga istilah yang perlu didefinisikan secara operasional dalam kajian ini, iaitu pembunuhan, *siri'* dan jenayah.

a. Pembunuhan. Pembunuhan di sini ialah pembunuhan seperti dimaksudkan dalam Undang-undang Jenayah Indonesia, yang dikategorikan sebagai kejahatan terhadap nyawa orang. Ia disebut juga *makar mati* (*doodslag* : Belanda) iaitu perbuatan yang mengakibatkan kematian orang lain, sedangkan kematian itu disengaja, bermaksud termasuk dalam niatnya. Syeksen 338 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP) disebutkan : "barangsiapa dengan

sengaja merampas nyawa orang lain, diancam kerana pembunuhan dengan jenayah penjara paling lama lima belas tahun."[40]

Disebutkan dalam seksyen 340 KUHP bahawa, "barangsiapa dengan sengaja dan dengan dirancangkan terlebih dulu merampas nyawa orang lain, diancam kerana pembunuhan dengan rancangan, dengan jenayah mati atau jenayah penjara seumur hidup atau selama masa tertentu paling lama dua puluh tahun."[41] Di sini jelas yang dimaksudkan dengan pembunuhan ialah menghilangkan nyawa orang lain sama ada secara spontan atau menerusi perancangan terlebih dulu yang diancam dengan hukuman tertentu menurut Undang-Undang Jenayah.

b. Undang-Undang Jenayah ialah Undang-Undang Jenayah yang berlaku di Indonesia yang disebut Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP). KUHP berasal dari Undang-Undang Jenayah Belanda (*Wetboek van Strafrecht*) yang diberlakukan di Indonesia berasaskan Undang-Undang No.1/1946 berkaitan Peraturan Hukum Pidana Indonesia dan Undang-Undang No.73/1958 yang menerapkan Undang-Undang No.1/1946 bagi seluruh wilayah Indonesia.[42] Undang-undang jenayah merupakan undang-undang yang berkaitan antara negara dengan individu atau kumpulan individu. Dalam undang-undang jenayah setiap pendakwaan pada amnya dilakukan oleh sebuah negara atau atas nama negara atau atas nama ketua negara atau kerajaan. Tujuan pendakwaan

[40]Seksyen 338 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIX, Kejahatan Terhadap Nyawa.

[41]Ibid.

[42]Teguh Prasetyo, *Hukum Pidana* (Jakarta : Raja Grafindo Persada, 2011), 27.

ialah untuk menghukum penjenayah atau pesalah berkenaan di atas kesalahan jenayah yang dilakukannya, selain daripada tujuan bagi pemulihan dan kesedaran, pencegahan, keinsafan, perlindungan, pembalasan dan sebagainya.[43]

c. *Siri'* ialah sebahagian daripada sistem nilai budaya orang Sulawesi Selatan. *Siri'* dimaksudkan sebagai kehormatan atau harga diri dan dapat pula ditafsir sebagai perasaan malu yang mendalam. Perasaan malu yang mendalam ini diambil daripada kebiasaan orang Makassar menyebut *siri'- siri'* sebagai malu biasa atau malu-malu. Bagi membezakan malu-malu (*siri'- siri'*) dengan perasaan malu yang mendalam yang membabitkan kehormatan dan harga diri maka digunakan konsep *siri'*. *Siri'* dalam erti malu yang mendalam inilah yang banyak menimbulkan peristiwa berdarah termasuk pembunuhan.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berasaskan kepada skop kajian berkenaan, maka lebih mudah memasukkan unsur-unsur berkenaan ke dalam sebuah kerangka kajian. Kerangka ini dimaksudkan bagi mengatasi kerumitan yang boleh terjadi jika formulasinya hanya ditulis dalam bentuk urutan penulisan. Selain bertujuan pemudahcara, kerangka juga menggambarkan aturan berfikir kajian sehingga jelas konsep-konsep yang digunakan dan bagaimana konsep-konsep berkenaan terbina dalam sebuah kerangka dan hubungan sistematik dan logik.

Kerangka ini menempatkan konsep *siri'* sebagai asas utama kajian. *Siri'* dapat diringkas takrifnya sebagai harga diri, maruah, dan rasa malu yang

[43]Dato' Hj.Mohammad Shariff bin Hj. Abu Samah dan Datin Hjh. Asidah Binti Hj.Mohd Ali, Alman *Undang-Undang Jenayah di Malaysia*, Edisi Disemak (Selangor : International Law Book Services, 2008), 36-37.

mendalam apabila harga diri dan maruah itu diceroboh. Dalam istilah undang-undang di Indonesia, *siri'* dikategorikan sebagai nilai undang-undang yang wujud di dalam masyarakat. *Siri'* memberi kesan kepada berlakunya kes-kes pembunuhan dalam masyarakat di Sulawesi Selatan. Kes-kes pembunuhan ini kemudian dikategorikan sebagai pembunuhan kerana *siri'*. Di negara-negara Muslim lain, seperti Pakistan dan Timur Tengah, pembunuhan kehormatan (*honor killing*) juga dikenali.

Kefahaman tokoh masyarakat tentang *siri'* juga dimasukkan perbincangan. *Siri'* berlaku di dalam masyarakat dan oleh itu perubahan masyarakat juga berkesan terhadap kefahaman dan perilaku *siri'*. Bagaimanapun, secara amnya, kefahaman adat bersifat dinamik kerana, menurut Danial Lerner, telah berlaku perubahan masyarakat dari tradisional ke moden oleh sebab faktor-faktor urbanisasi, kemampuan membaca dan menulis, partisipasi media, dan partisipasi politik.[44]

Kes-kes pembunuhan kerana *siri'* kemudian diproses dalam Mahkamah di Jabatan Mahkamah daerah tempatan. Proses Mahkamah membabitkan para hakim bagi memutuskan kes. Sebagai pelaksana undang-undang jenayah, para hakim memerlukan kefahaman tentang *siri'* sebagai nilai yang hidup dalam masyarakat. Kefahaman hakim tentang *siri'* selanjutnya memberi kesan pada kuasa budi bicara hakim bagi memastikan bahawa *siri'* diambilkira dalam keputusan terhadap tertuduh. Kefahaman adat tidak bersifat statik tetapi dinamik.

Faktor-faktor yang berkesan pada perubahan masyarakat tradisional ke masyarakat moden adalah perpindahan penduduk dari desa ke bandar, melek huruf, partisipasi media, dan partisipasi politik. Kemampuan membaca dan

[44]Daniel Lerner, *The Passing of Traditional Society : Modernizing the Middle East,* diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia dengan judul Memudarnya Masyarakat Tradisional (Yogyakarta : Gadjah Mada University Press, 1983), 47.

menulis (melek huruf) adalah yang tertinggi kesannya di kalangan faktor-faktor berkenaan. Kemampuan membaca dan menulis adalah keahlian asas dari setiap orang yang menjadi asas urutan-urutan modernisasi. Kemampuan ini membuat orang memperolehi lebih dari sekadar pengetahuan membaca yang sederhana. Tindakan untuk mengarungi jarak dan penguasaan bahasa rasmi memberikan kepada manusia kesempatan memasuki dunia penuh pengalaman menerusi orang lain dan melatih mereka memanfaatkan alat rumit dari empati yang diperlukan untuk boleh hidup di dunia ini.[45]

Pada komponen terakhir, keputusan Mahkamah terhadap kes pembunuhan kerana *siri'* tergantung pada kuasa budi bicara hakim. Kerangka konseptual pelaksanaan undang-undang jenayah dalam kes-kes pembunuhan kerana *siri'* di Sulawesi Selatan, adalah seperti berikut :



Rajah 1.3 Kerangka konseptual

1.9 Ringkasan Bab

Untuk memudahkan kefahaman struktur kajian dan perbahasan penyelidikan ini secara jitu, maka disusun organisasi perbahasan yang berpunca daripada

[45]Daniel Lerner, *The Passing of Traditional Society*, Modernizing the Middle East, diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia dengan judul Memudarnya Masyarakat Tradisional (Yogyakarta : Gadjah Mada University Press, 1983), 47.

kerangka kajian. Organisasi perbahasan tesis bertujuan memungkinkan cara pandang yang holistik dan komprehensif dan untuk menghindari pandangan wujud secara terpisah.

Bab pertama adalah pengenalan yang memuatkan latar belakang yang menjadi dasar bagi mendorong penyelidik melakukan penyelidikan. Untuk mengetahui masalah dasar tersebut secara lebih spesifik maka dikemukakan pernyataan masalah. Pernyataan masalah kemudian diikuti dengan persoalan kajian yang perlu dijawab dan dicari penjelasannya selama tempoh penyelidikan.

Bab pertama juga mengandungi tujuan penyelidikan bagi memperjelaskan masalah-masalah secara mendalam yang memerlukan jawapan di dalam penyelidikan. Pada bahagian ini juga dikemukakan kepentingan kajian untuk melihat sumbangan penting yang boleh diberikan penyelidikan ini sama ada bagi kepentingan ilmiah dan kepentingan praktikal. Selama penyelidikan dilakukan penyelidik menempuhi pelbagai kekangan sama ada kekangan teknikal proses penyelidikan dan pengutipan data atau kekangan pentadbiran yang berlaku di tempat penyelidikan.

Bagi menghindari kesalahfahaman terhadap konsep-konsep yang digunakan dalam penyelidikan ini, penyelidik perlu memberikan definisi istilah operasional terhadap konsep-konsep utama berkaitan penyelidikan. Bahagian terakhir daripada bab pertama dikemukakan kerangka konseptual kajian. Kerangka konseptual berkenaan bertujuan membentuk kerangka berfikir dalam penyelidikan sehingga nampak wujudnya kesatuan konseptual dan hubung kait satu bahagian dengan bahagian lainnya.

Bab kedua memuatkan ulasan karya. Pertama sekali, dikemukakan dapatan para penyelidik yang pernah melakukan penyelidikan tentang *siri'* di daerah tempatan. Dalam bahagian ini juga dikemukakan kerangka konseptual *siri'* yang mengandungi perbincangan mengenai makna *siri'*dan hukuman bagi pelanggaran *siri'*. Bab kedua juga memuatkan pembunuhan menurut *Lontara* dan pembunuhan menurut KUHP. Terdapat satu bahagian dalam bab ini yang memuatkan perbandingan pembunuhan menurut *Lontara* dan pembunuhan menurut KUHP.

Selain itu kod etika hakim juga dimuat dalam bab kedua berkenaan, sama ada kod etika berdasarkan peraturan kerajaan dan kod etika berdasarkan *Lontara.* Bahagian akhir daripada bab kedua membincangkan beberapa pendekatan perbicaraan yang membabitkan kes pembunuhan kerana *siri'* sama ada sebelum kemerdekaan Indonesia dan selepas kemerdekaan. Bab kedua juga mengandungi kajian teori berkaitan dengan persoalan pengkajian, iaitu teori fungsional, teori *anomi,* teori kawalan, dan teori *receptio a contrario.*

Bab ketiga memuatkan metodologi kajian, yang dimulakan dengan reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian ini memberikan gambaran seperti mana konstruksi dan proses-proses penyelidikan dilakukan. Termasuk dalam bahagian ini adalah ruang lingkup kajian bertujuan memberikan batas-batas sama ada daripada segi skop wilayah kajian dan kandungan penyelidikan. Jenis data yang diperlukan dan boleh diperoleh di lapangan juga merupakan bahagian dari bab ini. Hal ini merupakan lanjutan dari reka bentuk kajian yang dipilih selari dengan sifat penyelidikan itu sendiri. Kaedah pengutipan data merupakan sebahagian daripada bab ini bagi memudahkan penyelidik mendapatkan data yang diperlukan

Universiti Utara Malaysia

dan sesuai dengan reka bentuk kajian. Perbahasan lain yang terkandung dalam bab ini adalah analisis data.

Bab keempat memuatkan dapatan dan analisis data yang mengandungi data-data tentang peristiwa pembunuhan kerana *siri'* dalam wilayah yang dijadikan lokasi kajian. Pada bab ini juga dibincangkan kefahaman masyarakat dan hakim tentang *siri'*, yang kemudian dapat menjadi dasar bagi perbahasan selanjutnya mengenai kuasa budi bicara hakim dalam menentukan keputusan. Perbahasan selanjutnya adalah analisis mengenai keputusan Mahkamah tentang kes pembunuhan kerana *siri'*, seperti mana hakim mempertimbangkan berat-ringannya hukuman bagi tertuduh. Proses ini pada amnya mampu menjadi penyelidikan dilakukan secara mendalam terhadap dokumen keputusan Mahkamah yang wujud di Jabatan Mahkamah tempatan. Pada bahagian akhir daripada bab ini penyelidik telah melakukan perbincangan kritis ke atas dapatan dan perbahasan teori.

Universiti Utara Malaysia

Bab kelima dimuatkan kesimpulan penyelidikan dan cadangan. Kesimpulan mencakupi jawapan atas persoalan utama penyelidikan, iaitu kes pembunuhan kerana *siri'* yang telah berlaku dalam skop wilayah kajian. Kesimpulan lainnya adalah seperti mana hakim menjalankan Undang-Undang Bidangkuasa Kehakiman mengenai kewajipan mempertimbangkan undang-undang yang hidup dalam masyarakat diikuti oleh realiti keputusan yang ditetapkan hakim ke atas kes pembunuhan kerana *siri'*. Cadangan juga dimuatkan pada bab ini, yang diketengahkan kepada pihak-pihak terbabit iaitu para tokoh adat, tokoh agama, para pendidik, serta pakar tempatan, pihak Mahkamah dan Pemerintah Daerah.

Cadangan turut dikemukakan bagi keperluan penggubalan undang-undang positif yang lebih bersesuaian dengan sistem budaya Indonesia.

1.10 Kesimpulan

Pada bahagian ini dapat disimpulkan bahawa *siri'* ialah perasaan malu yang mendalam, harga diri, kehormatan, dan maruah yang dimiliki seseorang. Apabila *siri'*diceroboh maka pelaku boleh dibunuh. Undang-Undang Jenayah ialah Undang-Undang Jenayah yang berlaku di Indonesia yang dikenal sebagai Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP). Undang-undang jenayah tidak mengakui *siri'* yang menghalalkan tindakan bunuh dalam kes pencerobohan maruah diri.

Undang-undang RI nombor 48 tahun 2009 berkaitan bidangkuasa kehakiman memperuntukkan bahawa hakim wajib menggali dan memahami undang-undang yang wujud dalam masyarakat. Oleh itu, hakim harus mempertimbangkan *siri'* dalam keputusan di Mahkamah. Motif kes pembunuhan kerana *siri'* harus diambil kira oleh hakim Mahkamah sebagai faktor meringankan hukuman terhadap tertuduh dalam kes pembunuhan kerana *siri'*.

BAB II

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan

Ulasan karya ini mengandungi kerangka konseptual *siri'* yang mengandungi definisi *siri* menurut para ahli. Dalam bahagian ini pula dikedepankan kerangka perundangan berkait pencerobohan *siri'*, melingkupi pembunuhan menurut *Lontara* dan KUHP serta perbezaan antara kedua-duanya. Dikedepankan pula dasar berlakunya undang-undang adat dalam sistem Undang-undang Nasional, amalan mahkamah dalam keputusan terhadap kes pembunuhan *siri* masa lampau; dan etika hakim. Bab ini juga mengandungi pelaksanaan undang-undang adat di pelbagai etnik di Indonesia dan beberapa negara Muslim, khasnya di Asia Selatan dan Timur Tengah. Pada bahagian akhir daripada ulasan karya adalah kerangka teori melingkupi teori fungsional struktural, teori anomi, teori kawalan, dan teori *reseptio a contrario*.

2.1 Definisi dan Kerangka Konseptual *Siri'*

2.1.1 Definisi dan Pendapat Pakar tentang *Siri'*

S*iri'* dalam konteks pengkajian ini, ialah perasaan malu yang mendalam sebagai akibat daripada pelanggaran kehormatan dan harga diri seseorang. *Siri'* menuntut tindakan pemulihan harga diri berkenaan bagi *tumasiri'* (keluarga yang dimalukan) dan ditujukan kepada sesiapa yang melakukan perbuatan *appakasiri'*

(memalukan). *Siri'* merupakan bahagian daripada undang-undang adat tempatan. Adat, dalam *Lontara* disebut *ade 'pura onro* (adat yang sudah ditetapkan sedia kala dan tidak boleh diubah)[46] iaitu adat yang sudah tetap yang tidak boleh diubah, kerana sudah disepakati bersama oleh raja dan rakyat untuk dilaksanakan dan ditaati yang telah dipersaksikan ke hadapan *Dewata Yang Esa* (Tuhan). Pelanggaran terhadap peruntukan berkenaan berakibat pada rosaknya negeri.[47] Daripada kata itu kemudiannya menjadi *panngadakkang* atau *panngaderreng* yang disebut sistem adat atau norma-norma adat. Dengan demikian, yang dimaksud undang-undang adat adalah adat yang mempunyai hukuman, manakala istilah adat yang tidak mengandungi hukuman dipandang kebiasaan normatif, iaitu kebiasaan berupa aturan bertingkah laku di dalam masyarakat tempatan.

Sementara itu, pelanggaran adat bererti perbuatan yang tidak boleh dilakukan, kerana akan mengganggu keseimbangan, di mana setiap pelanggaran itu dari suatu pihak atau dari sekelompok orang akan menimbulkan reaksi, suatu *reaksi adat,* dan dengan sebab reaksi berkenaan keseimbangan boleh dipulihkan semula.[48] Undang-undang adat pada amnya bersifat tradisional (turun temurun), mengandungi unsur agama, bersifat kebersamaan (komunal), tidak dikodifikasi dan mengutamakan *musyawarah* muafakat.[49]

Universiti Utara Malaysia

[46]Abidin, *Wajo pada Abad XV-XVI*, 24.

[47]Hadikusuma, 11.

[48]Ibid, 230.

[49]Ibid, 33.

Pelanggaran *siri'* akan menimbulkan reaksi dari pihak *tumasiri'*, salah satu reaksi adat berupa pembunuhan. Pembunuhan kerana *siri'* ialah tindakan bunuh yang dilakukan seorang *tumasiri'* ke atas orang lain yang menceroboh *siri'*. Pencerobohan berkenaan terutamanya berkaitan dengan harga diri perempuan, seperti isteri berbuat curang, anak perempuan dirogol atau dibawa lari, dan mahram berbuat sumbang (*inces*) dengan sesama mahram.

Pembunuhan bermotif *siri'*merupakan nasihat bagi orang lain. Jenayah adat terhadap rakyat ialah nasihat dan kasih sayang, pembunuhan pada hakikatnya merupakan perkara yang menghidupkan. Merekalah yang membunuh diri sendiri dengan kesalahan dan keburukan yang dilakukannya.[50] Oleh itu,semangat jenayah adat dengan pembunuhan kerana pencerobohan *siri'* merupakan salah satu cara untuk melindungi masyarakat itu sendiri dari perbuatan yang merosak maruahnya.

Kajian yang secara khusus mengkaji *siri'* dilakukan oleh Laicca Marzuki. Marzuki berpendapat, bahawa nilai *siri'* berkaitan perasaan malu dan harga diri (maruah). *Siri'* merupakan bahagian nilai-nilai etika undang-undang yang memuatkan nilai perasaan malu dan harga diri berkenaan. *Siri'* berkesan bagi menimbulkan kesedaran undang-undang kalangan rakyat dan berperanan sebagai pendorong masyarakat untuk mematuhi undang-undang.[51]

Kajian tentang *siri'* di Sulawesi Selatan telah dilakukan ramai pengkaji tetapi pada amnya tidak bersifat kajian khusus melainkan hanya sebahagian dari kajian budaya dan sejarah. H.Th. Chabot merupakan ilmuan awal yang menulis

---

[50]Andi Zainal Abidin, *Asas-Asas Hukum Pidana Bagian Pertama* (Bandung : Penerbit Alumni, 1987), 111.

[51]Marzuki, 206.

siri' orang Makassar (1950).[52] Berbeza dengan pengkaji lainnya, ianya berpendapat bahawa *siri'* hanya sedikit persamaannya dengan perasaan malu. Ia memahamkan *siri'* lebih hampir dengan makna harga diri (maruah).[53]

Leonard Y. Andaya, berpendapat *siri'* tidak berbeza dengan dapatan pengkaji lain, iaitu bahawa *siri'* ialah nilai yang merangkumi gagasan tentang harga diri dan perasaan malu. Tidak ada percanggahan dalam kedua-dua istilah berkenaan, kerana perasaan malu merupakan asal wujudnya harga diri. Perbuatan yang membuat seseorang merasa malu ialah tindakan yang mengabaikan tentang nilai maruah dan harga diri. Seseorang yang telah dibuat *siri'* diharapkan melakukan sesuatu untuk memulihkan kembali harga dirinya. Prinsip hidup seumpama ini tercermin dalam sebuah pepatah bahawa "lebih baik mati mempertahankan harga diri (*mate ri siri'na*) daripada terus hidup tanpa *siri'* (*mate siri'*).[54]

Penyelidik dapati bahawa Chabot dan Andaya tidak memberikan pengertian yang menyeluruh mengenai *siri'*. Chabot mengingkari bahawa pengertian *siri'* hanya sedikit persamaannya dengan perasaan malu dan lebih tepat diertikan sebagai harga diri. Sementara Andaya mengertikannya sebagai perasaan malu dan harga diri di mana kedua-duanya tidak perlu dibahaskan. Menurut penyelidik, *siri'* berasal daripada bahasa Makassar yang bererti perasaan malu.

---

[52]H.Th.Chabot, *Kinship, Status, and Gender in South Celebes* (Leiden : KITLV Press, 1996), 9.

[53]Ibid, 235.

[54]Leonard Y.Andaya, *Warisan Arung Palakka : Sejarah Sulawesi Selatan Abad ke-17*, trans. Nurhady Sirimonok, (Makassar : Ininnawa, 2004), 21.

Oleh itu, perasaan malu harus diertikan sebagai bukan perasaan malu biasa melainkan perasaan malu yang mendalam yang berkaitan harga diri selepas diaibkan orang lain. Sedangkan perasaan malu biasa (*shame*) dalam bahasa Makassar disebut *siri'-siri'* (perasaan malu-malu).

Berbeza dengan pengkaji lainnya, Andaya melihat adanya persamaan *siri'* dengan nilai *pacce*. *Pacce* pada peringkat biasa bererti rasa pedih, tetapi juga mempunyai takrif lain iaitu empati atau simpati terhadap orang lain. Seperti mana halnya *siri'*, perasaan empati dan simpati atau *pacce* menuntut tindakan bagi menghilangkan penyebab kesukaran.[55] Kedua-dua nilai ini berkait rapat. Ianya merujuk kepada pepatah orang Makassar "*ikambe mangkasaraka punna tasiri' pacce seng nipabbulo sibatanngi*" (kita orang Makassar kalau bukan *siri'*, *pacce* lah yang menyatukan kita).[56]

Pelras juga bercakap tentang *siri'* dan *pesse* (Bahasa Bugis, ertinya sama dengan *pacce* dalam Bahasa Makassar). Bagi manusia Bugis-Makassar, *siri'* ialah jiwa mereka, harga diri mereka, dan maruah mereka. Sebab itu, untuk menguatkuasakan *siri'* mereka bersedia mengorbankan apa sahaja, termasuk nyawanya.[57] S*iri'* yang paling sensitif berkaitan keluarga, misalnya anak wanita yang dilarikan seseorang lelaki atau kahwin lari (*silariang*). Ianya mentakrifkan *pesse* sebagai perasaan pedih mengindikasikan perasaan terharu (*empati*) yang mendalam terhadap jiran, kerabat, atau sesama ahli masyarakat. Hal itu

Universiti Utara Malaysia

[55]Ibid.

[56]Ibid, 23.

[57]Christian Pelras, *Manusia Bugis*, trans. Abdul Rahman Abu et al., (Jakarta : Forum Jakarta-Paris dan Penerbit Nalar, 2006), 251.

melambangkan kebersamaan, tidak hanya terhadap seseorang yang telah diaibkan, namun bagi sesiapa sahaja dalam kelompok sosial yang sedang dalam keadaan serba kekurangan, sedang bersedih, mengalami musibah, atau menderita sakit tenat.[58]

Menurut penyelidik, *siri'* sebagai harga diri atau perasaan malu mendalam masih merupakan sesuatu yang muncul kerana kesan daripada luar diri seseorang, sehingga tergantung kepada kepekaan orang itu untuk mahu menegakkan *siri'* atau tidak. Oleh itu *siri'* lebih bersifat perasaan malu dan sikap individu. Untuk boleh menegakkan *siri'* bagi keperluan bersama masyarakat maka perlu diimbangi dengan apa yang disebut *pacce* iaitu rasa pedih dan tidak sanggup melihat sesama manusia mengalami penderitaan. *Pacce* lebih bersifat perasaan kolektif dan tanggungjawab sosial.

Mattulada berpendapat s*iri'* sebagai kebanggaan atau keagungan harga diri (*dignity*). Sesuatu yang dianggap sepadan dengan harga diri ialah kelayakan dalam kehidupan sebagai manusia yang diiktiraf dan diperlakukan sama oleh setiap orang terhadap sesamanya. Seseorang yang tidak memperoleh perlakuan yang layak daripada orang ramai merasa harga dirinya diaibkan. Dalam kalimat bahasa Makassar, seseorang yang diperlakukan tidak layak itu boleh berkata: *napakasirika* (saya diperasaan malukan).[59] Menurut penyelidik, pengertian *siri'* dengan rasa kebanggaan dan keagungan harga diri telah membuat *siri'* ini sangat peka dan membuat orang Sulawesi Selatan cenderung mudah tersinggung ketika

[58]Ibid, 253.

[59]Mattulada, *Latoa* , 46.

kebanggaannya disentuh orang lain. Hal ini sering membawa akibat yang tidak diinginkan iaitu berupa pembunuhan yang tidak pada tempatnya. Menurut penyelidik *siri'* merupakan sesuatu yang manusiawi bagi semua orang di Sulawesi Selatan. *Siri'* perlu dipelihara dalam sistem budaya sehingga terwujud dalam perasaan secara kolektif masyarakat di Sulawesi Selatan.

Selain itu, Hasan Mahmud mengertikan *siri'* sebagai harga diri. Oleh itu, kalau membabitkan *siri'* tidak ada lagi jalan lain kecuali mencetuskan pergaduhan, kerana keberanian dalam keadaan bahaya ialah suatu tindakan yang bijaksana.[60] Pengertian yang diberikan oleh Mahmud lebih ditekankan pada sikap reaktif orang Makassar terhadap perlakuan yang menyinggung harga dirinya. Penyelidik berpendapat bahawa pergaduhan spontan seperti itu kerap kali menimbulkan peristiwa berdarah dan main hakim sendiri. Padahal *siri'* memberikan banyak pilihan untuk memberikan hukuman terhadap pelaku pelanggaran kehormatan *siri'* dan tidak selamanya harus dengan cara membunuh. Cara lain adalah pengasingan atau *nimateang* (dianggap telah mati) secara moral dan sosial, meskipun dibiarkan tetap hidup secara fisikal.

Andi Zainal Abidin, berpendapat bahawa *siri'* boleh diniatkan sebagai *harkat* dan maruah dan boleh juga bermakna perasaan malu apabila *harkat* dan maruah digugat orang lain. Ada juga bentuk *siri'* yang (sebagai reaksi) ditimbulkan oleh keadaan, seumpama merasa sangat perasaan malu kerana bodoh, miskin, terpinggir dan sebagainya. Oleh yang demikian, pandangannya tentang *siri'* lebih luas lagi, kerana telah merangkumi seluruh aspek kehidupan individu,

[60]Hasan Mahmud, *Silasa, Setetes Embun di Tanah Gersang* (Ujung Pandang :Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan Tenggara, 1976), 59.

masyarakat dan negara sekalipun. Berbeza dengan yang lain, ianya berpendapat bahawa selain *siri'* dan *pacce* (*pesse*), masih ada nilai lain iaitu *sare* (Bugis : *were*) yang bererti nasib. *Siri'*, *pacce*, dan *sare* merupakan *triple concept* kebudayaan Sulawesi Selatan.[61]

Penyelidik sependapat dengan Abidin bahawa *siri'* mencakupi pengertian luas bukan hanya terkait dengan masalah kehormatan wanita, tetapi juga tentang bidang kehidupan lainnya yang membuat seseorang meningkatkan harga dirinya sama ada dalam bidang agama, pendidikan, ekonomi dan cintakan tanah air. Sekarang ini, *siri'* cenderung disempitkan pengertiannya menjadi khusus masalah kehormatan wanita atau unsur *wari* dari *Panngadakkang*.

Penyelidik juga menyokong dapatan Abidin mengenai tiga nilai orang Makassar iatu *siri', pacce, dan sare*. Seseorang tidak hanya bernegakkan *siri'*, tetapi juga menumbuhkan solidariti (*pacce*) dan berpegang kepada nasib (*sare*). *Sare* memberikan kekuatan kepada seseorang untuk mempertahankan harga dirinya dengan cara bagaimana pun.

Para pengkaji melihat *siri'* bahagian daripada kebudayaan orang Sulawesi Selatan. Budaya atau kebudayaan diniatkan sebagai suatu bentuk makna-makna yang diteruskan secara sejarahnya yang diwujudkan dalam simbol-simbol, suatu sistem nilai-nilai yang diwariskan yang terungkap dalam bentuk-bentuk simbol yang bersama manusia berkomunikasi, mensejahterakan, dan mengembangkan pengetahuan mereka tentang kehidupan dan sikap-sikap terhadap kehidupan.[62]

---

[61]Abidin, *Capita Selekta Kebudayaan*, xiv-v.

[62]Clifford Geertz, *The Interpretation of Cultures* (New York : Basic Books Inc. Publishers, 1973), 89.

2.1.2 Hukuman Pencerobohan *Siri'*

Para pengkaji sependapat bahawa *siri'* memiliki hukuman sosial. Hukuman boleh berbentuk tentangan balas, penghinaan balasan, seiring dengan perlakuan penentang pertama serta akan merasakan *siri'*. Tidak penting lagi dicari sesiapa yang memulakan. Sikap saling berlawan kadang-kadang boleh dijelaskan oleh sesuatu kejadian masa lalu, yang dianggap sangat penting, misalnya kes pembunuhan.

Penyelidik mengamati adanya kesan negatif daripada kebiasaan saling berlawan tersebut di dalam masyarakat. Di masyarakat sering muncul permusuhan dan konflik antara kelompok anak muda atau antara kampung disebabkan peristiwa seorang ahli dari kelompok tertentu yang terbabit permusuhan dengan ahli kelompok lain. Peristiwa berkenaan kerap dikaitkan sikap *pacce* atau solidariti sempit yang tidak menjamin ketenteraman masyarakat.

Universiti Utara Malaysia

Menurut Andaya, seseorang yang telah dibuat *siri'* diharapkan melakukan sesuatu bagi memulihkan kembali harga diri yang tercemar dengan menuntutnya pada pihak yang menggugatnya. Kotoran yang melekat pada seseorang yang kehilangan *siri'*, harga diri atau maruah, sangat besar sehingga seseorang itu akan bersedia mengorbankan hidup dalam upayanya menghilangkan perasaan malu dan memulihkan harga diri. Prinsip hidup seumpama ini tercermin dalam sebuah

pepatah bahawa lebih baik mati mempertahankan harga diri (*mate ri siri'na*) daripada kekal hidup tanpa *siri'* (*mate siri'*).[63]

Pelras berpandangan bahawa apabila pinangan seseorang ditolak, pihak yang meminang boleh merasa *mate siri'* (kehilangan kehormatan) sehingga terpaksa menempuh jalan kahwin lari (*silariang*) untuk menghidupkan kembali harga dirinya. Namun, bagi keluarga gadis yang dikejarkan, hal itu justeru merupakan penghinaan, sehingga semua kerabat gadis itu berasa bertanggungjawab untuk membunuh si pelaku demi menjaga *siri'* keluarga.

Tugas pembelaan kehormatan berkenaan akan berakhir apabila usaha perundingan secara formal dilakukan, selepas melalui proses perundingan yang rumit dan lama di antara kedua-dua belah pihak. Situasi seumpama ini tentu sahaja boleh melahirkan dendam warisan sampai beberapa generasi berikutnya. Jika gadis ternyata pergi dengan pemuda bukan atas keinginannya sendiri tetapi kerana dipaksa, jalan damai telah tertutup. Bukan hanya lelaki tetapi juga seluruh kerabat lelaki dianggap telah melakukan penghinaan, dan semuanya boleh dibunuh tanpa rasa kesal sikit pun.[64]

Dalam beberapa perkara tertentu yang cukup ekstrem, seseorang yang merasa tersinggung boleh melakukan amuk (*jallo*), membunuh sesiapa sahaja (bahkan mereka yang tidak terbabit sama sekali dalam persoalan, yang sedang sial

[63]Andaya, 21.

[64]Ibid.

kerana kebetulan melalui di tempat itu). Meski pada akhirnya dia sendiri akan terbunuh, dia akan merasa puas kerana telah menguatkuasakan harga dirinya.[65]

Menurut Mattulada, banyak berlaku dalam masyarakat peristiwa bunuh membunuh dengan *jallo* (amuk), dengan latar belakang *siri'*. Pihak-pihak yang terkena *siri',* tetapi mendiamkan diri (tanpa aksi-aksi pergaduhan), dianggap sebagai *tena siri'na* (Makassar), *de'gaga siri'na* (Bugis), ertinya seseorang yang tidak mempunyai harga diri.[66] Dengan demikian, betapa besarnya kesan nilai-nilai budaya *siri'* terhadap sikap (*attitude*) dan mental orang-orang Bugis-Makassar pada amnya. Mattulada berpendapat pelbagai ungkapan telah timbul yang boleh dijadikan petunjuk bagi memahami *siri*'. Ungkapan berkenaan antara lain :

> a. *Siri' emmi ri onroang ri lino,* ertinya, hanya untuk *siri'* itu sahajalah kita hidup di dunia. Dalam ungkapan ini, termaktub erti *siri'* sebagai hal yang memberi identiti sosial dan maruah kepada seseorang. Hanya kalau ada maruah atau harga diri, maka itulah hidup yang ada ertinya.
> *b. Mate ri siri'na,* ertinya, mati dalam mempertahankan *siri',* atau mati untuk menguatkuasakan maruah. Mati yang demikian dianggap suatu hal yang terpuji dan terhormat.
> *c. Mate siri',* ertinya, seseorang yang telah hilang maruah, ialah seumpama bangkai bernyawa. Seseorang Bugis-Makassar yang merasa *mate siri'* akan melakukan *jallo* (amuk), hingga ia sendiri mati. *Jallo* yang demikian disebut: *napatettonngi siri'na.* Ertinya ianya menguatkuasakan semula maruah dirinya.[67]

Ada juga niat *siri'* secara psikologi, seperti mana yang dikemukakan oleh Machmud, antara lain: *pawuno siri'e mappalette ripammassareng esse babuwae.* Ertinya, mematikan *siri',* menghantar ke liang lahad, berhati perut. Dalam penjelasannya disebutkan bahawa *siri'* yang tidak boleh ditanggung lagi boleh

---

[65]Ibid, 252.

[66]A. Moein, M.G., *Menggali Nilai Sejarah Kebudayaan Sulselra* (Ujung Pandang : SKU Makassar Press,1977),19.

[67]Ibid,46.

menyebabkan seseorang bertindak nekad yang mungkin berakhir dengan kematian. Demikian pula sikap toleransi yang ditanggung secara paksa boleh menghancurkan diri (jasmani dan rohani yang berakhir pula ke liang lahad).[68] Dari dapatan berkenaan diketahui bahawa hukuman sosial *siri'* dalam realiti ialah yang paling tinggi berupa pembunuhan atau kalau tidak sanggup melakukan pembunuhan maka ianya akan merantau ke negeri lain bagi menghindari perasaan malu.

Hukuman lain, ialah pengasingan atau perantauan, jika dilakukan langsung selepas seseorang diperasaanmalukan, mungkin menjadi sebuah jalan keluar yang tepat, kerana jika membalas dendam akan bertentangan dengan kewajipan sosial lainnya. Dengan demikian *siri'* bukan semata-mata persoalan pribadi yang muncul secara spontan. *Siri'* lebih sebagai sesuatu yang dirasakan bersesama dan merupakan bentuk kebersesamaan. Hal ini boleh menjadi motif penggerak penting kehidupan sosial dan penyokong tercapainya suatu prestasi sosial masyarakat.[69] Selain hukuman pembunuhan, *siri'* juga membuat banyak orang Sulawesi Selatan meninggalkan daerahnya dan merantau ke daerah lain dan berjaya aspek material dan politik di perantauan.

Hukuman bagi penjenayah atas dasar *siri'* apabila dilihat sepintas lalu, kelihatannya kejam dan tidak sepatutnya berlaku. Hal ini seiras dengan pandangan negatif terhadap *qisas* dalam Islam, dianggap kejam dan tidak berperikemanusiaan. Orang-orang yang menganggap *qisas* sebegitu rupa kerana

[68]Mahmud, 40.

[69]Ibid.

lebih mengambil berat tentang nasib penjenayah daripada memikirkan nasib orang yang menjadi mangsa penjenayah.[70] Hukuman merupakan alat untuk menakutkan penjenayah supaya dia tidak akan sanggup mengulangi perbuatan jenayah pada kali kedua, di samping untuk menggerunkan orang-orang lain supaya tidak berani mencuba untuk melakukan perbuatan jenayah.[71]

Penyelidik berpendapat bahawa secara adat, pembunuhan *siri'* adalah sesuatu tindakan terpaksa dilakukan oleh *tumasiri'* (ahli keluarga yang diperasaan malukan), sebab sekiranya ia tidak melakukan tindakan berkenaan masyarakat akan memberikan hukuman sosial dianggap orang yang tidak memiliki *siri'* lagi. Oleh itu *siri'* tidak boleh diremehkan dan seseorang pun tidak boleh menganggap sesuatu yang sebenarnya bukan *siri'* dijadikan alasan untuk membunuh. Jika demikian, maka *siri'* telah berubah makna menjadi dendam. Walaupun demikian, *siri'* perlu dikembalikan kepada asasnya, iaitu keadilan, apalagi sekarang sudah ada KUHP yang berkuasa bagi seluruh rakyat Indonesia.

Universiti Utara Malaysia

2.1.3 Perdamaian dalam *Siri'* (*Mabbajik*)

Para pengkaji mengenai *siri'* di Sulawesi Selatan kebanyakan membincangkan satu sisi sahaja daripada nilai berkenaan, iaitu reaksi seseorang diaibkan yang berakhir dengan pembunuhan. Ibarat membuat *siri'* dilihat sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan. Ia dianggap negatif oleh sebahagian orang

---

[70]Mahfodz Mohamed, *Undang-undang Jenayah Islam Mengenai Jenayah Qisas Bunuh*. Cetakan Pertama. (Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar bersama Persatuan Ulama Malaysia, Selangor Darul Ehsan, 1993), 22.

[71]Ahmad Kamaruddin Hj. Hamzah, *Pengantar Undang-undang Jenayah Islam*. (Selangor Darul Ehsan : Al-Rahmaniah, 1989), 5.

terutamanya orang daripada luar Sulawesi Selatan sebab menghalalkan pembunuhan berhubung kes yang remeh. Perbincangan *siri'* menjadi tidak seimbang dan cenderung membenarkan tindakan menghukum sendiri.

Aspek yang kerap diketepikan adalah konsep *mabbajik* (secara harfiah bererti semula baik) atau boleh diertikan dengan perdamaian sebagai sisi lain daripada *siri'*. Konsep ini merupakan solusi pelanggaran *siri'* terutamanya kes *annyala* (berbuat salah dengan berkahwin lari). *Mabbajik* adalah perundingan formal bagi mengakhiri kemarahan *tumasiri'* terhadap pelaku pelanggaran *siri'*. Sepasang wanita dan lelaki yang melakukan *silariang* (kahwin lari) dalam masa tertentu boleh semula diterima pihak keluarga selepas menerusi proses *mabbajik*. Apabila *mabbajik* telah dilakukan maka pelanggaran masa lampau dianggap telah diampuni dan kehidupan keluarga semula normal.

Bagaimanapun tiap *tumannyala* (orang berbuat salah dengan berkahwin lari) mempunyai niat untuk *mabbajik* agar ia boleh hidup baik semula di tengah keluarganya. Biasanya pihak ketiga diperlukan bagi menguruskan perdamaian berkenaan, sama ada seorang penghulu, kepala kampung atau tokoh adat. Jika pihak *tumarisik* dan keluarganya bersetuju dengan niat *mabbajik* berkenaan, maka parti penerimaan semula *tumatetallasak* (orang mati yang masih hidup) pun berlaku.[72] Persyaratan yang harus dipenuhi oleh *tumannyala* untuk keperluan berdamai adalah sejumlah mahar dan sejumlah wang denda. Dalam masa *mabbajik* dijalankan, pihak *tumannyala* harus menyampaikan permohonan maaf atas kesalahan yang pernah dilakukan dan pihak *tumasiri'* pun sanggup

[72]Wahid, 112.

memaafkan. *Mabbajik* dijalankan apabila masa *silariang* telah berlangsung cukup lama sehingga kemarahan *tumasiri'* telah reda.

Menurut penyelidik, konsep *mabbajik* perlu diutamakan dalam penyelesaian kes pelanggaran *siri'* bukan hanya berkaitan kes *silariang* tetapi juga dalam kes pelanggaran *siri'* lainnya. Penyelesaian kes dengan cara pembunuhan perlu dielakkan dan diganti dengan menjalankan undang-undang jenayah yang berkuasa. Langkah seterusnya yang perlu dilakukan oleh kerajaan adalah menambah hukuman lebih berat bagi kes pelanggaran kejahatan kesusilaan selari dengan rasa keadilan masyarakat tempatan.

2.2 Kerangka Perundangan Berkaitan Jenayah Pencerobohan *Siri'*

2.2.1 Pembunuhan Kerana *Siri'* dalam *Lontara*

Pembunuhan kerana *siri'* ialah pembunuhan yang dilakukan seseorang kepada orang lain sebagai akibat perbuatan orang berkenaan menceroboh kehormatan yang dikategorikan sebagai *siri'*. Tindakan pencerobohan *siri'* sebahagiannya dirakam dalam *Lontara.* Salah satu *Lontara* yang mengandungi undang-undang adat dikodifikasi oleh B.F.Matthes[73]. Kodifikasi berkenaan bertajuk *Verzameling van Inlandsche Wetten* (Koleksi Undang-Undang Adat) mengandungi peraturan berbagai perkara, antara lain perkara pembunuhan.

Bahagian awal *Lontara* tersebut menyebutkan bahawa apabila seseorang melakukan perjanjian di depan *tumakbicara* (mahkamah) ianya harus bersumpah dengan meletakkan kedua-dua tangan di atas Kitab Al-Qur'an dan kemudian

[73]Matthes, 211-327.

Kitab Al-Qur'an berkenaan diangkat di atas kepala, selepas terlebih dulu dibacakan surah *yasin.* [74] Ini menunjukkan bahawa tata cara perbicaraan di dalam Mahkamah pada masa itu dikesan wujud nilai-nilai Islam. Sehingga sekarang tradisi perbicaraan berkenaan masih kekal berlaku, di mana seseorang yang akan memberikan kesaksian perlu bersumpah dengan menggunakan Al-Qur'an yang diletakkan di atas kepala.

Pembunuhan dalam *Lontara* membabitkan dua pihak iaitu *tumappakasiri'* (orang yang meperasaan malukan) dan *tumasiri'* (keluarga yang diperasaan malukan). *Tumappakasiri'* boleh dibunuh oleh *tumasiri'* kerana melakukan tindakan pencerobohan *siri'*. Ada tiga jenis pencerobohan yang membolehkan pembunuhan, iaitu (1) membunuh orang lain, (2) menceroboh kehormatan wanita, dan (3) menceroboh kehormatan mahram.[75]

2.2.1.1 Membunuh Seseorang

Seseorang yang membunuh orang lain harus juga dibunuh. Konsep ini dalam *Lontara* disebut *puli.* Hanya *puli* harus dilakukan seketika itu juga oleh *tumasiri'*. Sekiranya telah ditangani oleh pihak berkuasa maka tidak boleh lagi dilakukan tindakan *puli.* Prinsip *puli* ini dinyatakan dalam *Lontara,* "*...inrang nyawa nibayaraki nyawa, inrang cerak nibayaraki cerak, inrang uang nibayaraki uang. Sikammaji ataya maradekaya.*"[76] Ertinya, hutang nyawa mesti dibayar dengan

[74]Ibid, 211.

[75]Ibid, 211 – 237.

[76]Ibid.

nyawa, hutang darah dibayar dengan darah, dan hutang wang dibayar dengan wang. Tidak ada perbezaan hukuman bagi seorang merdeka[77] atau seorang abdi[78].

Pengertian asas itu ialah bahawa seseorang yang membunuh orang lain, maka dia juga harus dibunuh; seseorang yang melukai orang lain, maka dia juga harus dilukai; dan seseorang yang mengambil, mencuri wang atau barang orang lain, maka dia juga harus membayar senilai wang atau barang yang dicurinya. Implementasi undang-undang adat itu tidak selamanya berlaku sesuai dengan prinsip berkenaan. Kes pembunuhan pada keadaan tertentu tidak harus dibayar dengan pembunuhan sama melainkan dengan denda. Dalam *Lontara,* seksyen 9 disebutkan, "*Punna niak paramaradeka abbeserek nassitobok nani buno sitau nani rapik ribijanna laloi nipappuli. Napunna larimo mange riballakna tumakbicaraya talaloami nipappuli, nasapu mami.*"[79] Ertinya : Sekiranya ada sesama orang merdeka bertengkar dan saling menikam, hingga seseorang di antara mereka terbunuh, kemudian didapati oleh keluarga (yang terbunuh), maka pelaku harus dibunuh juga masa itu (*puli*).

Universiti Utara Malaysia

[77]Dalam struktur sosial masyarakat Sulawesi Selatan didapati status sosial yang dikenali dengan gelar *maradeka* (orang merdeka*)* iaitu salah satu peringkat dalam strata sosial orang Makassar. Menurut Friedericy, strata sosial orang Makassar terdiri atas (1) *karaeng* (bangsawan) sebagai peringkat tertinggi; (2) *tumaradeka* (orang merdeka), sebagai peringkat menengah; dan (3) *ata* (abdi), sebagai peringkat terendah. *tumaradeka* atau *maradeka*, terdiri atas *tubajik* (orang baik-baik) dan *tusamarak* (orang biasa). Sugira Wahid, *Manusia Makassar* (Makassar: Penerbit Refleksi, 2007), 36.

[78]Abdi atau *Ata* di dalam stratifikasi sosial orang Makassar merupakan taraf terendah.Ada tiga golongan *ata*, iaitu *ata sossorang* (abdi pusaka/keturunan), *ata nibuang* (abdi yang dibuang/diusir dari lingkungan keluarganya), *dan tumannginrang* (abdi disebabkan kerana tidak boleh membayar hutang).Orang ini juga boleh disebut *tumanngempoang* (abdi yang digadaikan) Ibid, 37.

[79]Matthes, 213.

Apabila di antara sesama orang merdeka terjadi peristiwa *assitobok* (pergaduhan dengan menggunakan senjata tajam), menyebabkan salah seorang terbunuh, maka pembunuh dikenakan hukuman yang sewajarnya iaitu dengan dibunuh juga oleh keluarga (*tumasiri'*) yang terbunuh. Peluang untuk *appappuli* (melakukan pembalasan) hanya boleh dilakukan apabila si pembunuh belum sampai ke tangan *pakbicara* (mahkamah) atau pihak berkuasa. Sekiranya telah ditangani oleh *pabbicara* maka ianya dikenakan hukuman berupa denda sahaja.

Hukuman yang sama dilakukan terhadap seorang anak *karaeng*[80] yang berbuat kesalahan kemudian dibunuh oleh seseorang yang darjatnya lebih rendah maka berlaku juga undang-undang *puli.*[81] Berbeza dengan penyelesaian kes yang menimpa orang biasa (*tumaradeka*), kes yang menimpa *anak karaeng* sekiranya ianya dibunuh orang biasa maka selain pembunuh turut dibunuh dan jika terlepas harus didenda. Jika pihak terbabit tidak dapat menebusnya, maka denda itu harus ditanggung isteri atau anaknya.

Universiti Utara Malaysia

Berbeza sekiranya yang membunuh adalah anak raja (*karaeng*) maka dia tidak boleh dikenakan hukuman *puli* melainkan hanya hukuman denda. Peruntukan ini dinyatakan di dalam *Lontara* sebagai berikut : *Punna niak anak karaeng ammuno tau, nasapuki tawaruanna, buraknea ruampulo, bainea tallumpulo. Namanna nirapik ammuno tamakkuleai nipappuli katau irawanganna*

---

[80]*Anak Karaeng*merupakan peringkat tertinggi orang Makassar, yang terdiri dari: (1) *Anak Karaeng ri Gowa* (bangsawan Gowa), (2) *Anak sipue* (bangsawan berdarah setengah murni, campuran), (3) *Anak cerak* (bangsawan darah), dan (4) *Anak Karang Sala* (bangsawan tidak matang). Lihat ibid, 36.

[81]Matthes, 213.

nabuno.[82] Ertinya, kalau ada anak *karaeng* membunuh, ia harus membayar denda seperduanya, lelaki dua puluh wanita tiga puluh. Walaupun didapati membunuh, dia tidak boleh dihukum *puli*, kerana dia membunuh seseorang yang lebih rendah darjatnya.

Menurut penyelidik, peruntukan ini bersifat diskriminasi dan tidak adil kerana membezakan perlakuan undang-undang terhadap orang biasa dan orang bangsawan (sistem feudal). Dalam sistem kerajaan yang berlaku masa dulu undang-undang ini masih boleh dilaksanakan, akan tetapi sekarang, dengan sistem kerajaan yang demokrasi, maka semua orang mestinya sama kedudukannya di depan undang-undang.

Dalam *Lontara* ini juga disebutkan bahawa tindakan *puli* tidak harus dilakukan oleh ahli keluarga sahaja. Seseorang yang bukan ahli keluarga *tumasiri'* boleh melakukan tindakan *pappuli* (pembalasan) atas nama keluarga yang dibunuh. Tidak ada hukuman yang dikenakan terhadap orang yang melakukan pembalasan walaupun dia bukan ahli keluarga daripada orang yang dibunuh.[83]

Suatu pembunuhan yang dilakukan seseorang atas seseorang yang lain, sama ada antara sesama orang biasa atau dengan orang yang lebih tinggi status sosialnya, maka tindakan *puli* boleh dilakukan seseorang lain (bukan *tumasiri'*) disebabkan pelaku pembunuhan berkenaan tidak melapor atau membawa dirinya kepada *tumabbicara* atau seseorang yang dihormati. Dalam hal ini, seseorang

---

[82]Ibid, 214.

[83]Ibid.

yang melakukan pembalasan tidak boleh dibunuh lagi oleh keluarga yang dibunuh.

Seseorang yang melakukan pembunuhan ke atas orang lain kemudian dia menyerahkan diri kepada pihak berkuasa untuk merayu perlindungan, maka dia tidak boleh lagi dikenakan hukuman *puli*. Peruntukan ini disebutkan dalam *Lontara* berikut ini :"*Punna niak tau ammuno nalari mange ri bicaraya, salai tuammunoa, nisapuki tunibunoa nani sareang bijanna tunibunoa.*".[84] Ertinya, kalau wujud seseorang membunuh orang lain, kemudian dia melarikan diri ke pihak berkuasa, maka pelaku pembunuhan kekal dianggap bersalah dan dikenakan hukuman denda tetapi dia tidak dijatuhi hukuman *puli.* Dalam hal ini undang-undang *puli* hanya berlaku ketika seseorang bersalah belum sampai di tangan kerajaan.

Hukuman *puli* kekal berlaku bagi seseorang yang melakukan pembunuhan dalam keadaan sedang mabuk akibat minuman khamar atau minuman/makanan memabukkan lainnya. Peruntukan ini dinyatakan di dalam seksyen 23 *Lontara Verzameling van Inlandsche Wetten* sebagai berikut, "*Punna niak tunabengo ballok, namannoboki, manjaguriarekai, mappalibbo arekai, nipassalai kanibilangi gauk nakunjungi, napunna ammuno, nibuno tongi*".[85] Ertinya, kalau ada seseorang mabuk kerana arak (khamar), kemudian menikam, atau menumbuk, atau mengeluarkan kata-kata tidak sopan, dia didenda kerana dianggap perbuatan sengaja dan kalau membunuh dia juga dibunuh. Niat seksyen ini, seseorang yang

Universiti Utara Malaysia

[84]Ibid.

[85]Ibid, 216.

membunuh tetap dikenakan hukuman setimpal meskipun dia dalam keadaan mabuk. Begitu pula kalau ianya mengeluarkan kata-kata tidak sesuai atau menganiaya seseorang, tetap dikenakan denda sebab perbuatannya.

2.2.1.2 Menceroboh Kehormatan Wanita

Budaya *siri'* di Sulawesi Selatan sangat menjunjung kehormatan wanita. Wanita disimbolkan sebagai *tope eja* (sarung warna merah), menunjukkan sebagai sumber penghidupan dan semangat hidup bagi manusia. Wanita juga digambarkan sebagai permata misalnya *muttiara* (mutiara), *jamarrok* (zamrud). Dia juga dilambangkan sebagai *bunga sibollo* (sekuntum bunga). Simbolisasi itu menunjukkan wanita bukan sahaja sebagai lambang keindahan melainkan juga sesuatu kemuliaan yang harus dijaga.[86]

Perlu menjaga wanita, mereka biasanya menempati ruang bahagian belakang daripada rumah orang Bugis-Makassar manakala lelaki menempati ruang bahagian depan daripada rumah. Setiap bahagian memiliki pintu masing-masing. Walaupun kerabat wanita sering memasuki rumah melalui pintu depan, sangat jarang berlaku tamu lelaki masuk di rumah melalui pintu belakang. Pembahagian ruang menurut gender berkenaan semata-mata untuk melindungi wanita dari perkara yang tak diinginkan. Pernyataan ini tidak bererti wanita lebih rendah darjatnya daripada lelaki. Di kalangan Bugis-Makassar berlaku kesetaraan

[86]Ery Iswary, *Perempuan Makassar: Relasi Gender dalam Foklor* (Yogyakarta : Penerbit Ombak, 2010), 35.

Universiti Utara Malaysia

gender dengan sistem kekerabatan bilateral, di mana pihak ibu dan bapak memiliki peranan setara dan sejajar dalam sistem kekerabatan dan sosial.[87]

Dua sebab seseorang boleh dibunuh kerana alasan *siri'* wanita, iaitu berzina dan merogol. Kedua kes ini dianggap sebagai sesuatu pelanggaran berat kerana termasuk dalam kategori perbuatan *annepok buku annappuk urak* (mematahkan tulang dan memutuskan urat nadi). *Tumasiri'* dianggap tulang belulangnya telah hancur dan urat nadinya telah putus akibat perbuatan keji tersebut.

a. Perbuatan Zina

Untuk menjaga kehormatan wanita maka *Lontara* menyebutkan salah satu sebab orang boleh dibunuh ialah apabila tindakan *sikatinroang* (tidur bersama) berlaku iaitu seseorang isteri atau gadis didapati tidur bersama seorang lelaki di luar hubungan perkahwinan. Seksyen 50 *Lontara* menyebutkan :

> *Punna niak tau akkana riburaknea embai bainennu.Namanna tau nipatappakmamo angkanangi anjo kanaya, tamakkulleai niak gaukna buraknenna, kagaukji, nirapikampi sikatinroang nalalomo ammuno. Napunna mangemo ritumabbicaraya iareka narianrongtaua talalomi nibuno. Bicaramamisseng. Talalominibuno. Nituntungi mamisseng kaassaanna. Nasampung matena bainea siagang buraknea napannyorongang ritau nakaembaia.*[88]

Ertinya : Kalau ada seseorang yang berkata kepada seseorang lelaki "isterimu berbuat curang", walaupun seseorang itu patut dipercayai, maka suami wanita itu tidak boleh mengambil tindakan apa-apa. Dia boleh mengambil pembunuhan apabila orang yang berkenaan didapati *sikatinroang* (tidur

[87]Pelras, 185.

[88]Ibid, 223.

bersesama) dengan lelaki lain. Sekiranya dia pergi ke Mahkamah atau ke seseorang yang dihormati, tidak boleh dibunuh semula. Dia mesti dibicarakan, diselidiki kebenaran perbuatannya, adapun denda pengganti kematian isteri diberikan kepada suaminya.

Sikantiroang merupakan konsep yang lebih teliti daripada konsep berzina. *Lontara* sering menggunakan konsep demikian untuk membincangkan perkara-perkara sensitif semacam persetubuhan. Peruntukan ini menegaskan bahawa seseorang isteri boleh dibunuh oleh *tumasiri'*nya apabila dia didapati tidur bersesama seorang lelaki lain. Kerana itu, *tumasiri'* mesti yakin seorang wanita yang disyaki menceroboh *siri'* keluarganya betul-betul memiliki bukti otentik. Apabila berlaku kes *sikatinroang* maka isteri dan lelaki lain yang tidur bersamanya boleh dibunuh oleh suami atau keluarganya. Implementasi undang-undang ini tidak hanya berlaku bagi seorang isteri yang berbuat curang tetapi bagi seorang gadis yang tidur bersama lelaki di luar hubungan perkahwinan.

Universiti Utara Malaysia

Setiap maklumat bahawa seseorang isteri berbuat curang tidak boleh dipercayai begitu sahaja, sebelum betul-betul terbukti. Hal ini sesuai dengan hak tertuduh dalam kesalahan jenayah Syariah. Pada amnya, seseorang yang hanya disyaki melakukan kesalahan atau hendak dikenakan tuduhan, belum secara sah didapati bersalah. Oleh yang demikian, layanan terhadapnya tidak boleh berat sebelah dan ia tidak boleh dianggap bersalah sebelum mahkamah memutuskan sedemikian.[89]

[89]Siti Zubaidah Ismail, *Hak Tertuduh dalam Kesalahan Jenayah Syariah* dalam *Undang-undang Islam di Malaysia : Prinsip dan Amalan,* ed. Ahmad Hidayat Buang et.al., (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2007), 225.

Penyelidik berpendapat bahawa menghormati wanita mesti direalisasikan dengan menjaga kehormatan termasuk tidak sewenang-wenangnya menuduh mereka berbuat curang sebab perbuatan curang boleh menjadi alasan untuk melakukan pembunuhan. Oleh itu, pembunuhan dilakukan hanya apabila kedua-dua didapati sedang melakukan persetubuhan bersesama lelaki yang disyaki. Pada saat itu hukumannya ialah kedua-duanya dibunuh. Akan tetapi pembunuhan hanya dibenarkan sebelum kedua-duanya ditangani pihak kerajaan atau seseorang yang dihormati. Seksyen ini memperjelas bahawa undang-undang bunuh boleh dilakukan oleh *tumasiri'*, tetapi tidak merupakan hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah.

b. Perbuatan Rogol

Selain *sikatinroang* tindakan lain yang menyebabkan seseorang dibunuh dengan alasan *siri'* ialah tindakan rogol ke atas seorang wanita. *Lontara* tidak menyebutkan secara langsung konsep memperkosa tetapi digunakan konsep *annaggalak baine* (memegang secara paksa seorang wanita atas dasar nafsu birahi). *Lontara* menyebutkan, "*Napunna niak tau annakgalak baine, nibunoi ripammanakanna, tena boya-boyanna, mate jangang sikayui.*"[90],ertinya, kalau ada seseorang yang memegang wanita, akan dibunuh pesalah oleh pihak keluarganya, tidak boleh dituntut lagi, kematiannya bagaikan seekor ayam.

[90]Aburaerah Arief et al., *Sinrilikna Kappalak Tallumbatua,* (Jakarta : Yayasan Obor Indonesia,1993), 166.

Hukuman lebih keras lagi sekiranya wanita yang dipegang itu anak raja. Perbuatan berkenaan dikategorikan sebagai *lompo laranganna* (larangan berat) atau *aggauk sala* (melakukan perbuatan menyimpang).[91] Selain pelaku dibunuh dengan cara disembelih, juga hartanya dirampas, keluarganya juga turut dibunuh dan rumahnya dibakar.

Menurut penyelidik, hukuman berkenaan bersifat diskriminasi, sebab membezakan hukuman ke atas individu biasa daripada individu keturunan raja atau bangsawan. Perlakukan undang-undang tersebut tidak patut diterapkan sekarang ini sebab bercanggah dengan prinsip perbicaraan yang adil dan beradab.

c. Larangan Mendekati Zina dan Rogol

Sekiranya seorang isteri terbabit hubungan cinta dengan lelaki lain (*sikaeroki*) dan hubungan berkenaan berasaskan bukti-bukti yang patut dipercayai, maka hukumannya bukan hukuman bunuh melainkan hukuman denda. Seksyen 51 *Lontara* menyebutkan : *Punna niak tau nitappu emba, nainampamo sikaeroki, tawaruanna sampungmatenna nipassalangi burakne naagang sikaeroki.*[92] Kalau ada seseorang dituduh berbuat curang, padahal baru pada peringkat saling suka sama suka, dia didenda setengah dari hukuman mati dan diberikan kepada suaminya.

Universiti Utara Malaysia

[91]Ketentuan berbunyi :*Naia adakna Gallarrang Bate-Batea, punna niak tau lompo laranganna, annakgali anak Karaeng akgauk sala arenna. Nisamballei taua, nitaro barambaranna, nibuno appammanakang, nitunu.* Ertinya, Yang menjadi adat *Gallarrang Bate-Batea* ialah kalau ada seseorang yang berbuat kesalahan besar seumpama memegang anak raja, itu berbuat salah namanya, maka seseorang yang berbuat demikian disembelih, dirampas barang-barangnya, semua sanak-saudaranya dibunuh, dan rumahnya dibakar. Aburaerah Arief et al, 166.

[92]Matthes, 224.

Niat seksyen berkenaan, seseorang isteri dan seseorang lelaki yang dituduh memiliki hubungan asmara maka dendanya ialah setengah dari hukuman mati, diberikan kepada suaminya. Dalam hal ini dugaan seseorang isteri berhubungan dengan lelaki lain, meski baru sampai pada peringkat saling mencintai, telah cukup alasan untuk dikenakan hukuman denda. Kuantiti denda setengah daripada hukuman mati tidak dijelaskan dalam *Lontara*, tetapi bersifat longgar selari keadaan zaman dan tempat.

Lontara amat penting bagi memastikan tidak berlaku pencerobohan wanita yang memungkinkan berlakunya pembunuhan misalnya berzina dan rogol. Supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini berupa pembunuhan berkenaan, *Lontara* melarang seorang isteri dan lelaki lain melakukan *abbanjukbanjuluk* (bergurau disertai syahwat), *anngemba* (menggoda untuk berbuat curang), dan *appanaik baine ri ballak* (memasukkan seorang wanita bukan mahram ke dalam rumah secara sembunyi-sembunyi). Hukuman bagi pelaku ialah denda diserahkan kepada suami pihak isteri berkenaan.[93]

Penyelidik berpendapat bahawa larangan melakukan tindakan tersebut merupakan kearifan undang-undang adat untuk mencegah perbuatan pencerobohan berlaku ke atas *siri'* wanita. Hanya sekarang ini larangan tersebut cenderung dianggap biasa di dalam pergaulan moden sehingga nilai-nilai *siri'* dalam arti mencegah terjadinya penyimpangan sosial semakin menurun.

[93]Ibid, 225.

d. Pencerobohan Terhadap Kehormatan Mahram

Perbuatan yang sangat tercela, yang dianggap boleh mendatangkan bahaya dan bencana sama ada bagi inidividu, keluarga, dan masyarakat adalah pencerobohan terhadap kehormatan mahram. Tindakan ini disebut *salimarak* atau hubungan yang dianggap sumbang (menceroboh kehormatan mahram). *Salimarak* iaitu perkahwinan yang dilarang di dalam sistem budaya tempatan. Perkahwinan yang dilarang ialah (1) perkahwinan antara anak dan ibu atau bapak; (2) antara saudara-saudara kandung; (3) antara menantu dan mertua; (4) antara bapa saudara dan anak saudara; (5) antara datuk atau nenek dan cucu.[94]

Lontara menyebut perbuatan berkenaan sebagai *sapa butta* atau *sapak ri tana* (pantangan negeri) sebab menceroboh larangan ini dianggap merosak negeri dan kehidupan masyarakat. Perbuatan yang sangat tercela demikian diatur oleh apa yang disebut *adek pura onro* atau *ade' assimemengeng* (adat turun temurun, iaitu adat yang tidak boleh diubah lagi). Perbuatan sangat tercela kerana disamakan dengan "perbuatan binatang" (*olok-olok*), yang mengakibatkan timbulnya *siri'* dan akan mendatangkan bahaya serta malapetaka bagi masyarakat. Perbuatan ini hukumannya menurut adat adalah ditenggelamkan kedua-duanya ke dalam dasar laut, kerana tubuh atau darahnya dilarang bersentuh dengan tanah. Begitu tercelanya sehingga dalam *Lontara*

[94]Mattulada, "Kebudayaan Bugis Makassar,"dalam *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*, ed. Koentjaraningrat (Jakarta : Penerbit Djambatan, 1979), 267.

disebut barulah keseimbangan pulih, apabila orang-orang yang melanggar larangan itu dimakan oleh "api adat".[95]

Dalam *Lontara* disebutkan, "*Napunna niak tau salimarak arenna, ambaineang sakribattanna, nigentungi batu lompo kallonna, nibakbak bangkenna nanilabu ri tamparanga nipappakanreang ri jukuk.*"[96] Ertinya, kalau ada seseorang berbuat *salimarak*, yakni memperisterikan saudara wanitanya maka digantungkan batu besar pada lehernya, diikat kakinya kemudian ditenggelamkan di dasar laut, diserahkan kepada ikan untuk dimakan.

Undang-undang adat sangat keras memperlakukan pencerobohan ke atas kehormatan dan kesucian mahram. Pencerobohan ke atas hak hidup dengan cara *puli* dan pencerobohan ke atas kehormatan wanita dengan cara bunuh, manakala pencerobohan kehormatan mahram mesti dengan cara menenggelamkan pelaku ke dalam laut. Peruntukan ini menunjukkan betapa buruk tindakan berkenaan dan hanya boleh diubati dengan cara membersihkan negeri secara simbolik menerusi penenggelaman ke dasar laut.

Universiti Utara Malaysia

2.2.2 Kejahatan terhadap Nyawa dan Kesusilaan Menurut KUHP

KUHP yang digunakan sekarang ini dibentuk selaras dengan Kitab Undang-Undang Undang-undang Jenayah Belanda tahun 1881, dan hanya dilakukan penyesuaian yang tidak bererti dalam beberapa seksyen dengan memperhatikan keadaan spesifik kehidupan Indonesia. KUHP itu kemudian

[95]Abidin, *Asas-Asas Hukum Pidana*, 109.

[96]Matthes, 225.

ditambah dan diubah lagi dengan Undang-Undang No. 1 tahun 1946 oleh Pemerintah Republik Indonesia yang kemudian dinyatakan berlaku untuk seluruh Indonesia dengan UU No.73 tahun 1958.[97] Salah satu perkara yang diatur oleh KUHP adalah pembunuhan.

2.2.2.1 Membunuh Seseorang

Pembunuhan dikenal dalam KUHP dengan istilah kesalahan berkaitan nyawa. Hal ini didakwa dalam seksyen-seksyen 338-350 KUHP.[98] Sedangkan jenayah yang dikenal dalam KUHP terdiri atas jenayah utama dan jenayah tambahan. Jenayah utama melingkupi jenayah mati, jenayah penjara, jenayah kurungan, jenayah denda, dan jenayah tutupan.[99] Jenayah mati dijalankan oleh algojo di tempat gantungan dengan menjeratkan tali yang terikat di tiang gantungan pada leher terjenayah kemudian menjatuhkan papan tempat terjenayah berdiri (seksyen 11). Sedangkan jenayah penjara ialah seumur hidup atau selama waktu tertentu. Jenayah penjara selama tempoh tertentu paling pendek satu hari dan paling lama lima belas tahun berturut-turut (seksyen 12).[100]

Pembunuhan termasuk pembunuhan biasa yang ditetapkan dalam seksyen 338 dan pembunuhan terancang atau pembunuhan yang dirancangkan

---

[97]Abidin, *Asas-Asas Hukum Pidana*, 100.

[98]Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIX tentang Kejahatan Terhadap Nyawa.

[99]Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab II Jenayah.

[100]Ibid.

terlebih dahulu, diatur dalam seksyen 340.[101] Seksyen 338 menyebutkan, "barangsiapa dengan sengaja merampas nyawa orang lain, dijatuhkan hukuman kerana pembunuhan dengan penjara paling lama lima belas tahun."[102]

Di sini diperlukan perbuatan yang mengakibatkan kematian seseorang lain, sedangkan kematian itu disengaja, ertinya diniat, termasuk dalam niatnya. Apabila kematiannya itu tidak disengajakan, tidak termasuk dalam seksyen ini. Sebaliknya, pembunuhan itu harus dilakukan serta merta selepas timbul niat untuk membunuh itu tanpa berfikir panjang. Misalnya, A pulang ke rumah melihat bahawa isterinya sedang berzina dengan B. Kerana panas hati timbul niat untuk membunuh isterinya dan B itu yang seketika ia lakukan menggunakan pistol yang dibawa. Apabila antara timbul niat akan membunuh dengan penyelenggaraannya, seseorang itu dengan tenang masih boleh memikirkan bagaimana cara yang sebaik-baiknya untuk melakukan pembunuhan itu maka dikenakan seksyen 340 (pembunuhan dengan dirancangkan lebih dahulu).[103]

Universiti Utara Malaysia

Berasaskan seksyen berkenaan, seseorang yang melakukan pembunuhan ke atas individu tertentu akan dikenakan hukuman penjara maksimum 15 tahun. Hukuman itu tidak mengenal latar belakang motif pembunuhan termasuk motif pembunuhan kerana *siri'*. Dalam hal ini pembunuhan kerana *siri'* tetap dianggap pembunuhan biasa dengan hukuman penjara tertentu.

---

[101]Moeljatno, *Kitab Undang-Undang Hukum Pidana* (Jakarta :Bina Aksara, 1985),147-49.

[102]Seksyen 338 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIX, Kejahatan Terhadap Nyawa.

[103]Moeljatno, 148.

Apabila suatu pembunuhan dirancangkan terlebih dahulu, KUHP mengenakan hukuman lebih berat daripada pembunuhan biasa. Peruntukan ini ditetapkan dalam seksyen 340 KUHP sebagai berikut :

> Barangsiapa dengan sengaja dan dengan rencana terlebih dahulu merampas nyawa orang lain, dihukum kerana pembunuhan dengan rancangan, dengan jenayah mati atau jenayah penjara seumur hidup atau selama waktu tertentu paling lama dua puluh tahun."[104].

Kejahatan ini dinamakan pembunuhan dengan dirancangkan lebih dahulu, boleh dikatakan ialah suatu pembunuhan biasa seperti mana berkenaan dalam seksyen 338, akan tetapi dilakukan dengan dirancangkan terdahulu. Dirancangkan terlebih dahulu sama dengan antara timbulnya niat untuk membunuh dengan pelaksanaannya itu masih ada tempoh bagi sipembuat untuk dengan tenang memikirkan misalnya dengan cara bagaimanakah pembunuhan itu akan dilakukan. Tempoh ini tidak boleh terlalu singkat, akan tetapi sebaliknya juga tidak perlu terlalu lama, yang penting ialah apakah di dalam tempoh itu pelaku dengan tenang masih boleh berfikir dan masih ada kesempatan untuk membatalkan niatnya akan membunuh itu, akan tetapi tidak dipergunakan.[105]

Seksyen 340 KUHP menekankan hukuman lebih berat hingga hukuman mati bagi tertuduh. Sama dengan pembunuhan biasa, pembunuhan dengan rancangan tidak mengenal pembezaan antara pembunuhan kerana motif *siri'* atau pembunuhan kerana motif lain. Semua bentuk dan motif pembunuhan dihukum

---

[104]Seksyen 340 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIX, Kejahatan Terhadap Nyawa.

[105]Moeljatno, 149.

dengan hukuman penjara yang sama, iaitu hukuman seumur hidup atau selama 20 tahun.

2.2.2.2 Menceroboh Kehormatan Wanita

KUHP menyebut pencerobohan terhadap kehormatan wanita dengan istilah kejahatan terhadap kesusilaan seperti mana diatur Bab XIV. undang-undang berkenaan. Pencerobohan itu mencakupi (1) kejahatan kesusilaan di depan orang lain, (2) kejahatan kesusilaan dalam bentuk zina; (3) kejahatan kesusilaan dalam bentuk perbuatan rogol; dan (4) kejahatan kesusilaan dalam bentuk perbuatan cabul.

a. Perbuatan Zina

Mengenai kejahatan kesusilaan dalam bentuk perbuatan zina disebutkan dalam Seksyen 284 KUHP :

> (1) dihukum dengan jenayah penjara paling lama sembilan bulan (a) seorang lelaki yang telah kahwin yang melakukan gendak (*overspel*), padahal diketahui bahawa seksyen 27 BW berlaku baginya; (b) seorang wanita yang telah kahwin yang melakukan gendak, padahal diketahui bahawa seksyen 27 BW berlaku baginya. (2) Tidak dilakukan penuntutan melainkan atas pengaduan suami/isteri yang tercemar, dan bilamana bagi mereka berlaku Seksyen 27 BW, dalam tenggang waktu tiga bulan diikuti dengan permintaan bercerai atau pisah meja dan ranjang kerana alasan itu juga.[106]

Gendak dalam seksyen ini ialah zina iaitu persetubuhan yang dilakukan oleh lelaki atau wanita yang telah kahwin dengan wanita atau lelaki yang bukan

[106]Seksyen 284 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIV, Kejahatan Terhadap Kesusilaan.

isteri atau suaminya. Menurut seksyen ini, maka persetubuhan itu harus dilakukan dengan suka sama suka, tidak boleh ada paksaan dari salah satu pihak.

Dalam seksyen ini dibezakan antara mereka yang akur pada seksyen 27 BW (Kitab Undang-Undang Hukum Perdata) iaitu orang Eropah dan yang disamakan dengan mereka. Seksyen 27 BW menyatakan bahawa orang lelaki hanya boleh menikah bersama dengan seorang wanita dan orang wanita hanya boleh menikah dengan seorang lelaki bersamaan.[107]

Mereka yang tunduk pada seksyen ini, sama ada lelaki atau wanita tidak boleh bersetubuh dengan orang lain, selain dengan isteri atau suaminya sendiri. Seksyen ini ialah suatu jenayah aduan, ertinya tidak boleh disabitkan apabila tidak ada pengaduan dari pihak suami atau isteri yang terbabit (yang diaibkan). Sebagai contoh, Mahkamah Negeri Makassar pada tarikh 27 Januari 2014 membincangkan kes hubungan sulit antara dua orang yang telah berkahwin dikenali sebagai HT binti SN yang dituduh menjalin hubungan sulit bersama AM bin SN di sebuah rumah kost di Jalan Mamoa Raya Kecamatan Tamalate, Makassar beberapa lama lalu. Kedua-duanya diserbu oleh polis dan keluarga HT yang mensyaki hubungan sulit berkenaan.

Perbicaraan kes diketuai hakim R.Bernadette Samosir, hakim anggota Muhammad Ansar, dan Rianto Adam Pontoh. Dalam perbicaraan berkenaan, HT dan AM didakwa bersalah dan dikenakan denda Rp.2.500 (dua ribu lima ratus

[107]Moeljatno, 209.

rupiah) dan penjara tujuh bulan. Menurut hakim, HT terbukti memiliki hubungan sulit dan melakukan hubungan badan (berzina) dengan AM padahal kedua-duanya masih memiliki suami dan isteri sah.[108]

Menurut penyelidik, kelemahan peruntukan ini ialah (1) wujudnya syarat pengaduan dari pihak (suami atau isteri) yang terbabit; (2) hukuman bagi pelaku zina hanya maksimum sembilan bulan penjara terlalu ringan dan meremehkan adat tempatan; (3) tidak mengandungi ketentuan zina antara seorang lelaki dan wanita yang belum berkahwin.

Daripada semua pencerobohan terhadap kesusilaan atau kehormatan wanita, hukuman paling ringan ialah zina yang dilakukan dua orang yang telah berkahwin. Menurut penyelidik, peruntukan ini tidak adil dan diskriminasi kerana tidak bersesuaian dengan rasa undang-undang yang hidup di dalam masyarakat yang sangat menentang zina sama ada bagi mereka yang telah berkahwin atau belum.

b. Perbuatan Rogol

Mengenai kejahatan kesusilaan dalam bentuk perbuatan rogol disebutkan dalam seksyen 285 KUHP, "barangsiapa dengan kekerasan atau hukuman kekerasan memaksa seorang wanita bersetubuh dengan dia di luar perkahwinan,

[108]Akhbar Harian *Tribun Timur* (Makassar), 28 Januari 2014.

dikenakan hukuman sabit kesalahan perkosaan dengan penjara maksimum dua belas tahun."[109]

Hukuman dalam seksyen ini ialah dengan kekerasan atau hukuman kekerasan memaksa wanita yang bukan isterinya untuk bersetubuh dengan dia. Seksyen ini tidak termasuk wanita yang memaksa lelaki untuk bersetubuh bukan kerana tidak mungkin hal itu terjadi akan tetapi kerana perbuatan itu bagi lelaki dianggap tidak memberi kesan buruk atau yang menjejaskan pihak lelaki berbanding dengan wanita.[110]

Menurut penyelidik, walaupun hukuman bagi perogol cukup berat iaitu maksimum 12 tahun penjara, tetapi jarang berlaku pemberian hukuman secara berjaya kerana syarat-syarat pembuktian tindakan perogolan sulit ditemui. Kebanyakan tindakan rogol dilakukan di tempat yang tidak disaksikan orang lain, sehingga sulit dibuktikan di hadapan perbicaraan Mahkamah. Selain itu, wanita yang dirogol akan rasa malu untuk melaporkan kejadian yang dialami sebab dianggap aib serta enggan membuat pemeriksaan doktor.

Universiti Utara Malaysia

c. Kejahatan Kesusilaan di Depan Orang Lain

Mengenai kejahatan kesusilaan di depan orang lain disebutkan dalam Seksyen 281 KUHP :

> *Dihukum dengan jenayah penjara paling lama dua tahun delapan bulan atau jenayah denda paling banyak empat ribu lima ratus rupiah : (1) barangsiapa dengan sengaja dan terbuka melanggar kesusilaan; (2)*

[109]Seksyen 285 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIV, Kejahatan Terhadap Kesusilaan.

[110]Moeljatno, 210.

barangsiapa dengan sengaja dan di depan orang lain yang ada di situ bertentangan dengan kehendaknya, melanggar kesusilaan.[111]

Kesusilaan dalam seksyen ini ialah perasaan malu yang berhubungan dengan nafsu kelamin misalnya bersetubuh, meraba buah dada wanita, meraba tempat keperasaan maluan wanita, memperlihatkan anggota keperasaan maluan wanita atau lelaki, mencium dan sebagainya. Menurut Mr.W.F.L. Buschkens merosak kehormatan suatu pengertian am, yang juga merangkumi merosak kesopanan sama ada dengan kata-kata atau dengan perbuatan. Selain itu seksyen ini juga dikaitkan dengan ukuran kesusilaan yang berlaku menurut adat istiadat suku-suku bangsa yang ada di Indonesia.[112]

Pencerobohan kehormatan di hadapan orang banyak dengan pengertian seperti mana disebutkan di atas dihukum dengan hukuman penjara dua tahun lapan bulan dengan syarat bahawa pihak wanita rasa tertekan dengan tindakan berkenaan. Kuat kuasa peruntukan ini bagi seseorang yang telah berkahwin atau seorang gadis. Sekiranya tindakan itu dilakukan dalam keadaan suka sama suka maka perkara itu tidak termasuk dalam peruntukan seksyen ini.

d. Perbuatan Cabul

Mengenai kejahatan kesusilaan dalam bentuk perbuatan cabul disebutkan dalam Seksyen 289 KUHP, sebagai berikut :

Barangsiapa dengan kekerasan atau hukuman kekerasan memaksa seorang untuk melakukan atau membiarkan dilakukan perbuatan cabul,

[111]Seksyen 281 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIV, Kejahatan Terhadap Kesusilaan.

[112]Moeljatno, 204.

dihukum kerana melakukan perbuatan yang menyerang kehormatan kesusilaan, dengan jenayah penjara paling lama sembilan tahun.[113]

Niat perbuatan cabul ialah segala perbuatan yang melanggar kesusilaan (kesopanan) atau perbuatan yang keji, semuanya itu dalam lingkungan nafsu berahi kelamin, misalnya cium-ciuman, menyentuh anggota sulit dan sebagainya.[114]

Menurut penyelidik perbuatan cabul dengan paksaan sama seperti perbuatan rogol, iaitu kedua-duanya dilakukan dengan hukuman kekerasan. Perbuatan cabul berbeza dengan rogol hanya pada kenyataan bahawa rogol melakukan zina di bawah hukuman, manakala pencabulan tidak sampai ke peringkat zina. Hukuman maksimum sembilan tahun penjara dianggap cukup munasabah.

e. Menceroboh Kehormatan Mahram

Mengenai kejahatan kesusilaan terhadap mahram disebutkan dalam seksyen 294 KUHP :

Barangsiapa melakukan perbuatan cabul dengan anaknya, anak tirinya, anak angkatnya, anak di bawah pengawasannya yang belum dewasa, atau dengan orang yang belum dewasa yang pemeliharaannya, pendidikan atau penjagaannya diserahkan kepadanya atau pun dengan bujangnya atau bawahannya yang belum dewasa, diancam dengan jenayah penjara paling lama tujuh tahun.[115]

---

[113]Seksyen 289 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIV, Kejahatan Terhadap Kesusilaan.

[114]Moeljatno, 212.

[115]Seksyen 294 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIV, Kejahatan Terhadap Kesusilaan.

Seksyen ini boleh pula dikenakan pada misalnya *mamak* (bapa saudara dari garis ibu) di Tanah Minangkabau yang menurut adat menjabat sebagai kepala keluarga dan menjalankan kekuasaan orang tua, segala macam guru, misalnya guru mengaji, guru olah raga, instruktur dan sebagainya.[116]

KUHP memperuntukkan perbuatan cabul dengan mahram tidak secara khusus dalam satu seksyen tertentu akan tetapi digabungkan dengan perbuatan cabul terhadap anak-anak yang belum dewasa yang berada di bawah kekuasaannya, misalnya anak angkat, anak tiri, anak didik atau dengan bujangnya. Pencabulan itu juga lebih ditekankan pada anak yang belum dewasa. Tidak wujud perlakuan khusus terhadap mahram seperti mana difahami berasaskan pengertian undang-undang adat tempatan tentang mahram.

2.2.3 Perbandingan Hukuman Menurut *Lontara* dan KUHP

2.2.3.1 Perbuatan Bunuh

Membunuh orang lain menurut undang-undang adat adalah suatu pelanggaran *siri'* kerana dianggap bercanggah dengan *harkat* kemanusiaan. Oleh itu, seseorang yang melakukan perbuatan bunuh harus dihukum dengan hukuman berimbang iaitu *puli*. Hukuman *puli* dilakukan oleh *tumasiri'* guna mengembalikan maruah seseorang, keluarga berkenaan, dan keseimbangan sosial. Walau demikian, hukuman *puli* hanya diterapkan seketika perbuatan bunuh berlaku dan sebelum ditangani pihak tokoh adat atau kerajaan. Sekiranya telah sampai di tangan pihak berkuasa, maka tidak boleh lagi dilakukan hukuman *puli*.

[116]Moeljatno, 216.

Pihak kerajaan atau Mahkamah adat menerapkan hukuman lain, berupa denda yang diserahkan kepada keluarga terbunuh.

Terdapat perbezaan hukuman bagi anak raja atau bangsawan dengan orang biasa (orang merdeka atau abdi) yang melakukan perbuatan pembunuhan. Sekiranya anak raja atau bangsawan yang membunuh orang biasa maka tidak diterapkan hukuman *puli.* Sebaliknya kalau orang biasa membunuh anak raja atau bangsawan tetap diterapkan hukuman *puli.* Di sinilah kekurangan undang-undang adat yang bersifat diskriminasi dan kurang adil dalam menerapkan undang-undang.

KUHP memberikan hukuman bagi orang yang membunuh orang lain dengan hukuman penjara selama maksimum 15 (lima belas tahun) bagi pelaku pembunuhan biasa, dan maksimum 20 tahun atau seumur hidup bagi pelaku pembunuhan terancang.

Universiti Utara Malaysia

2.2.3.2 Perbuatan Zina

Sikatinroang atau perbuatan zina dihukum dalam undang-undang adat dengan hukuman bunuh sama ada pelaku zina itu seorang yang telah berkahwin atau masih bujang. Akan tetapi sama seperti *puli* hukuman bunuh hanya boleh dilakukan sebelum kes zina ditangani oleh kerajaan menerusi Mahkamah atau tokoh adat tempatan. Sebagai pengganti hukum bunuh diterapkan hukuman denda bagi mereka yang melakukan perzinahan untuk diberikan kepada suami atau keluarga berkenaan.

KUHP menerapkan hukuman penjara maksimum 9 bulan bagi pelaku zina yang memiliki suami atau isteri. Hukuman dijatuhkan apabila pihak suami atau isteri pelaku terbabit zina mengadukan kesnya ke pihak berwenang. Inilah hukuman paling aneh di dalam KUHP kerana lebih rendah daripada hukuman perbuatan pencabulan di luar hubungan persetubuhan.

2.2.3.3 Perbuatan Rogol

Hukuman bagi pelaku rogol dalam undang-undang adat disamakan dengan kes zina, iaitu hukuman bunuh bagi pelaku. Perbezaannya, perbuatan zina diberikan hukuman ke atas kedua-dua pelaku, manakala perbuatan rogol hanya diberikan hukuman bunuh ke atas lelaki yang melakukan.

KUHP memandang tindakan rogol lebih berat daripada zina, sehingga pelaku dihukum dengan hukuman penjara maksimum 12 tahun.[117] Hukuman di atas kertas berkenaan dalam praktiknya jarang berlaku disebabkan pembuktian perkosaan di Mahkamah sangat sukar dilakukan, terutama bagi masyarakat tempatan yang masih memiliki budaya perasaan malu yang tinggi.

2.2.3.4 Perbuatan Menceroboh Kehormatan Mahram

Perbuatan yang dianggap paling keji di kalangan masyarakat tempatan adalah *salimarak*. Oleh itu, undang-undang adat menetapkan hukuman bunuh dilakukan dengan cara menenggelamkan pelakunya ke dasar laut. Sebabnya,

[117]Seksyen 285 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP), Bab XIV, Kejahatan Terhadap Kesusilaan.

kerana selain mengotori kesucian hubungan darah atau mahram, juga dianggap akan mengundang bencana terhadap negeri dan masyarakat.

Hukuman bagi pelaku *salimarak* atau menceroboh kehormatan mahram menurut KUHP tidak seperti perkosaan atau zina. Pelaku kejahatan ini termasuk kejahatan kesusilaan yang dihukum dengan hukuman penjara maksimum 7 tahun lamanya. Perbandingan lebih jelas seperti pada jadual berikut ini :

Jadual 2.1 *Perbandingan Hukuman Kes Pembunuhan Menurut Lontara dan KUHP*

Jenis Pencerobohan	Hukuman	
	Lontara	KUHP
Perbuatan Bunuh	Bunuh/denda	Penjara maksimum 15 tahun – seumur hidup (seksyen 338 dan 340)
Perbuatan Zina	Bunuh/buang	Penjara maksimum 9 bulan
Perbuatan Rogol	Bunuh/buang	Penjara maksimum 12 tahun
Sumbang Muhrim	Bunuh/buang	Penjara maksimum 7 tahun

Perbandingan kedua sistem undang-undang berkenaan memperlihatkan wujudnya perbezaan prinsip. Undang-undang dalam *Lontara* memberikan peluang pembunuhan terhadap pelaku pembunuhan, pelaku zina dan perogolan. Undang-undang adat menunjukkan kebolehan hukuman bunuh sedangkan KUHP mengharuskan hukuman penjara dengan tempoh yang berbeza-beza sesuai motifnya. Secara kultural balasan dengan bunuh dipandang adil menurut *Lontara*, manakala KUHP memandang pembunuhan adalah pelanggaran jenayah.

Hukuman ini serupa undang-undang *takzir*, di mana hukuman terserah kepada budi bicara hakim yang dilantik dengan melihat kepada keperluan semasa dan kemaslahatan masyarakat.[118] Oleh yang demikian, peruntukan hukumannya diserahkan kepada kebijaksanaan hakim atau *qadi* untuk menyempurnakannya.[119] Di sinilah pentingnya peranan seorang hakim. Ia merupakan orang yang mempunyai bidang kuasa menghakimi sesuatu berasaskan hukum syarak *al-mahkum-bih* dan hak atau kepentingan yang dibicara atau dipertikaikan untuk diputuskan.[120] Oleh yang demikian itu, budi bicara hakim dalam kes pembunuhan kerana *siri'* amat menentukan pemenuhan prinsip keadilan dalam masyarakat.

Menurut penyelidik, walaupun undang-undang adat masih tetap diamalkan sebagai nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat, tidak semua peruntukan di dalamnya boleh diterapkan. Terdapat beberapa peruntukan yang dianggap kurang adil dan diskriminasi kerana membezakan berat ringannya dan jenis hukuman bagi orang bangsawan dan orang biasa. KUHP pula, meletakkan semua orang berasaskan prinsip persamaan di hadapan undang-undang. Oleh itu, menurut Abidin, KUHP mengandungi asas undang-undang dan sistem jenayah yang jauh lebih memuaskan untuk negara moden daripada asas undang-undang jenayah adat. Pertama, lebih sesuai dengan sistem kodifikasi dan unifikasi undang-undang jenayah yang sesuai dengan Negara Kesatuan Republik Indonesia.

Universiti Utara Malaysia

---

[118]Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Hussain, *Undang-undang Jenayah Islam*. Cetakan Pertama. (Johor Darul Takzim : Perniagaan Jahabersa, 2008),11.

[119]MD.Som Sujimon, *Kes-Kes Kehakiman : Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman Al-Khulafa' Al-Rasyidin*, first ed.(IIUM Press, 2009), 77.

[120]Mahmud Saedon A.Othman, *Institutsi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam,* Cetakan Ketiga, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 26.

Namun harus diakui bahawa beberapa kejahatan dalam KUHP dirasakan bersifat diskriminasi dan terlalu rendah hukuman jenayahnya, dan juga ada beberapa jenayah adat yang dirasakan sangat tercela, namun tidak ditetapkan di dalamnya. Tetapi hal itu tidaklah menjadi alasan untuk membuang peruntukan dalam KUHP dan mengganti dengan Undang-Undang Jenayah Adat saja. Kodifikasi dan kesatuan Undang-Undang Jenayah Adat akan sangat sukar dicapai kerana di Indonesia terdapat begitu banyak kaedah undang-undang jenayah adat di samping mempunyai persamaan juga mempunyai perbezaan.[121]

Menurut penyelidik, cara yang mungkin lebih baik dalam usaha menghargai undang-undang adat tempatan sebagai undang-undang kehidupan (*living law)* ialah dengan cara memberikan otoriti kepada hakim berasaskan peraturan yang jelas dan sistematik untuk mempertimbangkan undang-undang yang relevan dalam keputusannya.

Berasaskan perbandingan kedua-dua undang-undang di atas diketahui bahawa *siri'* merupakan salah satu faktor penghapus hukuman bagi pelaku menurut undang-undang adat, manakala dalam KUHP *siri'* tidak boleh dijadikan alasan penghapus hukuman terhadap tertuduh. KUHP hanya mempertimbangkan penghapusan hukuman dengan alasan lain iaitu bagi pelaku jenayah yang sakit atau terganggu jiwanya.

Pembuat undang-undang membuat peraturan khusus bagi setiap pelaku jenayah yang tidak boleh mempertanggungjawabkan perbuatannya, kerana sakit jiwa atau kurang sempurna akalnya, pada masa perbuatan itu dilakukan olehnya.

[121]Andi Zainal Abidin, *Asas-Asas Hukum Pidana Bagian Pertama* (Bandung : Penerbit Alumni, 1987), 100.

Sakit jiwa atau kurang sempurna akal yang wujud pada diri pelaku merupakan sesuatu yang dialami sejak lahir atau timbul kemudian pada masa ia melakukan perbuatan jenayah.[122] Seksyen 44 (1) KUHP menyebukan, " *barang siapa melakukan perbuatan yang tidak boleh dipertanggungkan kepadanya kerana jiwanya cacat dalam pertumbuhan atau terganggu kerana penyakit, tidak boleh di jenayah.*[123] Kekuasaan untuk tidak menghukum pelaku kerana sakit jiwa hanya ada pada hakim dan dinyatakan selepas memperoleh keterangan daripada saksi ahli bidang ilmu kejiwaan. Hakim boleh menerima atau menolak keterangan saksi ahli berkenaan berasaskan kepatutan atau kesesuaian.[124]

Peruntukan lain penghapus jenayah dikenakan terhadap pelaku yang melakukan perbuatan jenayah kerana terpaksa, mengikut seksyen 48 KUHP, "*barang siapa melakukan perbuatan pidana kerana pengaruh daya paksa tidak dipidana.* "[125] Yang diniat dengan paksaan di sini adalah sesuatu kekuatan, suatu dorongan, suatu paksaan yang tidak boleh dilawan, tidak boleh ditahan atau dielakkan oleh pelaku, sehingga oleh sebab adanya paksaan itu ia melakukan tindak jenayah. Ertinya, pelaku melakukan perbuatan jenayah berasaskan pertimbangan bahawa perbuatan itulah yang lebih ringan atau lebih kecil

Universiti Utara Malaysia

---

[122]H.M.Hamdan, *Alasan Penghapus Hukuman Pidana : Teori dan Studi Kasus* (Bandung : Refika Aditama, 2012), 77.

[123]Seksyen 44 KUHP, Bab Hal-Hal yang Menghapuskan, Mengurangi, atau Memberatkan Pidana.

[124]Hamdan, 77.

[125]Seksyen 44 KUHP, Bab Hal-Hal yang Menghapuskan, Mengurangi, atau Memberatkan Pidana.

resikonya daripada ia melakukan perbuatan yang lainnya atau daripada ia tidak melakukan perbuatan berkenaan.[126]

Alasan penghapusan jenayah dikenakan pula ke atas pelaku yang melakukan perbuatan untuk membela diri, mengikut seksyen 49 KUHP sebagai berikut :

> *Tidak dijenayah barang siapa melakukan perbuatan pembelaan terpaksa untuk diri sendiri maupun orang lain,kehormatan kesusilaan atau harta benda sendiri maupun orang lain, kerana ada serangan atau hukuman serangan yang sangat dekat pada saat itu yang melawan hukum.*[127]

Jika kejadian itu berlaku, maka penghapusan jenayah boleh dilakukan jika memenuhi syarat-syarat : (1) perbuatan berkenaan dilakukan untuk membela tubuh, kehormatan atau harta benda sendiri atau pun orang lain; (2) perbuatan itu dilakukan atas serangan melawan undang-undang yang berlaku masa itu juga. Dengan kata lain, perbuatan itu dilakukan selepas wujudnya serangan yang mengancam, bukan perbuatan yang ditujukan untuk mempersiapkan sebelum wujud atau berlaku serangan dan bukan pula terhadap serangan yang telah berakhir; (3) perbuatan itu benar-benar terpaksa atau dalam keadaan darurat, tiada pilihan lain bagi menghindari daripada serangan berkenaan. Perbuatan pelaku diperlukan guna membela hak terhadap keadilan, tetapi pergaduhan harus dilakukan secara seimbang.[128]

Universiti Utara Malaysia

---

[126]Hamdan, 78.

[127]Seksyen 44 KUHP, Bab Hal-Hal yang Menghapuskan, Mengurangi, atau Memberatkan Pidana.

[128]Hamdan, 80.

Menurut penyelidik, sekiranya hakim hendak menegakkan keadilan boleh menggunakan seksyen ini. Sebabnya ialah, seksyen berkenaan jelas menyebutkan di antara alasan penghapusan jenayah bagi sesiapa yang membela kehormatan diri atau orang lain. Kehormatan di sini khasnya berkaitan kehormatan kesusilaan, iaitu zina dan rogol. Zina dan rogol merupakan pencerobohan *siri'* teramat berat dalam undang-undang adat tempatan. Undang-undang nombor 48 tahun 2009 berkaitan bidangkuasa kehakiman seksyen 5, sangat lemah sebagai pedoman bagi hakim guna mengambil kira motif *siri'* sebagai alasan meringankan hukuman pelaku, apalagi untuk dijadikan alasan penghapus hukuman. Oleh yang demikian itu, seksyen 49 KUHP boleh dijadikan pegangan bagi menyelesaikan kebuntuan undang-undang mengenai kes adat di daerah tempatan.

2.2.4. Dasar Berlaku UU Adat Dalam Sistem UU Nasional.

Undang-Undang Dasar 1945 (disingkat UUD 1945) menjadi dasar utama berlakunya undang-undang adat di Indonesia. Hal itu diatur dalam seksyen II Aturan Peralihan UUD 1945 yang menyatakan, *segala badan negara dan peraturan yang ada masih terus berlaku, selama belum diadakan yang baru menurut Undang-Undang Dasar ini.*[129] Salah satu peraturan yang ada ketika itu adalah undang-undang adat di berbagai daerah adat di Indonesia.

Perubahan Perlembagaan dari UUD 1945 ke Konstitusi Republik Indonesia Serikat (RIS, 17 Desember 1949-17 Ogos 1950) dan dari Perlembagaan

[129]Seksyen II Undang-Undang Dasar 1945, Bahagian Aturan Peralihan.

RIS ke Undang-Undang Dasar Sementara (UUDS, 17 Agustus 1950 – 5 Juli 1959), seterusnya kembali semula ke UUD 1945 (5 Juli 1959) peraturan peralihan berkenaan kekal dipertahankan.[130] Malah dalam Perlembagaan RIS, seksyen 146 ayat (1) menyebutkan bahawa, "*segala keputusan Mahkamah harus berisi alasan-alasannya dan dalam perkara hukuman harus menyebut aturan-aturan undang-undang dan aturan-aturan undang-undang adat yang dijadikan dasar hukuman itu.*"[131] Pada seksyen 145 ayat (2) disebutkan salah satu Mahkamah yang ada masa itu adalah Mahkamah Adat. Seksyen 104 ayat (1) UUDS 1950 meneguhkan semula peruntukan pada Perlembagaan RIS 1949 tanpa perubahan redaksional.[132]

Pelaksanaan semangat undang-undang adat berkenaan kemudian dituangkan dalam Undang-Undang Republik Indonesia nombor 19 tahun 1964 tentang Ketentuan–Ketentuan Pokok Kekuasaan Kehakiman. Undang-Undang itu menyebutkan unifikasi mahkamah di dalam wilayah Indonesia dengan menekankan bahawa, "*semua Mahkamah di seluruh wilayah Republik Indonesia adalah Mahkamah Negara, yang ditetapkan dengan Undang-undang.*"[133] Mahkamah Negara yang diniat adalah Mahkamah Umum, Mahkamah Agama, Mahkamah Militer, dan Mahkamah Tata Usaha Negara. Peruntukan berkenaan tidak mengiktiraf semula kewujudan Mahkamah Adat.

Universiti Utara Malaysia

---

[130]Soerojo Wignjodipoero, *Pengantar dan Asas-Asas Hukum Adat*, cetakan ke-7 (Jakarta : Gunung Agung,1984), 52.

[131]Perlembagaan Republik Indonesia Serikat, Keputusan Pres.RIS 31 Januari 1950, Nombor 48(c), Bab IV Pemerintahan.

[132]Undang-Undang Dasar Sementara Republik Indonesia, UU No.7 Tahun 1950, d.u. 15 Ogos 1950, BAB III Tugas Alat-Alat Perlengkapan Negara.

[133]Seksyen 1, Undang-Undang RI nombor 19 tahun 1964.

Walaupun tiada pengakuan daripada negara mengenai kewujudan lembaga Mahkamah Adat, substansi adat sendiri kekal diakui dalam undang-undang berkenaan. Undang-undang adat diistilahkan undang-undang tak tertulis. Seksyen 17 (2) menyebutkan, "*keputusan itu harus memuat seksyen-seksyen tertentu daripada peraturan yang bersangkutan atau apabila undang-undang tak tertulis yang dijadikan dasar untuk membicarakan, alasan-alasan dan dasar-dasar pembicaraannya.*"[134] Menurut, ahli undang-undang adat, peruntukan berkenaan tidaklah berniat mengingkari undang-undang tidak tertulis yang disebut undang-undang adat.[135] Penyelidik berpandangan sama, bahawa walaupun undang-undang adat tidak nampak menerusi lembaga formal, tetapi kandungannya tetap dipertahankan.

Bagi mempertegaskan pengakuan terhadap undang-undang tak tertulis seperti mana tertuang dalam seksyen 17 Undang-Undang berkenaan, maka seksyen 20 (1) menyebutkan, "*hakim wajib menggali, mengikuti, dan memahami nilai-nilai undang-undang yang hidup dengan mengintegrasikan dari dalam masyarakat agar benar-benar mewujudkan fungsi undang-undang sebagai penegak keadilan.*"[136]

Undang-Undang Nombor 19 Tahun 1964 tidak boleh dipertahankan semula selepas Pemerintahan Presiden Sukarno berakhir. Sebabnya, di dalam undang-undang berkenaan salah satu seksyen menyebutkan Presiden dalam hal-

[134]Seksyen 17, ayat (2) Undang-Undang RI nombor 19 tahun 1964.

[135]Wignjodipoero, 57.

[136]Seksyen 20, ayat (1) Undang-Undang nombor 19 tahun 1964.

hal tertentu boleh mencampuri perbicaraan. Peruntukan itu terkandung dalam seksyen 19/UU No.19/1964, "*demi kepentingan revolusi, kehormatan Negara dan Bangsa atau kepentingan masyarakat yang sangat mendesak, Presiden boleh turut campur tangan dalam soal-soal perbicaraan.*"[137]

Menggantikan undang-undang berkenaan Kerajaan menetapkan UU No.14 Tahun 1970 tentang Ketentuan-Ketentuan Pokok Kekuasaan Kehakiman. Seksyen 23, (1) UU berkenaan menyebutkan,"

> *Segala keputusan Mahkamah selain harus memuat alasan-alasan dan dasar-dasar keputusan itu, juga harus memuat pula seksyen-seksyen tertentu daripada peraturan-peraturan yang bersangkutan atau sumber undang-undang tak tertulis yang dijadikan dasar untuk membicarakan.*[138]

Seksyen 27 (1) undang-undang berkenaan, menyebutkan, " *hakim sebagai penegak undang-undang dan keadilan wajib menggali, mengikuti, dan memahami nilai-nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat.* "[139]

Walaupun berbeza sistem Pemerintahan, UU No.14 Tahun 1970 tetap memuat peraturan mengenai keharusan mencantumkan undang-undang tak tertulis dalam keputusan Mahkamah. Demikian pula peruntukan mengenai kewajipan hakim mempertimbangkan nilai-nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat dengan redaksi sedikit berbeza.

Selepas era reformasi di Indonesia, berlaku perubahan UUD 1945, menyebabkan berlaku pula perubahan penting terhadap penyelenggaraan bidangkuasa kehakiman. Ketentuan-ketentuan pokok bidangkuasa kehakiman pun

---

[137]Seksyen 19 Undang-Undang RInombor 19 tahun 1964.

[138]Seksyeh 23 (1) Undang-Undang nombor 14 tahun 1970.

[139]Seksyeh 27 (1) Undang-Undang nombor 14 tahun 1970.

perlu dilakukan penyesuaian dengan UUD 1945 berkenaan. Pemerintah kemudian menetapkan Undang-Undang RI No.4 Tahun 2004 tentang Kekuasaan Kehakiman. Seksyen 25 (1) Undang-Undang berkenaan menyebutkan :

> *Segala keputusan Mahkamah selain harus memuat alasan dan dasar keputusan berkenaan, memasukkan seksyen tertentu daripada peraturan perundangan berkenaan atau sumber undang-undang tak tertulis yang dijadikan dasar untuk membicarakan.*[140]

Undang-undang pun terus mewajipkan memperhatikan undang-undang yang hidup dalam masyarakat menerusi seksyen 28 (1) UUNo.4 Tahun 2004 yang menyebutkan,"hakim wajib menggali, mengikuti, dan memahami nilai-nilai undang-undang dan rasa keadilan yang hidup dalam masyarakat.[141]

UU No. 48 Tahun 2009, seksyen 50 (1) menyebutkan," *putusan Mahkamah selain harus memuat alasan dan dasar keputusan, juga memuat seksyen tertentu daripada peraturan perundang-undangan berkenaan atau sumber undang-undang tak tertulis yang dijadikan dasar untuk membicarakan.*"[142] Keharusan memperhatikan undang-undang tak tertulis itu masih disertai dengan kewajipan menggali nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat seperti mana terkandung dalam seksyen 5 (1) daripada Undang-undang berkenaan.

Sejarah panjang bermula daripada sejak Indonesia merdeka sehingga sekarang, peruntukan mengenai undang-undang adat (yang dalam UU Bidangkuasa Kehakiman diistilahkan undang-undang tak tertulis) tetap dipertahankan kewujudannya dalam Undang-Undang. Oleh yang demikian itu,

---

[140]Seksyen 25 (1) Undang-undang nombor 4 tahun 2004.

[141]Seksyen 28 (1) Undang-undang nombor 4 tahun 2004.

[142]Seksyen 50 (1).UU.No.48/2009.

para hakim memiliki dasar yang kuat untuk menguatkuasakan undang-undang adat berkenaan dalam perbicaraan di Mahkamah.

2.2.5 Keputusan Mahkamah Terhadap Kes Pembunuhan Kerana *Siri'*

Dalam amalan perbicaraan kes-kes pembunuhan kerana *siri'* sebelum dan selepas Indonesia merdeka, di Sulawesi Selatan ditemui beberapa kes yang berkaitan pencerobohan terhadap kehormatan wanita dan pencerobohan terhadap kehormatan mahram. Dalam perbicaraan mengenai kes-kes yang wujud, undang-undang adat sentiasa dipertimbangkan sebagai faktor yang meringankan hukuman tertuduh. Kes-kes berkenaan boleh dilihat pada contoh-contoh kes berikut ini :

2.2.5.1 Kes Pencerobohan terhadap Kehormatan Wanita

Kes pencerobohan terhadap kehormatan wanita berlaku di beberapa daerah berbeza di Sulawesi Selatan, termasuk di daerah sampel penyelidikan ini. Pada masa sebelum kemerdekaan, tahun 1938, di mana perbicaraan undang-undang adat dikuatkuasakan, tertuduh kes pembunuhan kerana *siri'* dibebaskan oleh Mahkamah dari segala hukuman. La Geccong, seorang petani, mendapati isterinya sedang bersetubuh dengan seorang lelaki bernama La Buri. La Geccong menebas lelaki berkenaan hingga mati seketika. Dia juga menebas hingga mati isterinya beberapa masa kemudian. Mahkamah Adat bersepakat menjatuhkan keputusan bebas terhadap tertuduh La Geccong, kerana menurut undang-undang adat tempatan, ia dianggap membela kehormatan *siri'*.[143]

[143]Ibid, 170.

Kes pembunuhan kerana *siri'* pernah berlaku di daerah Takalar tahun 1963. Kejadian itu berlaku di mana seorang lelaki membunuh saudara wanitanya kerana didapati melakukan persetubuhan dengan lelaki lain tanpa ikatan perkahwinan. Keputusan Mahkamah Negeri Takalar tarikh 28 December 1963 Reg. Nombor 60/1963, menghukum tertuduh dengan hukuman penjara selama tiga tahun. Mahkamah tidak membenarkan perbuatan pembunuhan berkenaan tetapi menetapkan alasan *siri'* sebagai faktor meringankan jenayah.[144] Menurut penyelidik, keputusan tiga tahun penjara berkenaan cukup sesuai dan memenuhi rasa keadilan masyarakat yang masih memegang nilai-nilai *siri'* di dalam kehidupan kekerabatan.

Di Makassar, tahun 1966 kejadian berasingan berlaku di mana seorang lelaki inisial S membunuh seorang lelaki inisial SK berhubung lelaki ini memujuk wanita M berkahwin lari (*silariang*). M mengadukan kejadian berkenaan kepada saudara kandungnya, S, sehingga berlakulah pembunuhan ke atas diri SK. Mahkamah Negeri Ujung Pandang (sekarang, Makassar) tarikh 13 April 1966, dengan Reg. Nombor 150/1966/B menjatuhkan jenayah lima tahun penjara ke atas SK. Hakim mempertimbangkan motif *siri'* sebagai "alasan meringankan jenayah" dalam kes pembunuhan yang dirancangkan lebih dahulu berkenaan.[145]

Kejadian lainnya berlaku tahun 1979 di daerah Gowa. Seorang lelaki melakukan pembunuhan terancang ke atas lelaki berinisial D, 35 tahun, kerana terbukti menghamili adik wanita lelaki berkenaan tanpa ikatan perkahwinan.

[144]Ibid, 128.

[145]Ibid, 129.

Walaupun menggunakan seksyen 340 KUHP, tertuduh hanya dihukum empat tahun penjara oleh Mahkamah Negeri Sungguminasa, dalam keputusannya bertarikh 2 April 1979 nombor 6/T/79. Hakim mempertimbangkan motif *siri'* sebagai faktor meringankan hukuman jenayah.[146]

Menurut penyelidik, pembunuhan dilakukan ke atas diri lelaki berkenaan berhubung kes hubungan antara wanita dan lelaki berkenaan belum sampai ke peringkat berkahwin lari melainkan lelaki terbabit barulah memujuk wanita untuk melakukan tindakan *silariang*. Tindakan tertuduh terlalu terbawa emosi sehingga melakukan pembunuhan yang tidak pada tempatnya atau *sala siri'* (salah *siri'*).

Kes pembunuhan serupa berlaku di Daerah Bantaeng tahun 1979. Kejadian itu berpunca daripada seorang lelaki menghamili di luar ikatan perkahwinan seorang wanita berinisial H. Bapa saudara wanita berkenaan, masing-masing T bin H dan D bin H, membunuh pelaku selepas mengetahui orang yang menghamili anak saudaranya adalah T. Atas perbuatannya itu, kedua-duanya dijatuhi hukuman masing-masing tiga tahun penjara untuk tertuduh T bin H dan tiga tahun satu bulan penjara untuk tertuduh D bin H oleh Mahkamah Negeri Bantaeng atas dakwaan pembunuhan terancang mengikut seksyen 340 KUHP. Hakim, dalam keputusannya tarikh 17 April 1979 nombor 42/Pts.Pid./19179/Pn.Btg., mempertimbangkan faktor *siri'* sebagai alasan meringankan hukuman tertuduh.

Berasaskan kes-kes disebutkan di atas boleh difahami bahawa sejak masa pemerintahan Hindia Belanda dan awal pemerintahan Republik motif

[146]Marzuki, 185.

pembunuhan kerana *siri'* sentiasa dipertimbangkan sebagai faktor meringankan hukuman tertuduh. Namun demikian, sejak dikuatkuasakan KUHP tidak didapati perbicaraan pembunuhan kerana *siri'*sebagai dasar pembenaran tindakan kes pembunuhan ke atas diri seseorang. Penyelidik sependapat dengan Marzuki yang mengatakan, perlu pengenaan hukuman penjara berat terhadap para pelaku jenayah adat kesusilaan, serta penjara ringan bagi para pelaku pembela kehormatan *siri'* guna memenuhi perasaan keadilan rakyat.[147]

2.2.5.2 Kes Pencerobohan terhadap Kehormatan Mahram

Salimarak ditemui berlaku di beberapa tempat pada sebelum kemerdekaan. Sebagai contohnya, Mahkamah Adat Bone Selatan dalam keputusannya tarikh 4 September 1918, menghukum seorang wanita bangsawan yang bersetubuh dengan seorang lelaki keturunan abdi merdeka dengan hukuman pengasingan seumur hidup terhadap kedua tertuduh. Keputusan itu kemudian direvisi oleh perbicaraan kerajaan (Belanda) dengan hukuman pengasingan – meninggalkan daerah Bone selama 10 tahun.[148]

Di daerah Gowa tahun 1930, iaitu pada masa penjajahan Belanda, seorang ayah tiri berbuat *salimarak* dengan anak tirinya sehingga anak berkenaan hamil. Mahkamah Adat Gowa pada tarikh 22 Mac 1930 dengan keputusan nombor 3 memandang persetubuhan antara bapa dan anak tiri berkenaan sebagai perbuatan *salimarak* dan harus dihukum secara adat. Berasaskan keputusan Gubernur

[147]Ibid, 191.

[148]Marzuki, 170.

Sulawesi bertarikh 19 Juni 1930, tertuduh wanita diasingkan ke daerah Maros, manakala tertuduh lelaki diasingkan ke daerah Bantaeng. Setahun sebelumnya, Mahkamah Adat Gowa dalam keputusannya nombor 38, tarikh 19 Oktober 1929, menghukum dua orang bersaudara sebapa yang bersetubuh dengan hukuman pengasingan seumur hidup. [149]

Keputusan-keputusan perbicaraan dalam masa Hindia Belanda tetap memperhatikan faktor nilai budaya *siri'* dalam pelbagai pertimbangan undang-undang dalam keputusannya. Walaupun demikian, nilai budaya *siri'* hampir tidak pernah dijadikan sebagai dasar pembenaran dalam memeriksa dan memutuskan kes-kes pembelaan kehormatan *siri'*. Sesuatu perbuatan penganiayan dan pembunuhan yang timbul dari kes-kes pembelaan kehormatan *siri'* tetap dianggap sebagai perbuatan melawan undang-undang.[150] Dalam masa pemerintahan Hindia Belanda, nilai budaya *siri'* dijadikan sebagai dasar peringanan hukuman dalam setiap kes pembelaan kehormatan *siri'*.

Universiti Utara Malaysia

Beberapa keputusan perbicaraan telah menghukum para tertuduh pelaku pembunuhan dalam kes-kes pembelaan kehormatan *siri'*, namun menjadikan pula nilai budaya *siri'* sebagai dasar peringanan hukuman terhadap para tertuduh yang dianggap terbukti melakukan pembunuhan.

2.2.6 **Etika** Hakim

Undang-Undang Bidangkuasa Kehakiman (seksyen 48) tahun 2009 yang memperuntukkan kewajipan mengikuti undang-undang yang hidup dalam

[149]Ibid, 169.

[150]Ibid, 177.

masyarakat berkaitan kod etika hakim. Oleh itu penyelidik perlu kemukakan di sini kod etika berkenaan. Kod Etika Hakim menyebutkan prinsip-prinsip dasar Kod Etika dan Pedoman Perilaku Hakim diimplementasikan dalam 10 (sepuluh) aturan perilaku sebagai berikut : (1) berperilaku adil, (2) berperilaku jujur, (3) berperilaku arif dan bijaksana, (4) bersikap mandiri, (5) berintegriti tinggi, (6) bertanggungjawab, (7) menjunjung tinggi maruah, (8) berdisplin tinggi, (9) berperilaku rendah hati, dan (10) bersikap profesional. [151]

Beberapa prinsip etika perlu dijelaskan berkaitan keputusan yang dijatuhkan hakim di perbicaraan. Prinsip utama adalah berperilaku adil, bermakna menempatkan sesuatu pada tempatnya dan memberikan yang menjadi haknya, yang didasarkan pada suatu prinsip bahawa semua orang sama kedudukannya di depan undang-undang. Penerapan di perbicaraan antaranya adalah hakim wajib tidak memihak, sama ada di dalam atau di luar perbicaraan, dan tetap menjaga serta menumbuhkan kepercayaan masyarakat pencari keadilan. Selain itu, hakim dilarang memberikan kesan bahawa salah satu pihak yang tengah berperkara berada dalam posisi yang istimewa. Hakim harus memberikan keadilan kepada semua pihak dan tidak beritikad semata-mata untuk menghukum.[152]

Prinsip utama yang kedua adalah berperilaku jujur. Kejujuran bermakna boleh dan berani menyatakan bahawa yang benar adalah benar dan yang salah

---

[151]Keputusan Bersama Ketua Mahkamah Agung RI Dan Ketua Komisi Yudisial RI047/Kma/Skb/Iv/2009, 02/Skb/P.Ky/Iv/2009 tentang Kode Etik Dan Pedoman Perilaku Hakim, 2009.

[152]Keputusan Bersama Ketua Mahkamah Agung RI Dan Ketua Komisi Yudisial RI047/Kma/Skb/iv/2009, 02/Skb/P.Ky/Iv/2009 tentang Kode Etik Dan Pedoman Perilaku Hakim, 2009.

Universiti Utara Malaysia

adalah salah. Kejujuran mendorong terbentuknya pribadi yang kuat dan membangkitkan kesedaran akan hakikat yang hak dan yang batil. Dengan demikian, akan terwujud sikap peribadi yang tidak berpihak terhadap setiap orang sama ada dalam perbicaraan atau di luar perbicaraan. Penerapan prinsip berkenaan dalam perbicaraan iaitu hakim harus berperilaku jujur (*fair*) dan menghindari perbuatan yang tercela atau yang boleh menimbulkan kesan tercela. Hakim juga harus memastikan bahawa sikap, tingkah laku dan tindakannya, sama ada di dalam atau di luar perbicaraan selalu menjaga dan meningkatkan kepercayaan masyarakat, penegak undang-undang lain serta para pihak berperkara, sehingga tercermin sikap ketidakberpihakan hakim dan lembaga Mahkamah.[153]

Prinsip berikutnya berperilaku arif dan bijaksana, bermakna mampu bertindak sesuai dengan norma-norma yang hidup dalam masyarakat sama ada norma-norma undang-undang, norma-norma keagamaan, kebiasan-kebiasan dan kesusilaan. Penerapan prinsip berkenaan antaranya adalah hakim dilarang mengeluarkan pernyataan kepada masyarakat yang boleh mempengaruhi, menghambat atau mengganggu berlangsungnya proses perbicaraan yang adil, independen, dan tidak memihak. Hakim juga tidak boleh memberi keterangan atau pendapat mengenai substansi suatu perkara di luar proses perbicaraan, sama ada terhadap perkara yang diperiksa atau diputusnya atau perkara lain.[154]

Universiti Utara Malaysia

---

[153]Keputusan Bersama Ketua Mahkamah Agung RI Dan Ketua Komisi Yudisial RI047/Kma/Skb/iv/2009, 02/Skb/P.Ky/Iv/2009 tentang Kode Etik Dan Pedoman Perilaku Hakim, 2009.

[154]Keputusan Bersama Ketua Mahkamah Agung RI Dan Ketua Komisi Yudisial RI047/Kma/Skb/Iv/2009, 02/Skb/P.Ky/Iv/2009 tentang Kode Etik Dan Pedoman Perilaku Hakim, 2009.

Sikap berdikari bermakna mampu bertindak sendiri tanpa bantuan pihak lain, bebas dari campur tangan siapapun dan bebas dari pengaruh apapun. Sikap mandiri mendorong terbentuknya perilaku hakim yang tangguh, berpegang teguh pada prinsip dan keyakinan atas kebenaran sesuai tuntutan moral dan peruntukan undang-undang yang berkuasa. Penerapan prinsip berkenaan di perbicaraan diperlihatkan dalam menjalankan perbicaraan secara bebas dari pengaruh, tekanan, hukuman atau bujukan, sama ada yang bersifat langsung atau tidak langsung dari pihak manapun.[155]

Berintegriti tinggi bermakna sikap dan kepribadian yang utuh, berwibawa, jujur dan tidak tergoyahkan. Integriti tinggi pada hakekatnya terwujud pada sikap setia dan tangguh berpegang pada nilai-nilai atau norma-norma yang berkuasa dalam melaksanakan tugas. Integriti tinggi akan mendorong terbentuknya peribadi yang berani menolak godaan dan segala bentuk campur tangan, dengan mengutamakan tuntutan hati nurani untuk menegakkan kebenaran dan keadilan serta selalu berusaha melakukan tugas dengan cara-cara terbaik.

Universiti Utara Malaysia

Sikap utama lainnya adalah bersikap profesional, ertinya suatu sikap moral yang dilandasi oleh tekad untuk melaksanakan pekerjaan yang dipilihnya dengan kesungguhan, yang didukung oleh keahlian atas dasar pengetahuan, keterampilan dan wawasan luas. Sikap profesional akan mendorong terbentuknya pribadi yang sentiasa menjaga dan mempertahankan mutu pekerjaan, serta berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kinerja, sehingga tercapai setinggi-tingginya mutu

[155]Keputusan Bersama Ketua Mahkamah Agung RI Dan Ketua Komisi Yudisial RI047/Kma/Skb/iv/2009, 02/Skb/P.Ky/Iv/2009 tentang Kode Etik Dan Pedoman Perilaku Hakim, 2009.

hasil pekerjaan, efektif dan efisien. Implementasi sikap ini diwujudkan dengan menghindari kekeliruan dalam membuat keputusan, atau mengabaikan fakta yang boleh menjerat tertuduh atau para pihak atau dengan sengaja membuat pertimbangan yamg menguntungkan tertuduh atau para pihak dalam membicarakan suatu perkara yang ditanganinya.[156]

Kod etika berkenaan boleh dijadikan rujukan bagi melaksanakan seksyen 5 Undang-Undang Bidangkuasa Kehakiman yang tidak didukung hukuman bagi para hakim yang melanggar kecuali ikatan etika. Jika tidak dikaitkan dengan kod etika berkenaan, maka seksyen dalam undang-undang berkenaan tidak punya erti apa-apa bagi hakim dalam memutus perkara.

Lontara juga memperuntukkan hakim dengan seperangkat kod etika yang dikenali sebagai syarat-syarat hakim (*sarakna mabbicaraya*), iaitu (1) tidak mengambil keuntungan, (2) tidak mengambil rasuah, (3) tidak beribu, (4) tidak berbapa, (5) tidak bersaudara, (6) tidak berkenalan, (7) tiada orang kesukaan, (8) tiada orang ditinggikan, (9) tiada orang direndahkan, (10) tiada orang disuka, (11) tiada orang dibenci, (12) tiada orang dekat, (13) tidak memiliki musuh, (14) tidak memiliki teman, (15) tidak khuatir dan tidak gentar, (16) tidak menyegerakan keputusan dan tidak juga memperlambat.[157]

Universiti Utara Malaysia

---

[156]Keputusan Bersama Ketua Mahkamah Agung RI Dan Ketua Komisi Yudisial RI 047/Kma/Skb/iv/2009, 02/Skb/P.Ky/Iv/2009 tentang Kode Etik Dan Pedoman Perilaku Hakim, 2009.

[157]*Anne saraqna mabbicaraya: tamassawalappaki, tamangallepaki sosoq, tamaanrompaki, tamamanggepaki, tamasaqribattampaki, taniappa asseng assengta, taniappa tuningaita, taniappa tunipakatinggita, taena todong tuni tunainta, taena tompa tuni karannuanta, taena todong tunikaruwisinta, taenapa tunikakukkukinta, taniappa balinta, nataena todong aganta, teapaki makkungkung, kitea todong mamallaq, kitea todong angkanyaranyarai lorosoka, kitea todong assalloi, punna niaqmo nagappa nawanawanta* انتهي. Matthes, 238.

Peruntukan adat berkenaan boleh dikategorikan seperti mana kod etika kerajaan Indonesia, iaitu mengedepankan prinsip dan perilaku jujur (prinsip nombor 1 dan 2 dalam *Lontara*), tidak mengambil untung dan menerima sogok. Sementara prinsip nombor 3 sehingga 14 boleh disebut prinsip dan perilaku adil, manakala nombor 15 boleh disebut sikap integriti yang tinggi. Prinsip nombor 16 dalam *Lontara* boleh disebut sikap berdikari dan profesional dalam kod etika Kerajaan.

Persyaratan sebagai hakim berkenaan boleh melengkapi kod etika yang ditetapkan Kerajaan Indonesia bagi kerjaya hakim. Pada intinya, persyaratan berkenaan mengandungi erti kejujuran (*alempureng*), kecendekiaan (*amaccang*), kepatutan (*assitinajang*), keteguhan (*agettengeng*), dan harga diri (*siri'*).[158] Nilai utama para hakim menurut *Lontara* menunjukkan hakim dalam semua masyarakat memiliki kod etika bagi pelaksaan tugas mereka secara adil.

Demikian penting keadilan ditegakkan terutama di dalam proses perbicaraan sehingga *Lontara* menyebutkan etika perbicaraan iaitu, *"perbicaraan itu memiliki empat urat, pertama, perkataan dua pihak; kedua, pekerjaan dua pihak; ketiga, kedudukan dua pihak; keempat, saksi dua pihak.*[159] Pada prinsipnya perbicaraan harus dilihat daripada empat urat atau akarnya, iaitu maklumat yang dihimpun sebelum keputusan harus mewakili dua pihak berperkara. Akarnya yang kedua bahawa perbicaraan membabitkan hakim yang profesional dan keupayaan

[158]Rahman Rahim, *Nilai-nilai Utama Kebudayaan Bugis* (Makassar : Hasanuddin University Press, 1992), 146.

[159]*...Antu bicaraya appaki uraqna : uru uruna tumakkana pimbalibali, makaruana gaukang pimbalibali, makatalluna empoang pimbalibali, maka appaqna sabbiyang pimbalibali....*انتهى . Matthes, 238.

serta berupaya mewakili kepentingan dua pihak yang bersengketa. Ketiga, perbicaraan mewakili lembaga mahkamah dalam memutus perkara yang harus seimbang bagi kepentingan pihak-pihak berperkara. Keempat, perbicaraan harus menghadirkan saksi-saksi yang seimbang bagi kedua pihak.

2.3 Pelaksanaan Undang-Undang Adat di Pelbagai Etnik di Indonesia

2.3.1 *Carok* di Madura

Undang-undang adat jenayah tidak hanya berkuat kuasa pada suku Makassar atau Bugis di Sulawesi Selatan tetapi juga di beberapa suku di Indonesia. Di Madura, misalnya, dikenal undang-undang *carok*. Sebagaimana suku Makassar, etnik Madura juga memiliki budaya khas dan unik berkaitan jenayah adat. Mereka tidak takut mati dan juga membunuh bagi membela maruahnya. Maruah diistilahkan dengan *carok*.[160]*Carok* adalah sebuah simbol kewujudan lelaki, pergaduhan antara lelaki, biasanya satu lawan satu. Salah satu penyebab *carok* adalah pembelaan terhadap isteri (*abillahibineh*). Isteri adalah simbol kehormatan rumah tangga bagi lelaki suku Madura. Maruah dan kehormatan isteri mewakili maruah dan kehormatan suami. Tindakan mengganggu isteri orang lain disebut *agaja' nyabah*, pengertiannya sama dengan tindakan mempermainkan nyawa. *Carok* biasanya menggunakan senjata tajam khas Madura iaitu *clurit*. *Carok* adalah istilah yang digunakan bagi mereka yang terlibat dalam pergaduhan dengan menggunakan senjata tajam, iaitu *clurit*. *Carok* merupakan perbuatan yang dianggap pelaksanaan hukuman yang setimpal. Ia

[160]Erie Hariyanto, "Carok Vs Hukum Pidana Indonesia : Proses Transformasi Budaya Madura Kedalam Sistem Hukum Indonesia," *Karsa, Vol. XII no. (2 Oktober 2007)*, 181, diakses 6 April 2016, http: //ejournal.stainpamekasan.ac.id/index.php/karsa/article/ download/ 141/ 132.

merupakan kawalan terhadap setiap tingkah laku yang dianggap mengganggu atau mengancam kemanusiaan. Secara sedar atau tidak, masyarakat Madura telah bersetuju sebagai suatu norma yang mesti dilakukan apabila berlaku gangguan atau penodaan terhadap kehormatan atau harga diri.

Persoalan kehormatan dan perasaan *malo* (malu) dalam tradisi *carok,* merupakan faktor pencetus utama orang Madura melakukan *carok.* Bagi orang Madura menanggung beban malu merupakan pantang yang harus disingkirkan. Tindakan *carok* adalah upaya membela dan menjaga maruah dengan jalan kekerasan fizikal. Dalam konteks ini ungkapan *ango'an poteya tolang etembeng poteya mata*, ertinya lebih baik mati daripada hidup dalam menanggung malu. Maruah di mata orang Madura paling penting dan kedudukan utama apabila dikaitkan dengan tradisi *carok.* Setiap pengingkaran terhadap harga diri akan menjadi persoalan kritikal, yang boleh juga diertikan sebagai bentuk penderaan.

Menurut penyelidik, *carok* di Madura seumpama dengan *siri'* di Sulawesi Selatan. Penyelesaian ke atas pelanggaran maruah, khasnya maruah keluarga berkait rapat dengan kehormatan wanita. Kedua-dua komuniti menggunakan prinsip "lebih baik mati daripada hidup menanggung malu".

Masyarakat Madura adalah sebahagian daripada Negara Republik Indonesia yang mempunyai undang-undang yang mengatur secara nasional. Walaupun *carok* memperolehi legitimasi masyarakat Madura ia tetap perlu tunduk kepada peruntukan undang-undang nasional, iaitu peruntukan jenayah yang diperuntukkan dalam KUHP. Walaupun secara sosiologi *carok* mendapat pengiktirafan, namun daripada aspek perundangan, *carok* tetap masuk dalam salah

Universiti Utara Malaysia

mempertahankan undang-undang adat kerana diyakini boleh melindungi darjat kaum wanita dan tidak dipermainkan lelaki, mengelakkan daripada lahir anak haram (*anak bebinjat*). *Lokika sanggraka* juga dipandang mengganggu rasa keadilan masyarakat adat serta mengganggu keseimbangan alam semesta, sama ada alam lahir dan alam ghaib. Pelaku zina yang telah dikenakan hukuman penjara, ianya tetap dihukum secara adat bagi mengembalikan keseimbangan alam yang terganggu iaitu alam lahir (*sekala*) dan alam ghaib (*niskala*).[165]

Walaupun memiliki persamaan dalam pelaksanaan hukuman adat terhadap pelaku zina, namun yang dikenakan hukuman dalam perkara ini hanya lelaki. Adat Bali pula, perkara *lokika sanggraka* pihak perempuan menjadi mangsa kerana tidak dikahwini oleh lelaki. Di sinilah berbezaan dengan *siri'* di Makassar, di mana sama ada lelaki dan perempuan kedua-duanya dijatuhi hukuman adat, kecuali dalam kes rogol.

Unsur-unsur adat *Lokika sanggraha* (1) wujud hubungan cinta antara seorang lelaki yang sudah berkahwin dengan seorang wanita yang belum terikat perkahwinan; (2) antara lelaki dan wanita terbabit berlaku hubungan seksual yang atas dasar suka sama suka; (3) lelaki telah berjanji akan mengahwini wanita itu; (4) hubungan seksual yang telah dilakukan menyebabkan wanita hamil; (5) dan lelaki menyalahi janji untuk mengahwini wanita tanpa alasan.[166]

Peruntukan adat ditetapkan dalam seksyen 359, Kitab Adi Agama, iaitu bahawa *lokika sanggraka* adalah berupa denda 24.000 (dua puluh empat ribu)

---

[165]Ibid, 31.

[166]Ibid, 32.

wang *kepeng*, yang dibebankan kepada lelaki yang memungkiri janjinya untuk berkahwin dengan wanita yang dia berzina dengannya. Matlamat digabungkan hukuman denda dalam peruntukan itu adalah untuk mengembalikan keseimbangan masyarakat yang terganggu sebab perbuatan *lokika sanggaraka.*[167]

Di Bali, suasana yang tertib dan tenteram dalam masyarakat, adat boleh menjadi kenyataan sebab dikesan melalui cara penyelesaian kes yang timbul dalam masyarakat yang berpegang teguh pada *catur dresta*, iaitu suatu pendakwaan di dalam menyelesaikan suatu sengketa sesuatu masalah yang timbul. Demikian juga, Pengurus Desa dalam menangani pencerobohan adat *lokika sanggraha*, haruslah berpandukan *catur dresta* dan *awig- awig* yang berkuasa pada masyarakat adat tempatan.

Apabila ada laporan atau diketahui telah berlaku pencerobohan adat *lokika sanggraha*, Pengurus Desa akan segera mengadakan mesyuarat membincangkan masalah itu dengan memanggil mangsa untuk dimintai keterangan. Keterangan dari mangsa akan diguna pakai oleh pengurus untuk memanggil pelaku (lelaki yang menghamilkan) untuk diminta keterangan serta penyelesaian permasalahannya. Tidak ada permasalahan, sekiranya lelaki itu mengaku perbuatannya dan pengurus desa hanya menganjurkan agar ia segera mengahwini wanita dan mengiktiraf anak yang dikandung. Di desa adat Sebatu, kawasan Tegalalang, Kabupaten Gianyar walaupun lelaki mahu bertanggung jawab dan berkahwin dengan wanita yang hamil, kedua-dua pelaku tetap perlu melakukan upacara membersihkan desa. Kewajipan ini dilakukan kerana mereka dianggap

[167]Ibid, 35.

telah menceroboh adat desa iaitu melakukan hubungan seksual sebelum berkahwin.[168]

Jika lelaki tidak mahu bertanggungjawab untuk berkahwin dengan wanita yang dihamilkan, masyarakat adat akan mengenakan hukuman berbentuk kewajipan melakukan upacara *pemarisudhan* atau upacara *pecaruan.*[169]Apabila lelaki terbabit masih menolak melakukan upacara, pihak pengurus desa harus melaksanakan upacara pembersihan desa bagi mengembalikan keseimbangan alam yang terganggu sebab perbuatan itu. Lelaki yang mengotori desa adat itu dikenakan hukuman adat yang disebut *kasepekeng,* iaitu warga desa adat tidak akan bercakap dengan orang terbabit selama tempoh masa tertentu sehingga ia memohon maaf kepada pengurus desa serta melakukan kewajipan adat yang ditentukan pengurus desa.

Pilihan lain yang ditempuh adalah pengurus desa adat boleh menganjurkan wanita terbabit mengadukan perkara itu kepada polis untuk diproses bersesuaian undang-undang yang berkuasa (KUHP). Walaupun hukuman jenayah menurut KUHP telah dijalankan, lelaki terbabit tetap dijatuhkan hukuman adat. Di Bali, hukuman adat lazimnya lebih ditakuti daripada hukuman jenayah penjara sebab hukuman adat lebih menitikberatkan kepada penderitaan batin [170]

Pada pandangan penyelidik, hukuman adat di Bali dan Makassar berbeza pada cara menyelesaikan kes pencerobohan kehormatan wanita. Adat *siri'* di Makassar membolehkan hukuman bunuh ke atas pelaku yang menghamili seorang

[168]Ibid, 37.

[169]Ibid.

[170]Ibid, 38.

perempuan, manakala di Bali hanya dijatuhkan hukuman denda dan upacara pembersihan desa. Penyelesaian adat *siri'* di Makassar hampir sama dengan penyelesaian adat *carok* di Madura.

2.3.3 Undang-Undang Adat Baduy di Banten

Hampir sama dengan adat di Bali adalah amalan adat suku Baduy di Provinsi Banten. Kedua-dua komuniti mengamalkan undang-undang adat untuk mengawal keseimbangan alam secara am. Pada suku Baduy dikenali sebagai prinsip *lojor teu meunang dipotong, pondok teu meunang disambung* (panjang tak boleh dipotong, pendek tak boleh disambung). Sistem kehakiman jenayah adat Baduy dilakukan jika penyelesaian sesuatu kes tidak berjalan. Peringkat awal akan diusahakan mesyuarat pihak keluarga.[171]Peringkat penyelesaian adat dibezakan berasaskan berat dan ringan perbuatan jenayah. Perbuatan berat seumpama pembunuhan penyelesaian menerusi mahkamah adat. Sebelum mahkamah dilaksanakan, pelaku harus ditahan dan diasingkan terlebih dahulu di suatu kampung selama tempoh 40 hari sambil menunggu masa mahkamah adat. Selama tempoh pengasingan, pelaku mengamalkan kerja sosial, seperti mencari kayu api atau mengambil air tanpa dibayar upah. Masa tunggu selama tempoh 40 hari bertujuan pembinaan mental.[172]

Universiti Utara Malaysia

---

[171]Ferry Fathurokhman, "Hukum Pidana Adat Baduy Dan Relevansinya Dalam Pembaharuan Hukum Pidana," *Law reform, Vol.5. no.1 (April 2010)*, 9, diakses 5 April 2016,http://www.ejournal.undip.ac.id/index.php/lawreform/article/download/2754/2439.

[172]Ibid, 10.

Pada prinsipnya dalam undang-undang jenayah adat Baduy, seorang pelaku perbuatan jenayah perlu dibersihkan lahir dan batinnya. Pembersihan tersebut wujud daripada tanggungjawab sosial. Pembersihan lahiriah melalui hukuman secara berperingkat bermula daripada teguran, nasihat, denda, hingga dikeluarkan sebagai ahli komuniti Baduy Dalam. Pembersihan batiniah dilaksanakan dalam bentuk upacara *ngabokoran* atau *serah pati. Ngabokoran* adalah upacara pembersihan batiniah atas jenayah ringan. *Serahpati* adalah upacara pembersihan batiniah atas tindak jenayah berat. *Ngabokoran* dan *serahpati* secara integral juga merupakan pembersihan desa atas tindak jenayah yang telah berlaku dengan memohonkan maaf kepada golongan yang dipimpin oleh *puun.*[173]

2.3.4 Undang-Undang Adat Dayak di Kalimantan Barat

Undang-undang adat juga dilaksanakan dalam kalangan suku Dayak Pangkodan di Kalimantan Barat. Menurut Ivan, susunan peranti adat Dayak *Pangkodan* terdiri atas *Temenggung,* Kepala Kampung, *Kebayan,* dan Pengurus Adat. *Temenggung* adalah pemimpin daripada Masyarakat Adat Dayak Pangkodan yang mempunyai posisi tertinggi dalam hirarki adat pada Adat Dayak Pangkodan. Di bawah *Temenggung* terdapat Kepala Kampung, di bawah Kepala Kampung terdapat *Kebayan* serta di bawah *Kebayan* terdapat Pengurus Adat.Pengurus Adat mempunyai posisi terendah dalam hirarki adat pada Adat Dayak Pangkodan. Perlu diketahui pula bahawa hirarki adat yang berlaku pada

[173]Ibid, 11.

Adat Dayak Pangkodan juga berkuasa dalam bidang sosial, politik, dan ekonomi dalam kehidupan Masyarakat Adat Dayak Pangkodan sehingga masa ini.[174]

Proses mahkamah adat bermula pada peringkat pertama iaitu *Besaro/Saro. Besaro/Saro* adalah peringkat di mana kedua-dua belah pihak berselisih bermesyuarat untuk menyelesaikan perkara mereka secara kekeluargaan tanpa melibatkan unsur peranti adat. Apabila masalah antara kedua-dua belah pihak dapat diselesaikan dalam peringkat *Besaro/Saro*, maka kedua-duanya perlu menyatakan perselisihan mereka telah selesai dan mereka tidak akan mengulangi masalah semula. Sebaliknya, jika perkara antara kedua-duanya tidak dapat diselesaikan pada peringkat *Besaro/Saro*, kedua-duanya perlu melaporkan perselisihan itu ke Pengurus Adat untuk melaksanakan mahkamah adat. Proses pelaksanaan mahkamah adat menyerupai perbicaraan di mahkamah rasmi. Keputusan mahkamah menetapkan apakah pihak yang didakwa wajib menjalankan hukuman adat dengan cara membayar denda secara penuh, denda sebahagian, atau pelaku dinyatakan tidak bersalah dan bebas daripada hukuman denda.[175]

Apabila kedua-dua belah pihak tidak berpuas hati dengan keputusan Pengurus Adat, mereka boleh mengadukan ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu *Kebayan.* Jika masih ada pihak belum berpuas hati boleh mengadu ke peringkat Kepala Kampung dan terakhir "mahkamah" adat peringkat tertinggi adalah

[174]Yohanes Ivan, "Eksistensi Hukum Pidana Adat Dalam Menangani Delik Adat Pada Masyarakat Hukum Adat Dayak Pangkodan Di Desa Lape Kecamatan Sanggau Kapuas Kabupaten Sanggau Provinsi Kalimantan Barat" (tesis master, Universitas Atma Jaya Yogyakarta, 2014), 9, diakses 7 April 2016, http://www.e-journal.uajy.ac.id/7140.1.JURNAL.pdf.

[175]Ibid, 10.

Temenggung. Keputusan yang dijatuhkan oleh *Temenggung* bersifat mutlak, dan wajib diterima serta dilaksanakan oleh kedua-kedua belah pihak yang berselisih.[176]

Undang-undang Jenayah Adat pada Masyarakat Adat Dayak Pangkodan di Desa Lape, Kecamatan Sanggau Kapuas, Kabupaten Sanggau, Provinsi Kalimantan Barat, kekal berkuasa sehingga masa sekarang. Proses serta upaya undang-undang menerusi Mahkamah Adat Dayak Pangkodan kekal berkuasa di samping undang-undang rasmi kerajaan, iaitu KUHP. Hukuman pelanggaran adat dijatuhkan dalam bentuk denda adat.

2.4. Pelaksanaan Undang-undang Adat di Pakistan dan Timur Tengah

Undang-undang adat juga terdapat di beberapa negara Muslim, khasnya Pakistan dan Timur Tengah.

2.4.1 *Karo-Kari* di Pakistan

Pakistan memiliki sistem undang-undang yang dikuatkuasakan secara berasingan, iaitu undang-undang Islam, undang-undang kerajaan, dan undang-undang adat. Pelbagai sistem undang-undang itu berterusan dilaksanakan dalam masyarakat yang kompleks, hirarki, dan berstrata. Undang-undang kerajaan sebenarnya tidak mengakui dan tidak menerima undang-undang di luar undang-undang nasional, tetapi dalam realiti, amalan undang-undang paling dominan di Pakistan adalah undang-undang adat (*tradisional law*).

Walaupun undang-undang kerajaan tidak bersesuaian dengan pelaksanaan undang-undang adat, ianya tidak boleh mengubah kebiasaan, kecuali sosialisasi menerusi institusi pendidikan formal. Hal ini disebabkan amalan undang-undang

[176]Ibid, 11.

didasarkan pada struktur sosial dan sistem nilai tempatan. Undang-undang adat ditemui dalam pelbagai bentuk, antara lain apa yang dikenali sebagai *panchayts* dan *jirgas*. Azam Chaudhary telah membincangkan undang-undang adat berkaitan hak-hak waris anak wanita di Punjab guna membuktikan berkuasanya undang-undang adat di kawasan itu. Anak wanita tidak menuntut hak dan kewajipan mereka yang menurutnya bersesuaian dengan logik dan amalan budaya tempatan.[177]

Peraturan menghendaki wujudnya kesatuan undang-undang kerajaan (*national law*). Pelaksanaan undang-undang rasmi dan undang-undang adat merupakan dua hal berbeza. Undang-undang adat berfungsi bersesuaian nilai budaya tempatan, strata, kekeluargaan atau berdasarkan suku. Sementara undang-undang rasmi mengikut nilai-nilai individualisme berasas masyarakat moden. Undang-undang Pakistan pada dasarnya berasal daripada tradisi Anglo-Saxon dan Undang-undang penjajah British. Dalam perjalanan sejarah Pakistan, undang-undang Syariah (Islam) ditambah semasa era Islamisasi General Zia. Mahkamah Shariat Federal dan mahkamah-mahkamah bawahan berkuasa, tetapi bercanggah dan kadang-kadang bertentangan dengan badan utama undang-undang. Di peringkat kampung-kampung dan bandar-bandar kecil, adat dan undang-undang puak dan sistem berasaskan *jirgas* serta bentuk tempatan yang lain mengawal kehidupan rakyat.[178]

Amalan pembahagian pusaka kepada anak perempuan dalam sistem pewarisan harta di Punjab terdapat jurang yang luas undang-undang

---

[177]Azam Chaudhary,"The Rule Of Law Problems In Pakistan: An Anthropological Perspective Of The Daughter's Traditional Share In The Patrimony In The Punjab," *Pakistan Journal of History and Culture*, *Vol.XXX, no.2* (*2009*), 102, diakses 5 April 2016, http://www.nihcr.edu.pk/Latest_English_Journal/5.%20The%20Rule%20of%20Law%20Problems,%20Dr%20azam.pdf.

[178]Ibid, 103.

Islam/undang-undang rasmi dan amalan adat yang merujuk kepada bahagian anak perempuan dalam harta peninggalan bapanya. Sebahagian besar penduduk di Punjab terutamanya di kawasan luar bandar mengikuti undang-undang adat, iaitu bahawa, anak-anak perempuan tidak memperoleh apa-apa bahagian dalam harta ibu-bapa mereka.[179]

Di Pakistan amnya dan luar bandar Punjab khasnya, anak-anak perempuan tidak mendapat bahagian dalam warisan lebih bermanfaat secara sosio-ekonomi daripada mendapat bahagian separuh daripada saudara lelaki mereka. Sebabnya ialah masyarakat Punjabi ialah masyarakat berasaskan persaudaraan. Hubungan ideal adalah sistem hubungan saudara lelaki/saudara perempuan (*brother/sister relationship*) dan bukan hubungan suami/isteri. Meminta bahagian warisan harta oleh saudara perempuan bermakna mengambil harta daripada saudara lelaki dan menyerahkan kepada suami mereka yang merupakan hubungan *tiga perkataan – talaq dilafazkan tiga kali* - sedangkan saudara lelaki/saudara perempuan ialah hubungan ideal bagi hubungan persaudaraan Punjabi. Azam berpandangan, jika mahu mengubah undang-undang tradisional warisan anak perempuan untuk melaksanakan undang-undang rasmi atau undang-undang Islam, maka struktur sosial, terutamanya asas persaudaraan harus diubah secara fundamental.

Azam turut berpandangan, perubahan kejuruteraan sosial tidak hanya sering gagal dalam mencapai hasil yang dikehendaki, mereka juga sering membawa kepada kesan sampingan yang sama sekali tidak diingini. Dalam erti kata lain, melaksanakan pembahagian warisan bagi anak perempuan menurut undang-undang rasmi sekaligus akan mengubah amalan perkahwinan,

[179]Ibid, 105.

kemusnahan atau sekurang-kurangnya penggantian sistem keluarga tempatan dengan sistem keluarga berasaskan individualisme dari Barat.[180]

Penyelidik sendiri tidak begitu yakin, jika masyarakat berasaskan "kontrak" individual gaya Barat dengan ideologi pasar bebas, individualisme dan kapitalisme adalah lebih baik daripada masyarakat "status" berasaskan persaudaraan. Idea bahawa perubahan boleh dilakukan dalam satu kawasan undang-undang iaitu undang-undang hak waris tanpa memberi kesan yang lain iatu stuktur sosial dan kekeluargaan tempatan tidak akan mungkin berjaya.[181]

Sebagai seorang antropologi, Azam berpendapat tidak ada masalah berkaitan kedaulatan atau kesatuan undang-undang (*unity of law*) jika undang-undang berkenaan telah wujud. Hanya fakta menunjukkan bahawa di negara membangun seperti Pakistan kesatuan undang-undang tidak wujud. Walaupun negara-negara paling maju di dunia pun memiliki kemajmukan undang-undang berasaskan budaya. Perbezaannya adalah jurang atau perbezaan undang-undang rasmi dan undang-undang adat tempatan lebih besar di negara sedang membangun daripada di negara maju. Selain itu, usaha untuk mencapai perpaduan undang-undang atas nama sains dan rasionaliti sebenarnya melaksanakan budaya majoriti dan kelompok dominan di atas kos budaya kelompok minoriti.[182]Tumpuan dasar adalah ingin menunjukkan bahawa budaya tempatan atau undang-undang adat bukan tidak rasional dan tidak logik.Ia mempunyai logik sendiri dan logik budaya tempatan perlu difahami dalam konteks budayanya sendiri. [183]

---

[180]Ibid, 106.

[181]Ibid.

[182]Ibid, 107.

[183]Ibid, 109

Ini bermakna, kita mengakui bahawa peguam profesion adalah bukan satu-satunya pakar dalam mewujudkan keteraturan dan menyelesaikan konflik. Begitu juga kita menerima bahawa undang-undang rasmi bukan satu-satunya undang-undang tetapi wujud juga sistem-sistem lainnya untuk memberi hukuman perilaku individu-individu sebagai ahli masyarakat. Pengiktirafan ke atas peraturan perundangan majmuk dalam suatu budaya undang-undang (*legal culture*) dikenali sebagai pluralisme undang-undang (*legal pluralism*), kadang-kadang juga dipanggil *polycentricity*. Pluralisme undang-undang diertikan sangat sederhana, iaitu keadaan di mana penduduk mengamalkan lebih daripada satu undang-undang.[184]

Bercakap tentang pluralisme undang-undang di negara-negara seperti Pakistan adalah mengakui kewujudan dan perkaitan pelbagai undang-undang, bukannya mengabaikan mereka sebagaimana para pakar undang-undang lakukan secara rasmi.Kesatuan undang-undang negara boleh diambil sebagai ideal untuk dicapai dalam jangka panjang.Penting untuk mencapai ideal ini juga kesedaran bahawa jurang antara amalan dan ideal tidak boleh begitu lebar sehingga mustahil untuk dirapatkan.Oleh itu, satu pendekatan yang praktikal harus bermula dengan menyesuaikan dengan budaya tempatan (pluralisme undang-undang) dan mengambil pendekatan jangka panjang secara perlahan dan mantap untuk mencapai ideal.Jika kita mahu merapatkan jurang yang wujud, perlu belajar logik adat tempatan – mencari kebijaksanaan tempatan dan bukannya hanya melihat ke arah Barat – dan untuk menampung dalam pembinaan sistem undang-undang negara.[185]

---

[184]Ibid, 111

[185]Ibid.

Pembunuhan kerana *siri'* di Sulawesi Selatan juga dikenali di Pakistan. Pembunuhan demi menjaga kehormatan (*honour killing*) tersebar luas di negara itu. Menurut Statiktik Aurat Foundation, seramai 557 wanita terbunuh atas nama maruah di Pakistan pada tahun 2010, manakala 604 wanita terbunuh pada tahun 2009, dan 475 wanita terbunuh pada tahun 2008. Sistem mahkamah yang menyerupai mahkamah seperti *jirgas*[186] dan *panchayats*[187] mengisytiharkan wanita dan lelaki bersalah.Pelanggaran adat semacam itu di Pakistan disebut *karo-kari*[188] dan *siah-kari.*[189] Menurut undang-undang adat tempatan, *karo-kari*dan *siah-kari* boleh dibunuh melalui pembunuhan sewenang-wenang oleh sesiapa sahaja dan dengan mana-mana cara. Biasanya wanita dibunuh dan selepas diisytiharkan melakukan *kari* dan lelaki sering boleh atau dibuat melarikan diri daripada tempat kejadian pembunuhan.[190]

Di Pakistan, seseorang yang melakukan pembunuhan ke atas seorang perempuan kerana ia telah melakukan hubungan seksual di luar nikah tidak disebut pembunuhan (*murder*) tetapi jenayah kerana kehormatan (*honour crime*). Istilah ini (*honour crime*) adalah satu istilah yang luas merangkumi manifestasi keganasan berbeza-beza seperti pembunuhan, serangan, penjara, yang dilakukan

[186]Suatu perhimpunan orang-orang tua lelaki, dari suatu suku di Pakistan, yang membuat keputusan mengenai masalah sosial; sebuah badan formal untuk menyelesaikan pertikaian.

[187]Suatu perhimpunan orang-orang tua suku dalam masyarakat Pakistan, sentiasa lelaki, yang bertugas untuk menyelesaikan pertikaian (ibid).

[188]Istilah Sindhi secara literal bermaksud hitam iaitu lelaki keji - wanita keji (yang telah memalukan keluarga), jenayah yang berasaskan budaya tempatan membolehkan pembunuhan atas nama kehormatan lelaki atau wanita yang didakwa melakukan hubungan haram, ibid.

[189]Ertinya sama dengan *karo-kari* tetapi di Balochistan disebut *Siyah kari,* ibid.

[190]Maliha Zia Lari, *Pilot Study on : Honour Killings' in Pakistan and Compliance of Law* (Pakistan : Aurat Publication and Information Service Foundation, 2011),1, diakses 20 April 2016, http://www.af.org.pk/pub_files/1366345831.pdf.

berasaskan sistem sosial yang memerlukan pemeliharaan kehormatan keluarga atau suami-isteri dan sebagai kawalan ke atas wanita.[191]

Konsep pembunuhan maruah kembali kepada amalan Arabia pra Islam.Ia juga telah dikesan kepada zaman Rom purba di mana seorang ayah memiliki hak untuk membunuh anak perempuan yang belum berkahwin tetapi aktif secara seksual atau isteri berzina. Di Pakistan, konsep ini boleh dijejak ke adat suku Pakhtun dan Baloch. Namun ia telah berleluasa ke Sindh dan Punjab, menyebabkan pembunuhan yang dilakukan di seluruh negara tanpa sempadan kawasan dan tanpa had kelas. Pembunuhan kerana maruah telah melampaui sehingga masa kini dan berleluasa di seluruh dunia, tidak terkecuali Pakistan.Malah, pembunuhan kerana kehormatan, adalah salah satu bentuk keganasan paling lazim terhadap wanita di Pakistan.[192]

Pada tahun 2004, selepas bertahun-tahun sokongan daripada masyarakat awam, Kerajaan akhirnya membuat peraturan yang menyatakan pembunuhan maruah menyalahi undang-undang (*illegal*). Dalam perubahan itu dinyatakan definisi jenayah kehormatan adalah "kesalahan yang dilakukan atas nama atau atas alasan penghormatan. Ertinya, sesuatu kesalahan yang dilakukan atas nama atau atas alasan *karo-kari*, *siyah-kari* atau adat atau amalan serupa lainnya, yang membolehkan ahli keluarga untuk membunuh wanita dan juga lelaki, atas alasan telah melakukan perbuatan tidak menghormati kepada keluarga. Undang-undang Kerajaan memberi hukuman penjara minimum 10 tahun ke atas kes jenayah kehormatan.[193]

---

[191]Ibid,19.

[192]Ibid.

[193]Ibid, 28.

Walaupun undang-undang baru telah ditetapkan, undang-undang itu belum berkesan dan masih wujud jurang dalam Akta, antaranya, hukuman bagi jenayah kehormatan tidak wajib, sehingga tujuan memperkenalkan undang-undang tidak tercapai. Undang-undang itu memungkinkan berlaku kompromi-kompromi, sebab kejadian jenayah kehormatan lazim berlaku dalam ahli keluarga rapat. Walapun pembunuhan kehormatan telah ditetapkan penalti sekurang-kurangnya 10 tahun penjara dan maksimun 14 tahun, pemberian penalti sepenuhnya mengikut budi bicara mahkamah. Ini memungkinkan ruang-ruang untuk pembunuh lari dengan penalti minimum atau tidak wujud penalti.[194]

Motif di sebalik majoriti daripada pembunuhan kehormatan di Pakistan, hampir serupa iaitu, watak buruk, akhlak buruk, tingkah laku buruk, moral longgar, dan meninggalkan rumah dengan atau tanpa kebenaran. Hubungan seks di luar nikah (disyaki atau sebenar), memilih untuk berkahwim bertentangan dengan kehendak keluarga/kahwin lari, terlalu kerap mengembara di luar rumah, melarikan diri, sebagai mangsa penculikan dan dibunuh kerana malu kerana penculikan, bertolak dari suami, perkahwinan atau hubungan sebelumnya, pembalasan, mana-mana perjumpaan/persahabatan/perbualan dengan seorang lelaki yang bukan dari keluarga.[195]

2.4.2 Undang-Undang Adat Badwi di Timur Tengah

Kehadiran pembunuhan disebut sebagai pembunuhan maruah tidak wujud hanya di Pakistan tetapi di pelbagai negara di seluruh dunia. Beberapa undang-undang yang berhubungan dengan pembunuhan maruah wujud dalam undang-undang yang berbeza. Dalam masyarakat Badwi, sebagai contoh, hampir setiap

[194]Ibid, 34.

[195]Ibid, 49.

aspek kehidupan sehingga baru-baru ini, dikawal oleh undang-undang adat, tetapi ia bukan satu-satunya undang-undang yang berkuasa. Badwi boleh juga memilih undang-undang Islam ditadbir secara berasingan dari undang-undang adat. Sumber utama undang-undang Badwi adalah adat, banyak yang sangat kuno, dan adat itu cenderung lebih kurang sama di kawasan-kawasan yang luas. Ini disebabkan kerana Badwi adalah mudah alih dari satu kawasan ke kawasan lain di samping itu, kesamaan juga berlaku akibat penghijrahan damai atau perang. Oleh itu, Badwi mungkin mempunyai kesamaan undang-undang dengan pelbagai individu atau kelompok di luar kawasan tempat tinggal mereka dan ini membantu untuk mengekalkan setiap kumpulan daripada membangunkan undang-undang yang berlainan sekali daripada undang-undang negara-negara jiran.[196]

Individu-individu dengan hak-hak yang paling luas adalah lelaki. Namun demikian, masyarakat Badwi tertentu mematuhi prinsip bahawa semua manusia sama di sisi undang-undang, manakala yang lain tidak. Satu misal adalah *diat* (denda untuk pembunuhan), berlaku bagi semua orang di Mashriq, manakala di Iraq ahli-ahli dari kumpulan atasan *diat*nya lebih tinggi daripada orang biasa, dan di banyak tempat keturunan Nabi mempunyai *diat* yang lebih tinggi daripada yang lain. Di banyak tempat *diat* bagi seorang wanita hanya separuh bagi seorang lelaki, tetapi di Sinai dan Palestina di mana status wanita rendah, *diat*nya adalah empat kali lebih rendah daripada lelaki. Bayaran itu, bagaimanapun, tidak diberikan ke perempuan tetapi kepada walinya.[197]

---

[196]Frank H. Stewart, "Customary Law Among The Bedouin Of The Middle East And North Africa." An entry in the *Encylopaedia of Islam* (*new edition*), edited by P.J. Bearman, Th. Bianquis, C.E. Bosworth, E. van Donzel and W.P. Heinrichs, Brill, 240, Copyright 2016, diakses, 20 April 2016, http://www.nomadsed.de/fileadmin/user_upload/redakteure /Dateien_Intern/Archiv_AG_1/Stewart_Customary_Law_2006.pdf.

[197]Ibid, 274.

Kedudukan wanita berbeza dengan ketara dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi ia adalah sentiasa lebih rendah daripada lelaki. Di sebahagian kawasan, hampir keseluruhannya dilucutkan hak-hak pribadinya, hingga walaupun dia boleh mengawal harta tertentu. Dia tidak boleh dikatakan telah memilikinya, kerana dia sentiasa boleh dilucutkan sama ada oleh walinya atau suaminya. Di kawasan tertentu, seorang wanita tidak boleh bertindak dan tidak dibernakan memberi keterangan di mahkamah. Kita mendapati bahawa wanita yang mempunyai hak-hak yang banyak, ia sering kerana pengaruh bukan Arab, sebagai contoh, di kalantan Rgaybat daripada Sahara Barat.[198]

Salah satu undang-undang adat di kalangan Badwi adalah tindakan balas. Andaikan dua orang lelaki, K dan V, adalah ahli-ahli kedua-dua kumpulan berbeza yang dipanggil Stewart sebagai "kumpulan dendam". Jika K membunuh V, maka secara umum keharusan bagi mana-mana ahli kumpulan V untuk membunuh mana-mana ahli kumpulan K. Kesan daripada tindakan balas biasanya akan memadamkan apa saja tuntutan kumpulan V ke atas kumpulan K sebagai akibat daripada pembunuhan asal. Jika terdapat pembunuhan balas, maka biasanya akan mengakhiri pertikaian di antara kedua-dua kumpulan.[199]

Dalam dua abad terakhir, pihak berkuasa tempatan telah mendapat kawalan ke atas orang-orang Badwi.[200] Keadaan mungkin bergerak perlahan-lahan, tetapi matlamat jangka panjang mestilah untuk memusnahkan sistem politik dan undang-undang mereka. Perhambaan, peperangan antara puak dan

---

[198]Ibid, 247.

[199]Ibid, 252.

[200]Istilah Badwi di sini digunakan dalam erti luas dan longgar. Ia tidak merujuk hanya kepada kelompok gembala nomad berbahasa Arab, tetapi juga kepada keturunan mereka yang mengekalkan sebahagian besar daripada budaya nenek moyang mereka, ibid, 240.

pembayaran penghormatan (*khawa*) telah hilang, kecuali mungkin dalam bidang perang saudara.

Secara umum, negeri-negeri, selepas mencapai kawalan keseluruhan Badwi, telah menggunakan tiga pendekatan ke atas undang-undang adat. Pertama, adalah serangan frontal. Pendekatan seperti ini telah cuba pada masa dan di tempat-tempat tertentu di Semenanjung Arab, sama ada oleh kaum Wahabi di Arab Saudi, atau oleh Zaydi Imami di Yaman Utara atau oleh rejim Marxix di Yaman Selatan.

Pendekatan kedua adalah dilakukan oleh rejim penjajah. Dari awal abad ke-20, kerajaan di Mashriq mengeluarkan peraturan menubuhkan mahkamah khas yang mentadbir undang-undang adat di kawasan-kawasan mereka. Mahkamah ini kebanyakannya dimansuhkan pada suku ketiga abad ini. Para hakim di mahkamah undang-undang adat kerajaan diangkat dari orang-orang tempatan dan keputusan mereka berasaskan pada undang-undang tradisional di kawasan ini yang mempunyai bidang kuasa. Prosedur yang sejajar dengan mahkamah ini secara amnya baru dan asing.[201]

Pendekatan ketiga, adalah kewujudan bersama secara tidak formal antara pihak undang-undang negeri yang berkuasa dan undang-undang adat. Pendekatan ini terutamanya wujud di tiga negara, Mesir, Israel, dan Jordan, tetapi mungkin bahawa keadaan yang sama juga didapati di tempat lain. Pegawai-pegawai negara terutamanya bertugas memelihara ketenteraman awam. Mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan untuk membiarkan pertikaian sivil di hadapan mahkamah

[201]Ibid, 272.

negara dan berpuas hati undang-undang adat turut memelihara ketenteraman masyarakat.[202]

Negara-negara seperti Maghribi, telah secara sistematik gagal untuk menangani isu pembunuhan maruah. Ia pada hakikatnya, membolehkan hukuman ringan untuk jenayah pembunuhan maruah dalam undang-undang. Di negara-negara seperti Yaman, Lebanon, Jordan dan Syria, undang-undang membolehkan hukuman lebih ringan dan dianggap telah mencukupi bagi pelanggaran norma-norma budaya. Seksyen 232 Kanun Keseksaan Yaman, misalnya, menyatakan, jika seorang lelaki membunuh isterinya atau kekasih yang didakwa melakukan perbuatan berzina atau menyerang mereka menyebabkan kecacatan, dia boleh dikenakan denda atau hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.[203]

Kanun Keseksaan Jordan membolehkan pengurangan hukuman bagi seorang lelaki yang membunuh kerana kehormatan keluarga. Kanun Keseksaan Syria juga memberi pengecualian daripada hukuman jika seorang lelaki membunuh atau mencederakan isteri atau perempuan selepas mendapati dia berzina atau lain-lain perlakukan seks di luar nikah dengan yang lain. Kanun Keseksaan Lebanon, menyatakan, bahawa jika seorang lelaki menangkap isterinya atau ahli keluarga perempuan terlibat dalam hubungan seks di luar nikah, dia boleh membunuh atau mencederakan beliau dalam seketika keghairahan dan pelaku pembunuhan menerima hukuman ringan.

Universiti Utara Malaysia

---

[202]Ibid, 274.

[203]Ibid, 26.

Stewart juga menyebutkan, Turki adalah satu negara yang menggubal undang-undang baru yang menuntut hukuman penjara seumur hidup untuk sesiapa yang disabitkan kesalahan membunuh dengan motif pembunuhan moral. Undang-undang baru mentakrifkan pembunuhan maruah sebagai bunuh diri secara sukarela dan ahli keluarga yang menggalakkan ahli keluarga untuk melakukan pembunuhan atau membunuh diri akan dihukum. Mereka yang menggalakkan kanak-kanak melakukan jenayah akan dihukum dengan lebih berat.

2.5 Kerangka Teori

Sesuatu teori yang baik boleh menjelaskan, mengorganisasi dan membuat ramalan.[204] Ia memberi peluang untuk menjelajah lebih jauh terhadap sesuatu fakta yang telah diketahui. Teori juga memberi penyelidik isyarat dan sasaran untuk membuat sesuatu campur tangan dan membantu menjelaskan perkara-perkara yang masih kabur. Oleh itu, teori berbeza dari segi kompleksiti, perspektif, dan orientasinya.[205]

Antara peranan teori yang lain ialah mengorganisasi pengetahuan dan menjelaskan undang-undang. Sesuatu teori yang baik mampu menjelaskan banyak undang-undang. Oleh itu, lebih spesifik dan jitu penjelasan sesuatu teori, maka lebih baik sesuatu teori itu. Teori juga berperan meramalkan undang-undang yang baru. Sesuatu teori yang baik bukan sahaja boleh memberikan penjelasan mengenai pelbagai undang-undang yang sebelum ini yang tidak berkaitan, tetapi

[204]Sabitha Marican, 49.

[205]Ibid.

juga boleh menyarankan bagaimana menghasilkan sesuatu undang-undang yang baru. Peranan lain dari teori ialah menjadi panduan untuk penyelidikan. Ia membantu penyelidik membina kerangka teori yang baik. Kerangka teori juga digunakan secara bertukar ganti dengan teori. Istilah kerangka teori digunakan sebagai satu cara untuk menjelaskan teori terhadap sesuatu masalah yang dikaji.[206]

Berkaitan pengkajian ini, penyelidik lebih banyak mengguna teori pada peranannya yang pertama dan terakhir, iaitu teori menyokong pengkaji mengorganisasi pengetahuan dan menjadi panduan penyelidikan. Teori yang digunakan dalam pengkajian ini ialah teori fungsional, teori anomi, teori kawalan, dan teori *receptio a contrario.* Teori fungsional struktural menjelaskan masyarakat sebagai satu kesatuan yang diikat oleh sesuatu ikatan nilai bersama. Teori anomi berusaha mencari jawapan atas soalan mengapa orang melakukan kejahatan. Teori kawalan berusaha mencari jawapan mengapa orang mengelakkan kejahatan. Teori *receptio a contrario*, menjelaskan pelaksanaan undang-undang adat dan undang-undang Islam di Indonesia.

Universiti Utara Malaysia

2.5.1 Teori Fungsional Struktural

Salah seorang tokoh teori ini adalah Talcott Parsons, dengan teorinya sistem tindakan (*action systems*). Teori ini diperkenalkan Parsons sebagai teori tentang tindakan manusia dan masyarakat. Disebutkan, tindakan manusia dan masyarakat dikendalikan oleh sistem kultural, sistem sosial, sistem personaliti, dan sistem organisma. Keperluan-keperluan yang bersifat psikologi, norma sosial

[206]Ibid, 50.

dan nilai-nilai kultural secara berturut-turut membimbing tindakan manusia. Sistem kultural yang mengandungi unsur-unsur ilmu pengetahuan, ide, kepercayaan-kepercayaan dan nilai-nilai yang ada di dalamnya mengarahkan dan memberi makna tindakan manusia. Sistem sosial yang ada di bawah sistem kultural menjadi pengantara dan menterjemahkan maklumat yang ada pada sistem kultural, sekaligus sebagai pedoman bertindak (dalam bentuk norma sosial) bagi individu ahli sistem sosial berkenaan. Selanjutnya, individu, menerusi proses penghayatan dan penerimaan norma sosial menyerap norma berkenaan sekaligus menjadi pengendali organisma dirinya sendiri.[207]

Seperti mana nilai-nilai atau sistem kultural memperuntukkan sistem sosial dan perilaku manusia boleh dilihat pada rajah berikut ini :

Rajah 2.1 Sistem am tindakan[208]

[207]Talcott Parsons and Edward A. Shils, eds. *Toward a General Theory of Action* (Cambridge, Mass : Harvard University Press, 1951), 6.

[208]Ibid

Teori ini diperkenalkan Parsons sebagai teori tentang tindakan manusia dan masyarakat. Disebutkan, tindakan manusia dan masyarakat dikendalikan oleh sistem kultural, sistem sosial, sistem personaliti, dan sistem organisma. Keperluan-keperluan yang bersifat psikologi, norma sosial dan nilai-nilai kultural secara berturut-turut membimbing tindakan manusia. Sistem kultural yang mengandungi unsur-unsur ilmu pengetahuan, ide, kepercayaan-kepercayaan dan nilai-nilai yang ada di dalamnya mengarahkan dan memberi makna tindakan manusia.

Sistem sosial yang ada di bawah sistem kultural menjadi pengantara dan menterjemahkan maklumat yang ada pada sistem kultural, sekaligus sebagai pedoman bertindak (dalam bentuk norma sosial) bagi individu ahli sistem sosial berkenaan. Selanjutnya, individu, menerusi proses penghayatan dan penerimaan norma sosial menyerap norma berkenaan sekaligus menjadi pengendali organisma dirinya sendiri.[209] Kepentingan teori fungsional, terutamanya teori tindakan yang wujud di dalamnya boleh membimbing penyelidik memahami fungsi *siri'* sebagai bahagian daripada sistem nilai kultural orang Sulawesi Selatan. Dalam hal ini *siri'* dianggap sebagai nilai pengendali tindakan ahli masyarakat tempatan.

Seperti mana difahami, salah satu ciri utama teori fungsional adalah memandang masyarakat sebagai suatu kesatuan di mana bahagian-bahagian dan unsur-unsur yang wujud di dalamnya saling terkait dan tergantung satu sama lain. Ibarat tubuh manusia, semua organ memiliki fungsi masing-masing dan bekerja

[209]Ibid, 7.

untuk memenuhi keperluan tubuh sebagai suatu kesatuan fungsional. Iktibar yang tepat untuk menggambarkan kesatuan fungsional ini adalah jika salah satu anggota tubuh sakit maka keseluruhan tubuh berkenaan akan merasakan sakit pula.

Keterkaitannya dengan realiti adalah bahawa *siri'* boleh dipandang memiliki fungsi pemersatu unsur-unsur masyarakat berkenaan. Hal itu berlaku kerana dia merupakan kesedaran kolektif warga di mana mereka berasa terikat dengan nilai itu. Hubungannya dengan kelompok lain, *siri'* juga merupakan identiti yang boleh membezakan antara orang-orang Sulawesi Selatan dan orang-orang di luar kawasan.

Pelanggaran terhadap *siri'* membuat keutuhan masyarakat terganggu dan berlaku ketidakseimbangan (*unequilibrium*) sosial. Keseimbangan semula berlaku manakala unsur sosial, dalam hal ini warga atau *tumasiri'*, melakukan sesuatu tindakan adat. Sebaik nilai itu ditegakkan semula, keseimbangan masyarakat juga semula terwujud. Tidak perlu diperselisihkan siapa individu atau kelompok yang menguatkuasakan *siri'* bagi terwujudnya semula kesatuan dan keseimbangan berkenaan.

Sebagai sebuah kesedaran *kolektif* dan identiti kelompok, maka dia memerlukan proses penyerapan kalangan warga bagi menjadikannya kekal bertahan sehingga masa ke depan bersesuaian dengan dinamika perkembangan zaman. Dengan kata lain, *siri'* akan ditinggal masyarakat manakala dia tidak berfungsi lagi seperti mana biasa. Sebaliknya, jika *siri'* belum tergantikan oleh undang-undang lain yang lebih berkuasa, maka ia akan kekal dijalankan

Universiti Utara Malaysia

masyarakat. Dalam kaitan ini, apabila KUHP sebagai undang-undang berkuasa tidak mampu memberikan hukuman sesesuainya bagi pelaku pelanggaran nilai berkenaan maka kes pembunuhan kerana *siri'* akan kekal berlaku.

Dikaitkan dengan teori tindakan fungsi *siri'* dipandang bahagian kalangan nilai budaya tempatan. Fungsinya mengendalikan dan membimbing warga masyarakat dalam berbuat dan bertingkahlaku. Akan tetapi sebagai faktor pengendali dan pembimbing, *siri'* tidak memiliki cukup kekuatan (*powerfull*) dan energi pada dirinya sendiri. Dia hanya memiliki banyak maklumat mengenai segala sesuatu berkaitan perbuatan sesuai dan tidak sesuai, baik dan tidak baik, terpuji dan tidak terpuji. Dia hanya merupakan nilai yang siap dirujuk oleh ahli masyarakat berkenaan. Oleh itu, diperlukan sistem sosial yang boleh menerjemahkan nilai berkenaan ke dalam norma-norma sosial sebagai pedoman berbuat dan bertingkah laku.

Sistem sosial adalah masyarakat itu sendiri dengan semua institusi yang dimilikinya selari dengan matlamat didirikannya masyarakat atau negara. Bagi keperluan penguatkuasaan undang-undang, sistem sosial memiliki pemerintah bermula kalangan pusat sehingga daerah, institusi mahkamah, polis, hakim, institusi pendidikan dan institusi berkaitan lainnya. Institusi seumpama itulah yang memiliki kekuatan bagi menerjemahkan nilai-nilai *siri'* ke dalam realiti.

Menerusi institusi sosial yang wujud itu pula setiap individu warga masyarakat boleh belajar dan menerap nilai *siri'* ke dalam dirinya sehingga dia memiliki personaliti seperti mana kehendak masyarakat di mana ia hidup dan bertempat tinggal. Berdasarkan jalan pemikiran seumpama itu, sistem terpenting

Universiti Utara Malaysia

bagi penguatkuasaan dan pemberdayaan *siri'* adalah sistem sosial yang menjadi perantara sistem budaya dan sistem kepribadian. Jika digambarkan maka akan kelihatan model berikut ini :



Rajah 2.2 Model sistem tindakan *siri'* : implementasi model Parsons

Universiti Utara Malaysia

a. Sistem Kepercayaan

Menurut penyelidik implementasi *ultimate reality* dalam teori Parsons boleh diterjemahkan sebagai sistem kepercayaan terhadap realiti tertinggi iaitu Allah. Sementara sistem kepercayaan bukan bahagian dari sistem budaya seperti mana pandangan Parsons. Sistem kepercayaan bukan ciptaan manusia tetapi sesuatu di luar nya, yang mengandungi nilai-nilai agama khasnya Islam yang dianuti oleh majoriti masyarakat tempatan. Kerana dianut oleh sebahagian besar masyarakat, nilai-nilai Islam digolongkan ke dalam kesedaran kolektif ahli masyarakat tempatan.

Siri', sebagai bahagian kalangan sistem budaya, yang berada di bawah sistem kepercayaan, dipengaruhi nilai-nilai Islam, sebagai kesedaran mendasar tentang realiti tertinggi. Pernyataan tokoh masyarakat di daerah tempatan mendakwa wujudnya kesan nilai-nilai Islam ke atas *siri'* mengukuhkan teori berkenaan. Dasar pemikiran demikian akan memperkuat posisi *siri'* di dalam masyarakat kerana dianggap sesuatu yang berpunca kalangan perintah ajaran Tuhan.

b. Sistem Budaya

Sistem budaya mengandungi unsur-unsur simbolik pengetahuan, idea, gagasan dan nilai-nilai yang memiliki sesuatu yang bermakna bagi kehidupan ideal. Menurut penyelidik, *siri'* adalah salah satu bahagian dari sistem budaya Sulawesi Selatan. Ia mengandungi ide tentang sesuatu yang baik dan ideal bagi kualiti individu dan masyarakat tempatan. *Siri'* menentukan seseorang dilihat dari sudut maruahnya dan membezakannya dengan binatang.

Universiti Utara Malaysia

c. Sistem Sosial

Seperti mana dijelaskan sebelumnya, sistem terpenting kalangan model ini adalah masyarakat atau sistem sosial. Posisi penting itu berhubung sistem sosial yang berkuasa menerjemahkan *siri'* ke dalam bentuk norma-norma atau pedoman yang mentadbir kelakuan ahli masyarakat tempatan. Jika tidak ditetapkan dalam bentuk perperaturan dan norma-norma untuk dipedomani warga, *siri'* tidak berupaya apa-apa, malah dapat disalahuntukkan individu sesuai kehendaknya.

Banyak pelanggaran berlaku berhubung tiadanya sebarang peraturan sehingga suatu tindakan di luar kategori pelanggaran *siri'* dijadikan alasan menjejaskan orang lain.

Sistem sosial mengandungi pelbagai lembaga atau institusi untuk memenuhi keperluannya. Mengenai penguatkuasaan nilai *siri'* beberapa lembaga berkaitan adalah (1) pemerintah pusat dan daerah (2) institusi mahkamah, (3) institusi keagamaan, (4) institusi pendidikan, (5) institusi adat tempatan. Lembaga-lembaga inilah yang menerjemahkan nilai-nilai *siri'* ke dalam masyarakat agar berupaya menjadi rujukan perilaku dan bertindak dan dalam masa sama melakukan berbagai usaha memelihara nilai berkenaan untuk kekal wujud.

1) Pemerintah Pusat dan Daerah

Institusi pemerintah berfungsi menyiapkan perangkat undang-undang dan perperaturan yang boleh melindungi nilai *siri*' agar kekal berupaya dan dijadikan rujukan pengambilan keputusan. Undang-undang dimaksud adalah KUHP yang sekarang sudah ada sejak Indonesia merdeka. Undang-undang jenayah ini merupakan warisan Belanda yang kandungannya belum sepenuhnya bersesuaian dengan undang-undang adat yang hidup dan dijalankan masyarakat. Tugas pemerintah lainnya adalah menggubal undang-undang yang berupaya menghargai nilai budaya *siri'* dengan peruntukan yang ditetapkan dalam undang-undang berkenaan. Undang-undang Dasar Republik Indonesia sudah memasukkan perlindungan undang-undang adat dan hak-hak tradisional masyarakat[210], tetapi KUHP belum melakukan penyesuaian dengan undang-undang berkenaan.

[210]Sila rujuk Seksyen 18B, Undang-Undang Dasar 1945.

2) Institusi Mahkamah

Mahkamah mengimplementasikan peruntukan di dalam KUHP menerusi perbicaraan pada sebarang tingkatan mahkamah yang membicarakan kes jenayah termasuk kes *siri'*. Jika diperlukan institusi ini menetapkan sesuatu perperaturan yang dipandang penting bagi menjalankan KUHP berkaitan pengperaturan hakim dan perbicaraan khas kes adat. Sekarang institusi berkenaan sudah mengeluarkan undang-undang bidangkuasa kehakiman nombor 48 tahun 2009 akan tetapi penguatkuasaan undang-undang berkenaan belum bersesuaian dengan pelaksanaan di perbicaraan kerana belum memenuhi keperluan undang-undang adat sebenarnya. Selain itu, Mahkamah juga berfungsi memberikan kefahaman nilai budaya berkenaan kepada para hakim bermula sejak pendidikan dan latihan calon hakim hingga menjelang penempatan di daerah tempat tugas.

Universiti Utara Malaysia

3) Institusi Keagamaan

Institusi keagamaan di Indonesia memiliki struktur organisasi yang lengkap bermula kalangan pusat hingga tingkat desa. Tingkat akar umbi adalah Pejabat Urusan Agama Kecamatan (KUA Kecamatan). Mereka memberikan layanan keagamaan kepada orang awam. Mereka ini juga yang terbabit dalam penanganan individu berkaitan kes *siri'* bersama tokoh adat dan pemerintah tempatan. Fungsi ini akan lebih efektif diselaraskan pembinaan agama sekaligus dikaitkan pembinaan *siri'* yang tidak bercanggah dengan agama. Selain beusaha

meningkatkan kepekaan dan solidariti sosial juga mengurangi akibat negatif semangat *siri'* yang tidak pada tempatnya.

4) Institusi Adat

Salah satu fungsi pemerintah membentuk institusi adat di semua tingkatan pemerintahan. Institusi ini memiliki tugas ganda, iaitu membina masyarakat berkaitan pelestarian *siri'* dan menangani kes-kes *siri'* secara adat bekerjasama dengan pihak berkuasa. Realiti menunjukkan institusi adat belum terbentuk di majoriti desa atau kampung tempatan, sehingga kes-kes *siri'* yang berlaku di masyarakat dibicarakan oleh Mahkamah tanpa memperoleh pertimbangan dari institusi adat berkaitan hukuman yang layak dan setimpal.

5) Institusi Pendidikan

Institusi pendidikan berfungsi melestarikan nilai-nilai *siri'* menerusi proses sosialisasi dan internalisasi di sekolah. *Siri'*yang hidup sekarang di masyarakat bertumbuh secara alami berdasarkan apa yang didengar dan dilihat orang dalam amalan hidup di masyarakat. Berdasarkan cara belajar seumpama itu, nilai luhur ini kerap diterima secara tidak utuh dan menonjolkan hanya aspek negatifnya sahaja, seumpama pembunuhan kerana kes tidak prinsipal. Gagalnya pendidikan mengajarkan nilai budaya luhur *siri'* bersamaan dengan tiadanya pengajaran bahasa daerah Makassar dan Bugis secara berancang dan sistematis sehingga generasi muda tiada berupaya lagi membaca dan memahami kandungan *Lontara.*

Universiti Utara Malaysia

d. Sistem Kepribadian

Hasil penerjemahan, sosialisasi dan penanaman nilai-nilai *siri'* yang ada pada sistem budaya menerusi institusi-institusi berkenaan (sistem sosial) menghasilkan individu berkepribadian *siri'*. Individu seumpama itu berupaya memilah mana-mana perbuatan yang bersesuaian dengan norma-norma *siri'* dan mana-mana yang tidak. Ia pun dapat memberikan contoh kepada orang lain di sekelilingnya mengenai perilaku yang benar dan salah berdasarkan tuntunan yang dipegangnya dari prinsip hidup yang benar menurut ukuran adat dan agama.

b. Sistem Organisma

Setiap individu merupakan suatu sistem organisma yang hidup dan berkembang menerusi pemenuhan keperluan yang disiapkan dalam tempohnya, berupa makanan, pakaian dan tempat tinggal. Pemenuhan keperluan berkenaan secara baik akan menjadikan individu yang sihat secara jasmani. Hanya orang yang sihat jasmani akan dapat memiliki keperibadian dalam erti fikiran yang sihat pula. Ertinya seseorang yang memiliki kekurangan ketiga keperluan asas berkenaan akan sukar mengembangkan keperibadian bercirikan *siri'*. Mereka tidak dapat memperoleh peringkat pendidikan yang layak di samping kehidupan ekonomi di bawah garis kemiskinan. Jika seseorang dibelenggu kemiskinan maka keperibadian *siri'* pun sukar dipertahankan.

Universiti Utara Malaysia

c. Alam Fizikal

Teori fungsional menjadikan fungsi alam fizikal bahagian tak terpisahkan kalangan sistem lainnya. Dalam konteks ini, alam fizikal Sulawesi Selatan, menjadi tempat spesifik bagi tumbuh dan berkembangnya individu yang sihat secara jasmani, sihat secara rohani dan ditunjang oleh sistem kepercayaan, sistem budaya dan masyarakat (sistem sosial) yang baik. Jika semua sistem berkenaan berfungsi dengan baik maka apa yang disebut sebagai masyarakat yang adil akan wujud.

2.5.2 Teori *Anomi*

Salah satu teori yang berusaha mencari jawapan atas soalan mengapa orang melakukan kejahatan ialah teori *anomi.* Teori ini dikembangkan oleh Robert K. Merton dari Durkheim mengenai *anomi* ingin menjawab *"why do people violate laws that most of us accept"* (mengapa individu melanggar undang-undang yang kebanyakan kita terima?). Menurut Merton, dalam masyarakat terdapat dua jenis norma sosial, iaitu tujuan sosial (*societal goals*) dan cara-cara yang tersedia (*acceptable means*). Bagi mencapai tujuan berkenaan telah tersedia cara-cara (*means*) yang sah.[211]

Permasalahan muncul di dalam menggunakan cara-cara berkenaan di mana ternyata tidak setiap individu boleh mengguna cara tersedia. Tidak merata cara-cara dan perbezaan struktur kesempatan akan menimbulkan putus asa di kalangan warga yang tidak mempunyai peluang untuk mencapai tujuan. Dengan demikian, ketidakpuasan, putus asa, konflik akan muncul sebab tiadanya peluang

[211]Robert K Merton, *Social Theory and Social Structure* (New York : Free Press, 1968), 216.

bagi mereka dalam mencapai tujuan. Keadaan inilah menimbulkan perilaku menyimpang, atau dikenali sebagai keadaan *anomi*.[212] Konsep *anomi* sering diterjemah sebagai *normlessness* atau *deregulation*. Yang pertama bererti ketiadaan (kelompongan) norma-norma manakala yang kedua bererti ketidakmampuan norma-norma memperuntukkan peraturan tingkah laku.[213] Inti teori *anomi* adalah berlakunya apa yang dikenali sebagai ketidakupayaan undang-undang yang ada mentadbir keterperaturan tingkah laku individu dalam masyarakat dan wujudnya lakuna undang-undang.

Berkaitan pembunuhan kerana *siri'*, kes ini berlaku berhubung KUHP sebagai satu-satunya undang-undang jenayah berkuasa di Indonesia dipandang tidak berupaya memberikan rasa adil kepada masyarakat. Seperti mana difahami, Indonesia terdiri dari 19 rumpun masyarakat yang masih memegang teguh sistem adatnya masing-masing. Salah satu antaranya adalah masyarakat adat Sulawesi Selatan memiliki budaya khas iaitu *siri'*.

Siri' yang kebanyakan mentadbir hubungan kekerabatan dengan menjunjung tinggi kehormatan wanita kurang dipenuhi keperluannya di dalam KUHP. Kes perzinaan yang dilakukan dua orang sudah berkahwin, misalnya, hanya dikenakan hukuman maksimum 9 bulan penjara. Hukuman itu dijatuhkan manakala isteri atau suami kalangan mereka yang terlibat mengadukan kes berkenaan ke pihak berkuasa. Sekiranya tiada pengaduan, maka hubungan "haram" itu dipandang sesuatu yang biasa dan tidak dikenakan hukuman jenayah.

---

[212]Ibid.

[213]Ibid.

KUHP tidak mentadbir sekiranya yang melakukan perbuatan zina atas dasar suka sama suka adalah lelaki dan wanita yang masih bujang. Ertinya hubungan sukar seumpama itu bukan sesuatu tindakan jenayah yang patut dihukum.

Kenyataan undang-undang jenayah seumpama itu membuat masyarakat berasa keadilan yang diharapkan dari undang-undang jenayah berkenaan tidak mungkin terwujud. Oleh itu, ahli masyarakat yang mendapati seorang isteri berbuat curang terhadap suaminya dan melakukan perbuatan zina dengan lelaki lain kerap menempuh jalan pintas menurut undang-undang adat, iaitu pembunuhan ke atas pelaku. Penyelesaian adat seumpama itu dipandang lebih memuaskan hati kalangan masyarakat dengan menyerahkannya kepada undang-undang yang berkuasa.

Ketidakupayaan KUHP menyelesaikan kes *siri'* secara berkeadilan sama sahaja dengan kelopongan undang-undang. Terdapat jurang di antara KUHP dengan undang-undang adat tempatan sehingga membuat masyarakat mengalami *stress* atau tekanan batin antara mengikut KUHP atau berpegang semula undang-undang asli mereka. Undang-undang Bidangkuasa Kehakiman Nombor 48 tahun 2009 dipandang belum efektif menutupi kekosongan tersebut.

Dalam amalannya, undang-undang itu terlalu longgar dengan pentafsiran pelbagai sehingga wujud ketidakpastian undang-undang bagi masyarakat. Suatu contoh menarik dari keadaan berkenaan berlaku pada kes pembunuhan ke atas seseorang berinisal A.P., Kepala Pemerintahan Kecamatan (Camat) Tompobulu Kabupaten Bantaeng, yang didapati masyarakat berbuat zina dengan isteri orang lain berinisial B.L. Kejadian berlaku tahun 1986 di mana kedua-dua individu

Universiti Utara Malaysia

terbabit dibunuh oleh orang banyak di rumah dinasnya. Kerana tindakan itu, Mahkamah Negeri Bantaeng menghukum suami mangsa, A.S., selama tempoh pemenjaraan 12 tahun, kerana dipandang melanggar seksyen 340 KUHP. Ia dituduh mengajak orang banyak melakukan pembunuhan secara bersama.

Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah tempatan, A.S. kemudian melakukan rayuan banding ke Mahkamah Tinggi Sulawesi Selatan, yang kemudian mengurangkan hukuman tertuduh menjadi 7 tahun penjara. Giliran Pendakwaraya tidak menerima dengan baik keputusan berkenaan yang kemudian melakukan rayuan kasasi ke Mahkamah Agung. Perbicaraan peringkat tertinggi telah menjatuhkan hukuman semula 12 tahun, seperti mana keputusan Mahkamah Negeri Bantaeng.[214]

Menurut penyelidik, kenyataan berkenaan mencetuskan ketidakpercayaan orang awam terhadap institusi mahkamah. Sebabnya ialah kes yang sama ditafsirkan dengan cara berbeza oleh tiga tingkatan Mahkamah, iaitu Mahkamah negeri, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung. Mahkamah Negeri dan Mahkamah Agung tidak mempertimbangkan pembunuhan itu sebagai kes *siri'* yang harus menjadi faktor mengurangkan hukuman, manakala Mahkamah Tinggi mempertimbangkan latar belakang pembunuhan *siri'* sebagai faktor meringankan.

Multitafsir berkenaan oleh Mahkamah pada tingkatan berbeda, ke atas satu kes yang sama menunjukkan wujudnya masalah serius berkaitan undang-undang yang berkuasa. Kelopongan undang-undang yang memenuhi rasa keadilan masyarakat seumpama itu membuat frustrasi individu yang mengalami kes *siri'*

[214]Marzuki, 186.

sehingga membuat mereka melakukan jalan penyelesaian masalah dengan cara seperti mana dilakukan ahli masyarakat lainnya di tempat tinggal mereka. Individu yang menjadi hakim sendiri dicetuskan oleh kelopongan undang-undang seumpama itu akan terus berlaku.

2.5.3 Teori Kawalan

Teori kawalan berusaha mencari jawapan mengapa orang menghindarkan kejahatan. Teori kawalan memandangkan bahawa manusia merupakan makhluk yang memiliki moral murni. Oleh itu, setiap individu bebas berbuat sesuatu. Kebebasan berkenaan akan membawa seseorang pada sebarang tindakan. Tindakan ini lazimnya didasarkan pada pilihan iaitu taat pada undang-undang atau melanggar aturan undang-undang. Tindakan dipilih didasarkan pada ikatan-ikatan sosial yang telah terbentuk.[215]

Hirschi, salah satu tokoh teori ini, menyebutkan ada beberapa elemen ikatan sosial yang wujud dalam setiap masyarakat, iaitu kemampuan manusia membabitkan diri terhadap orang lain. Kalau kemampuan ini telah terbentuk maka orang berkenaan akan peka terhadap fikiran, perasaan, dan kehendak orang lain. Ada dua bentuk kemampuan macam ini, iaitu kemampuan membabitkan diri terhadap orang lain secara total. Kemampuan terbabit secara total ini akan mencegah seseorang melakukan penyimpangan. Kedua, kemampuan

[215]T. Hirschi, *Causes of Delinquency*, (Berkeley : University of California Press, 1969), 94.

membabitkan diri dengan orang lain secara sebahagian (*partial*). Hal ini hanya menimbulkan kepatuhan bila terdapat orang lain mengawasi.[216]

Elemen lain dari pada ikatan sosial ialah komitmen, merupakan aspek rasional yang wujud dalam ikatan sosial. Segala kegiatan yang dilakukan didasarkan pada pertimbangan mengenai manfaat daripada kegiatan itu. Manfaat berkenaan seperti harta benda, reputasi, masa depan, dan sebagainya. Segala manfaat berkenaan mendorong orang taat aturan-aturan yang wujud dan menjadi rem bagi hasrat untuk melakukan penyimpangan.

Keaktifan ialah elemen lain daripada ikatan sosial. Jika seseorang berperan aktif dalam organisasi atau masyarakat kecil berkecenderungan melakukan penyimpangan. Segala aktiviti yang boleh memberi manfaat akan mencegah individu melakukan perbuatan bertentangan dengan undang-undang.[217] Aspek lain ialah kepercayaan sebagai aspek moral yang wujud dalam ikatan sosial. Ia merupakan kepercayaan seseorang pada nilai-nilai moral yang wujud. Kepercayaan seseorang terhadap norma-norma berkenaan menimbulkan kepatuhan terhadap norma itu. Kepatuhan terhadap norma berkenaan pastinya akan mengurangkan hasrat untuk melanggar.[218]

Teori kawalan pada prinsipnya melihat bahawa seseorang bebas untuk mematuhi undang-undang atau menyimpang kalangannya. Pilihan taat atau menyimpang kalangan undang-undang tergantung ikatan sosial orang

---

[216]Ibid.

[217]Ibid, 95.

[218]Ibid.

bersangkutan terhadap orang lain yang memiliki sistem budaya yang sama. Demikian pula dengan ketaatan terhadap *siri'* tergantung ikatan sosial individu .

Ikatan sosial masyarakat Sulawesi Selatan tergolong masih kuat. Meski mereka tinggal di kota-kota ikatan itu tetap dipertahankan. Upacara siklus hidup (*life sycle*) merupakan bahagian dari wadah yang mempererat ikatan itu. Setiap peringkat siklus hidup selalu ditandai upacara atau kenduri, bermula kalangan peristiwa kelahiran, sunatan, perkahwinan, hingga kematian. Upacara-upacara berkenaan menjadi masa-masa mesyuarat antara keluarga, kerabat, tetangga dan masyarakat di suatu kampung atau desa, malah kota-kota.

Hal itu sudah berlaku turun temurun dalam hubungan *resiprositas* (saling memberi dan menerima), iaitu saling membantu dalam bentuk apa pun, sama ada berupa wang, barang, atau tenaga di atas prinsip "ringan sama dijinjing, berat sama dipikul." Ikatan sosial seumpama disebut *sikapaccei* (saling membantu dalam kesukaran). Individu yang kurang membabitkan diri terhadap orang lain seumpama itu dipandang kurang *pacce* (rendah solidariti) dan akan terasing kalangan masyarakatnya. Ukuran kedekatan sosial seumpama itu turut ditentukan kekerapan mengikuti upacara keluarga atau warga dalam sebuah masyarakat.

Ketataatan terhadap undang-undang adat terbina menerusi ikatan sosial sebagai basis utamanya. Konsep *sipassiriki* (saling membantu menegakkan *siri'*) tumbuh dan berkembang secara alami dalam diri setiap individu ahli masyarakat tempatan. Penyimpangan terhadap *siri'* juga berlaku menerusi mekanisme seumpama itu. Semakin kuat hubungan sosial seseorang dengan warga lainnya akan mencegahnya kalangan berbuat penyimpangan. Seorang yang melanggar

Universiti Utara Malaysia

siri' biasanya mereka yang terasing secara sosial dan memiliki perilaku menyimpang.

Teori kawalan juga mempertimbangkan ikatan moral dan kepercayaan sebagai faktor pencegah seseorang melakukan penyimpangan *siri'*. Seseorang yang memiliki pengetahuan dan pengamalan agama yang baik akan menghindari perbuatan yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai Islam, termasuk melanggar *siri'* di dalam masyarakat. Sebaliknya, pamahaman agama yang rendah dan tidak menjalankan perintah agama dengan baik rentan terhadap pelanggaran *siri'*.

Ikatan sosial dan status keagamaan dapat membuat seseorang mentaati *siri'* memiliki dasar empiris menerusi wujudnya kes pembunuhan yang berlaku di masyarakat Kecamatan Tinggimoncong Kabupaten Gowa. Sejumlah orang yang termasuk tokoh adat dan tokoh agama bergelar "haji" melakukan pembunuhan ke atas seseorang yang melakukan pelanggaran *siri'*. Seorang "haji" di desa biasanya adalah seseorang yang sangat dihormati dan dipandang tokoh agama. Kenyataannya, orang berkenaan terbabit pembunuhan secara bersama-sama dengan ahli masyarakat lainnya ke atas pelaku perzinaan membabitkan isteri kepada keluarga "haji" berkenaan. [219]

Sama ada tindakan bunuh itu bertentangan dengan KUHP akan tetapi peruntukan *siri'* menghendaki demikian. Itulah cara mereka menguatkuasakan apa yang dianggapnya benar secara adat. Tindakan berkenaan dipandang mentaati undang-undang adat di satu sisi tetapi melanggar KUHP di sisi lain. Ertinya, dari sudut pandang negara tindakan "Pak Haji" adalah sebuah pelanggaran undang-

[219]Sila rujuk Lampiran E.

undang, akan tetapi dari sudut pandang masyarakat, tindakan itu merupakan ketataan terhadap undang-undang adat tempatan.

2.5.4 Teori *Receptio a Contrario*

Selain undang-undang positif di Indonesia dikenali Undang-undang Islam dan Undang-undang Adat. Pelaksanaan Undang-undang Adat dan Undang-undang Islam di Indonesia dikenal *teori receptio a contrario.* Dalam masyarakat di daerah ini telah berkembang satu garis undang-undang yang mengatakan bahawa adat atau undang-undang adat hanya boleh berlaku dan dilaksanakan jika tidak bertentangan dengan undang-undang Islam.[220]

Teori ini dikembangkan oleh Sayuti Thalib. Menurutnya, Undang-undang yang berlaku bagi rakyat adalah undang-undang agamanya, undang-undang adat hanya berlaku apabila tidak bercanggah dengan undang-undang agama. Undang-undang adat boleh menjadi undang-undang yang berlaku dalam masyarakat Muslim jika undang-undang adat itu tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Oleh itu, undang-undang adat dan undang-undang Islam tidak boleh dipisahkan. [221]

Banyak contoh di dalam masyarakat yang menunjukkan amalan teori berkenaan. Suku Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan, misalnya, pembahagian warisan untuk anak lelaki dan wanita dibagi rata menurut adat. Akan tetapi

---

[220]Haji Mohammad Daud Ali, *Hukum Islam, Pengantar Ilmu Hukum dan Tata Hukum Islam di Indonesia* (Jakarta :Raha Grafindo Persada, 2007), 228.

[221]Sayuti Thalib, *Receptio A Contrario : Hubungan Hukum Adat dengan Hukum Agama Islam,* (Jakarta : Bina Aksara, 1985), 58.

undang adat dan agama merupakan satu kesatuan tetapi turut dipandu oleh agama. Adat mengikuti agama bukan secara sukarela tetapi suatu kewajipan.

Mengikut fahaman ini *siri'* yang hidup di masyarakat mestilah seiring dengan nilai-nilai Islam. Islam sudah membuktikan diri berupaya beradaptasi dengan segala tempat dan zaman, manakala adat cenderung mengalami perubahan berhubung peringkat pemikiran masyarakat yang semakin berkembang. Jelas di sini, bahawa pembunuhan kerana *siri'* dilakukan oleh orang awam dengan latar belakang pendidikan rendah. Ini bererti peringkat pendidikan memberi kesan terhadap perilaku *siri'* seseorang. Agama juga turut memberi kesan kepada penegakan *siri'* yang rasional dan holistik, bukan *siri'* yang disertai emosi yang tidak terkawal. Kecenderungan itu semakin mengarah ke tindakan undang-undang positif sepanjang undang-undang berkuasa tersebut mampu memenuhi semangat *siri'* masyarakat.

Universiti Utara Malaysia

2.6 Kesimpulan

Akhirnya boleh disimpulkan bahawa para pakar sependapat mengenai makna *siri'* sebagai perasaan malu yang mendalam, kehormatan, dan maruah. Pelanggaran terhadap *siri'* boleh mengakibatkan hukuman pembunuhan ke atas diri pelaku. Pada amnya *siri'* dikaitkan dengan kehormatan wanita sama ada yang bergelar isteri seseorang atau anak gadis. Kes-kes pencerobohan terhadap kehormatan wanita akan menimbulkan perasaan aib atau malu bagi seseorang. *Siri'* juga dilakukan dengan niat dan semangat menuntut kejayaan dalam setiap usaha. *Siri'* diperuntukkan di dalam undang-undang adat tempatan yang disebut

Lontara. Berbeza dengan *Lontara* Undang-undang Jenayah Indonesia tidak mengesahkan pembunuhan kerana *siri'*. Pelanggaran kesusilaan, termasuk zina, hukumannya hanya beberapa bulan penjara, kecuali kes-kes berat seperti pemerkosaan.

Kerangka teori yang digunakan dalam penyelidikan ialah teori fungsional struktural bagi melihat posisi undang-undang bagi keseimbangan sosial. Selain itu salah satu teori yang berusaha mencari jawapan atas soalan mengapa orang melakukan kejahatan digunakan teori *anomi*. Pada aspek lainnya, teori kawalan digunakan bagi menjawab soalan : mengapa seseorang boleh mematuhi undang-undang dan peraturan yang disepakati. Terakhir teori *Receptio a Contrario* digunakan bagi melihat pelaksanaan undang-undang adat dalam sistem undang-undang Islam dan undang-undang Nasional.

Universiti Utara Malaysia

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan perundangan sosial, sebagai suatu kajian sistematik untuk mengetahui fenomena mengenai undang-undang adat di masyarakat. Bagi mencapai matlamat berkenaan dilaksanakan langkah-langkah saintifik yang sistematik dan logik yang dikenali sebagai metodologi atau kaedah penyelidikan.

Kaedah penyelidikan ialah proses, prinsip, dan prosedur yang digunakan untuk mendekati persoalan penyelidikan dan mencari jawabannya. Oleh yang demikian itu, kaedah penyelidikan merujuk kepada cara penyelidik mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat penyelidikan. Kaedah penyelidikan dipengaruhi oleh perspektif teori kajian penyelidikan, yang berupa kerangka penjelasan yang memungkinkan penyelidik memahami dan menghubungkan data-data yang rumit dengan peristiwa-peristiwa tertentu.[225]

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian sangat menentukan peranan penyelidik dalam realiti empiris yang sedang dikajinya. Mengajukan minimum empat soalan dasar sebagai kerangka konseptual dalam sebuah reka bentuk kajian. (1) Bagaimana suatu reka

[225]Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Pahang : PTS Publication & Distributors, 2004), 180.

bentuk kajian berkait rapat dengan paradigma penyelidikan yang digunakan ? (2) siapa dan apa yang hendak diselidiki ? (3) Strategi-srategi penyelidikan apa sahaja yang akan digunakan ? dan (4) metodologi apa yang hendak digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data ?[226]

Dalam penyelidikan terkandung paradigma-paradigma *positivis, post-positivis, konstruksionis,* dan *kritis.* Rangkaian paradigma berkenaan dapat dilihat sebagai sebuah kesinambungan – dengan prinsip-prinsip reka bentuk kajian pada satu hujung dan aturan-aturan yang lebih longgar dan fleksibel pada hujung lainnya. Penyelidikan *positivis* lebih menekankan pada proses-proses baku dan tetap dimulai daripada soalan penelitian, perumusan sejumlah hipotesis, pemilihan lokasi penyelidikan, penentuan teknik *sampling* dan penentuan metode serta teknik analisis yang hendak digunakan.

Sebaliknya penyelidik berdepan dengan sejumlah pilihan yang lebih luas ketika menggunakan reka bentuk kajian *non-positivis* seperti *konstruktivis, perspektif teori kritis* dan perspektif kajian-kajian budaya. Penyelidikan berdasarkan paradigma dan perspektif kualitatif berkenaan tidak bergantung pada rumusan hipotetis secara khusus, pilihan sejumlah sampel secara ketat, waktu temu bual berstruktur dan metode penyelidikan yang ditetapkan sebelumnya, serta model-model analisis yang akan digunakan.[227]

---

[226]Norman K Denzin dan Yvonna S. Lincoln, ed. *Handbook of Qualitative Research,* trans.,Dariyatno et.al. (Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 2009), 253.

[227]Ibid.

Kaum *positivis* menerapkan empat kriteria dalam penyelidikan, iaitu *validiti internal* (tahap ketepatan hasil penyelidikan dalam memetakan fenomena yang dikaji); *validiti eksternal*, tahap hasil penyelidikan yang boleh digeneralisasikan untuk pelbagai penyusunan lain yang sama dengan bentuk penyelidikan berkenaan; *reliabilitas* (sejauhmana penyelidikan boleh diulang semula oleh penyelidik lainnya); dan *objektiviti* (sejauhmana hasil penyelidikan bebas daripada bias).[228].

Merujuk kepada kriteria paradigma yang wujud, penyelidikan mengenai Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah dalam Kes-Kes Pembunuhan Kerana *Siri'* jelas tidak termasuk kategori penyelidikan *positivis*. Ia lebih hampir kepada paradigma *non-positivis* iaitu kajian budaya, lebih spesifik lagi budaya masyarakat dan undang-undang. Kajian budaya dicirikan minimum oleh tiga unsur iaitu wujudnya teks-teks budaya, pengalaman nyata, dan hubungan antara teks dengan kehidupan sehari-hari.[229] Dalam penyelidikan ini, yang tergolong teks budaya adalah undang-undang adat tempatan terkandung dalam *Lontara* yang antaranya mengandungi peraturan-peraturan mengenai *siri'*, manakala pengalaman nyata adalah kes-kes pembunuhan bermotif *siri'*, sementara hubungan kedua-duanya terlihat pada praktik hidup berdasarkan nilai berkenaan.

Unsur reka bentuk kajian lainnya adalah siapa dan apa yang hendak diselidiki. Secara teori, siapa dan apa yang akan diselidiki berkaitan tiga

[228]Ibid, 123.

[229]Ibid, 126.

pendekatan am, iaitu kes tunggal atau proses tunggal; kes atau proses ganda; dan kajian mengenai tahapan ganda dalam sebuah proses. Dalam penyelidikan ini yang menjadi objek penyelidikan adalah bentuk kedua, iaitu kes ganda mengenai pembunuhan berlatar belakang *siri'*. Kes-kes dihimpun daripada tujuh daerah pengkajian.

Unsur ketiga reka bentuk kajian adalah strategi penyelidikan. Salah satu strategi penyelidikan yang dikenali dalam kajian penyelidikan kualitatif adalah kajian kes. Kajian kes bukanlah pilihan metodologi melainkan pilihan objek yang hendak diselidiki.[230] Kajian kes iaitu sejenis kajian untuk mengkaji dan menjelaskan satu kelompok yang kecil secara mendalam. Ia membabitkan pengumpulan maklumat yang luas untuk memahamkan sesuatu entiti yang dikaji. Secara am ia memberikan penjelasan mendalam secara deskriptif dan penghuraian satu unit yang tertentu. Oleh yang demikian unit yang dikaji dalam kajian kes mungkin merupakan individu, satu keluarga, sekumpulan manusia, institusi ataupun masyarakat.[231]

Kedalaman dan metod kualitatif khususnya berasal daripada sejumlah kecil kajian kes. Kes-kes dipilih kerana tujuan penyelidikan tertentu. Kajian kes penting terutamanya apabila seseorang perlu memahami suatu masalah atau situasi tertentu dengan amat mendalam dan di mana orang dapat mengenal pasti

[230]Robert E Stake, "Studi Kasus" dalam Norman K Denzin dan Yvonna S. Lincoln, ed. *Handbook of Qualitative Research*, trans.,Dariyatno et.als. (Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 2009), 299.

[231]Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor, Malaysia : Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn.Bhd., 2005), 152.

kes yang kaya dengan maklumat. Kajian kes boleh berupa orang, peristiwa, program, kejadian kritis, atau komunitas. Ia berupaya menggambarkan unit dengan mendalam dan dalam konteks, serta holistik.[232] Kes-kes dibatasi oleh waktu dan aktiviti di mana penyelidik mengumpulkan maklumat secara lengkap dengan menggunakan pelbagai prosedur pengumpulan data berdasarkan waktu yang telah ditentukan.[233] Apa pun yang hendak dikaji, penyelidik harus faham bahawa salah satu ciri kajian kes adalah keunikan (*partikulariti*) daripada kes berkenaan sama ada berkaitan hakikat kes, latar belakang sejarahnya dan konteksnya.[234]

Dilihat daripada tujuannya, kajian ini adalah kajian deskriptif. Kajian deskriptif bertujuan untuk memberikan gambaran yang tepat terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu populasi. Penyelidik menjelaskan bagaimana rupa bentuk keadaan sosial yang dikaji. Kajian deskriptif mencari fakta dan penjelasan serta penerangan mengapa sesuatu situasi sosial berlaku.[235]

Kajian ini merupakan kajian perundangan berupa nilai-nilai *siri'* dan kesannya dalam pelaksanaan Undang-Undang Jenayah. Dalam kajian perundangan terdapat beberapa pendekatan. Dengan pendekatan berkenaan

---

[232]Michael Quinn Patton, *Metode Evaluasi Kualitatif,* trans. Budi Puspo Priyadi (Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 1991), 23-4.

[233]John W. Creswell, *Research Design : Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed,* trans. Achmad Fawaid (Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 2014), 20.

[234]Robert E Stake, 302.

[235]John W. Creswell, 31-37.

penyelidik memperoleh maklumat daripada pelbagai aspek mengenai *siri'*, undang-undang adat tempatan yang ada dalam *Lontara* dan undang-undang jenayah Indonesia, serta kes-kes pembunuhan yang dibicarakan di Mahkamah. Pendekatan yang digunakan di dalam kajian perundangan adalah pendekatan undang-undang (*statute approach*), pendekatan kes (*case approach*), pendekatan historis (*historical approach*), pendekatan komparatif (*comparative approach*), dan pendekatan konseptual (*conceptual approach*).[236] Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan undang-undang, pendekatan kes, dan pendekatan komparatif.

Pendekatan undang-undang dilakukan dengan mengkaji undang-undang dan regulasi yang bersangkut paut dengan pembunuhan kerana *siri'*. Undang-undang yang dimaksudkan di sini adalah undang-undang adat tempatan yang ada di dalam *Lontara* dan Undang-Undang Jenayah Indonesia iaitu Kitab-Undang-Undang Hukum Pidana dan perundangan yang lain.

Pendekatan kes dilakukan dengan cara melakukan kajian kes-kes pembunuhan kerana *siri'* dan keputusan Mahkamah. Yang menjadi pokok kajian di dalam pendekatan kes adalah kuasa budi bicara hakim untuk sampai pada suatu keputusan, atau seperti mana hakim mengambilkira *siri'* dalam keputusan terhadap tertuduh. Pendekatan perbandingan dilakukan dengan membandingkan undang-undang adat tempatan dan undang-undang jenayah Indonesia (KUHP)

[236]Peter Mahmud Marzuki, *Penelitian Hukum* (Jakarta : Kencana Prenada Media Group, 2011), 93.

dalam menghadapi kes pembunuhan kerana *siri'*. Juga membandingkan kes-kes yang sama pada daerah yang berbeza di skop penyelidikan dilakukan.

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu pendekatan penyelidikan yang digunakan semua bidang ilmu pengetahuan sama ada sains kemanusiaan, sains sosial atau sains alam.[237] Penyelidikan berkaitan undang-undang merupakan bahagian daripada sains kemanusiaan. Dalam penyelidikan kualitatif sebenarnya penyelidik tidak harus menutup diri terhadap kemungkinan penggunaan jenis data kuantitatif, kerana jenis data ini sebenarnya bermanfaat bagi pengembangan analisis data kualitatif sendiri.[238] Itu disebabkan oleh prinsip dalam penyelidikan kualitatif yang harus menjawab soalan "bagaimana" dan "mengapa". Berbeza dengan pengkajian kuantitatif yang harus menjawab "apa". Jawapan terhadap soalan berkenaan memerlukan deskripsi mendalam (*thick description*) mengenai kes-kes pembunuhan kerana *siri'* daripada sudut pandang hakim. Sudut pandang itu sama ada pemahaman berkaitan *siri'* itu sendiri dan alasan-alasan mereka dalam menetapkan keputusan terhadap sesuatu kes pembunuhan kerana *siri'*.

Salah satu ciri penyelidikan kualitatif adalah kontekstualisasi. Konteks di mana partisipan hidup atau bekerja berkesan terhadap perilakunya. Oleh itu, penyelidik harus menyedari bahawa penyertaan terikat dengan sejarah dan

---

[237]Denzin dan Yvonna S. Lincoln, 5.

[238]Burhan Bugin, "Teknik-Teknik Analisis Kualitatif dalam Penelitian Sosial" dalam Burhan Bugin, ed., *Analisis Data Penelitian Kualitatif: Pemahaman Filosofis dan Metodologis ke Arah Penguasaan Model Aplikasi,* (Jakarta : PC RajaGrafindo Persada, 2005), 83.

semasa. Kejadian dan tindakan dikaji sebagaimana adanya dalam kehidupan sehari-hari. Pengkaji dituntut menghargai konteks dan budaya di mana pengkajian berlangsung.[239] Konteks yang dimaksud di sini adalah budaya *siri'* yang hidup di dalam masyarakat tempatan dan latar belakang hakim yang memutuskan perkara di Mahkamah.

Selain itu, ciri pengkajian kualitatif adalah perspektif *emik*. Pengkajian mendalami idea-idea dan pandangan partisipan sebagai *pandangan orang dalam*. Pengkaji berusaha mencari makna yang diberikan orang terhadap pengalamannya dan cara mereka menafsirkan pengalaman berkenaan. Hal itu dilakukan dengan cara mendengarkan orang dan memahami makna yang diberikan orang terhadap perilakunya. Dengan memerhatikan maksud dan motif informan akan menjadikan pengkaji memahami realiti sosial yang wujud.[240] Dalam praktikalnya, pengkaji melakukan temu bual secara mendalam (*indepth interview*) kepada sejumlah hakim dan tokoh masyarakat tempatan untuk memahami pandangan mereka berkaitan *siri'* dan cara mereka memperlakukan kes pembunuhan bermotif *siri'*.

3.2 Skop Kajian

Daripada segi tempoh, skop kajian mencakup penyelidikan kes-kes pembunuhan kerana *siri'* yang tercatat dan dibicarakan di Mahkamah Negeri

[239]Abd. Kadir Ahmad, *Dasar-Dasar Metodologi Penelitian Kualitatif* (Makassar : Indobis Media Center, 2003), 25.

[240]Ibid, 27.

tempoh 5 (lima) tahun terakhir (tahun 2010 – 2014). Daripada segi wilayah, skop kajian dibatasi pada kes-kes pembunuhan kerana *siri'* yang dibicarakan di Mahkamah Negeri pada 7 (tujuh) Mahkamah Negeri di Sulawesi Selatan, iaitu Mahkamah Negeri Bandar Makassar, Mahkamah Negeri Sungguminasa Gowa, Mahkamah Negeri Takalar, Mahkamah Negeri Jeneponto, Mahkamah Negeri Bantaeng, Mahkamah Negeri Maros, Mahkamah Negeri Pangkejene. Ketujuh-tujuh Mahkamah Negeri berkenaan merupakan bahagian daripada daerah-daerah yang dikenali sebagai daerah yang sebahagian besar penduduknya merupakan etnik Makassar dan sebahagiannya lagi Bugis.

Di dalam kedua-dua skop kajian berkenaan (skop tempoh dan skop wilayah), penyelidik membatasi diri pada lima fokus kajian iaitu (1) jumlah kes pembunuhan kerana *siri'* di kawasan kajian dalam tempoh lima tahun terakhir; (2) kefahaman tokoh masyarkat mengenai *siri';*(3) kefahaman hakim mengenai *siri';* (4) kefahaman dan komitmen hakim mengikut seksyen 5 (1) Undang-undang Republik Indonesia nombor 48 tahun 2009 berkaitan Bidangkuasa Kehakiman dan (5) praktik perbicaraan di mana hakim mengambilkira motif *siri'* dalam keputusan yang dijatuhkan ke atas terdakwa kes pembunuhan kerana *siri'*.

Siri' yang menjadi perhatian dalam penyelidikan ini adalah pelanggaran *siri'* peringkat berat, yang berhujung pada berlakunya kes pembunuhan. Kes berkenaan biasanya berpunca daripada pencabulan atas kehormatan wanita terutamanya perzinaan, perogolan, dan pencerobohan kehormatan mahram.

3.3 Jenis Data

Jenis data dalam penyelidikan ini adalah data kualitatif. Data kualitatif diperlukan bagi menyokong penyelidikan pelaksanaan undang-undang terhadap kes-kes pembunuhan kerana *siri'* yang menggunakan pendekatan kualitatif. Dalam sebuah penyelidikan secara amnya data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu data primer dan data sekunder.

3.3.1 Data Primer

Data primer ialah data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan kajian. Sumber-sumber maklumat untuk kajian data primer selalunya adalah maklumat yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik melalui kajian lapangan, daripada individu, kumpulan fokus ataupun panel pakar.[241] Dalam penyelidikan undang-undang pengertian data primer agak berbeza daripada pengertian di atas. Bagi menyelesaikan isu undang-undang diperlukan sumber-sumber penyelidikan. Sumber-sumber penyelidikan undang-undang boleh dibezakan menjadi sumber-sumber penyelidikan yang berupa bahan-bahan undang-undang asas (primer) dan bahan-bahan undang-undang sekunder. Biasanya, bahan undang-undang asas (primer) merupakan bahan undang-undang yang bersifat *autoritatif* (mempunyai kuasa). Bahan-bahan undang-undang asas terdiri daripada dokumen statut/enakmen, rekod-rekod rasmi dalam pembuatan undang-undang dan keputusan-keputusan Mahkamah.

[241]Marican, 235.

a. Undang-Undang

Terdapat dua jenis undang-undang yang menjadi sumber data primer dalam penyelidikan ini, iaitu *Lontara* dan KUHP. Secara berturut-turut kedua-dua sumber ini dihuraikan satu persatu.

1) *Lontara*

Salah satu sumber untuk mengetahui undang-undang adat jenayah yang masih hidup di kalangan rakyat di daerah ini adalah *Lontara*, yang mengandung peraturan-peraturan undang-undang adat jenayah. Sumber maklumat ini ada yang dimiliki oleh anggota masyarakat secara pribadi yang disimpan di rumah masing-masing dan dijadikan warisan keluarga secara turun temurun. Kebanyakan *Lontara* berkenaan mengalami kerosakan kerana hanya dijadikan benda warisan dan cenderung dikeramatkan dan dijadikan kebanggaan. Apalagi generasi sekarang kebanyakan tidak dapat lagi membaca teks *Lontara*.

Beruntunglah masih wujud kumpulan *Lontara* yang dihimpun oleh Matthes dalam bentuk bunga rampai yang diberi tajuk *Makassaarsche Chrestomathie.*[242] Di dalamnya berbagai maklumat, peristiwa dan peraturan adat masa lampau terkandung. Salah satu kandungannya berkaitan *Verzameling van Inlandsche Wetten* (Koleksi Undang-Undang Anak Negeri). Sebagai sebuah koleksi, undang-undang ini mengandung pelbagai peraturan berkaitan tata cara perbicaraan, syarat-syarat saksi, macam-macam denda atas pelanggaran tertentu,

[242]B.F. Matthes, *Makassaarsche Chrestomathie, Het Nederlandsch Bijbelgenootschap* (Te Amsterdam : Bij Frederik Muller, Gedrukt Bij, C.A. Spin & Zoon, 1860).

sewa-menyewa dan sebagainya. Hanya beberapa seksyen berkaitan pembunuhan dan peraturan kesusilaan.

Undang-undang ini terdiri dari 98 seksyen diawali seksyen berkaitan peringatan kepada hakim dan orang-orang berperkara agar sentiasa takut kepada Allah. Seksyen ini juga mengandungi tata cara perbicaraan di Mahkamah atau di depan penguasa, iaitu diawali sumpah berupa pembacaan surah *Yasin* dan mengangkat Al-Qur'an di atas kepala.

Susunan seksyen dalam teks *Lontara* berkenaan tidak sistematis dan sumbernya bermacam-macam. Ada yang bersumber daripada Islam dan ada pula daripada adat asli tempatan. Peraturan yang diadaptasi dari ajaran Islam, misalnya seksyen 2 berkaitan saksi. Disebutkan bahwa seorang saksi harus diyakini menurut peruntukan *syara'* (agama Islam). Tidak boleh menjadi saksi orang yang tidak menutup kepala atau dadanya saat keluar rumah. Seksyen 3 menyebutkan, untuk menjadi saksi, dua orang wanita, seimbang dengan seorang saksi lelaki. [243]

Peruntukan berkaitan pembunuhan terdapat dalam seksyen 8 iaitu pembunuhan yang dilakukan seorang merdeka ke atas seorang abdi. Pembunuhan sesama orang merdeka diatur dalam seksyen 9, manakala seksyen 10 mengatur pembunuhan orang biasa ke atas anak raja. Seksyen 11 mengatur pembunuhan dilakukan keturunan raja ke atas seorang abdi, sementara seksyen 12 mengatur sekiranya raja atau anak raja membunuh seorang abdi. Seksyen 13 mengatur sekiranya seorang pembunuh melarikan diri ke kampung lain. Seksyen 14

[243]Ibid, 211 -12.

mengatur pembunuh yang menyelamatkan diri ke pihak berkuasa. Sementara itu, seksyen 15 mengandungi peruntukan mengenai pembunuhan ke atas orang tidak bersalah. Seksyen 16 memuatkan peraturan mengenai pembunuhan ke atas pelaku pencurian; manakala seksyen 23 mengandungi pembunuhan dilakukan kerana mabuk.[244]

Pada *Lontara* ini juga ditemui peruntukan berkaitan pelanggaran kesusilaan atau kehormatan wanita. Seksyen 50 mengandungi peruntukan mengenai perzinaan, sementara seksyen 51,52, dan 53 berkaitan persangkaan hubungan sulit. Sementara itu, seksyen 54 memuatkan peraturan berkaitan berkahwin lari, manakala seksyen 55 mengandungi peruntukan mengenai perbuatan tidak menyenangkan wanita.

Salah satu kandungan *Lontara* ini berkaitan kod etika *tumabbicara* (hakim) di bawah tajuk *Voorschriften en gezegden van allerlei aard, ontleend uit den Rapang* (Peruntukan dan kata-kata daripada segala jenis, berasal daripada *Rapang*). *Rapang* (nasihat turun temurun yang bersumber daripada orang bijaksana) dipercayai sebagai pedoman bertindak bagi generasi belakang dan bagi orang-orang berkuasa atas sebarang amanah. Kedua-dua kandungan daripada *Lontara* berkenaan dijadikan rujukan perbincangan berkaitan kes-kes pembunuhan kerana *siri'*, putusan Mahkamah, dan pertimbangan hakim daripada sudut pandang adat tempatan.

[244]Ibid.

Penyelidik memerlukan sokongan penterjemah daripada *Lontara* ke Bahasa Indonesia berhubung *Lontara* bertulis dalam bahasa Makassar. Walaupun berasal daripada etnik Makassar dan dapat menggunakan dan bercakap bahasa Makassar, penyelidik tidak dapat membaca sastera Makassar. Sejak kecil penyelidik tinggal di luar Sulawesi Selatan dan tidak pernah belajar menulis sastera berkenaan.

Daripada sumber-sumber *Lontara* hanya dipilih peraturan-peraturan undang-undang adat jenayah yang dipandang akan memberi manfaat bagi penegakan hukum secara adil dan mengabaikan peraturan-peraturan yang bersifat feudalistik, diskriminasi kerana tidak sesuai lagi dengan semangat zaman sekarang. Seperti difahami, beberapa peraturan di dalam undang-undang adat yang terkandung dalam *Lontara* bersifat diskriminasi kerana membezakan hukuman bagi individu-individu menurut latar belakang status sosialnya. Peraturan seumpama itu penyelidik sengaja abaikan dan hanya fokus pada peraturan atau seksyen-seksyen yang bersesuaian dengan semangat zaman dan sistem demokrasi di Indonesia.

2) KUHP

Sumber kedua ialah KUHP yang mengandungi peraturan-peraturan berkaitan pelanggaran jenayah di Indonesia. Seperti mana difahami KUHP adalah warisan Belanda dan masih dikuatkuasakan sehingga kini. Walaupun beberapa kandungan KUHP tidak bersesuaian dengan undang-undang adat tempatan

terutamanya peraturan berkaitan pelanggaran kesusilaan, undang-undang berkenaan tetap dipertahankan. Terdapat lakuna mendalam antara KUHP dan undang-undang adat sehingga memerlukan kebijaksanaan daripada pelaksana undang-undang positif berkenaan.

KUHP mengandungi 569 seksyen. Bab berkaitan jenayah yang boleh berhubungan dengan *siri'* adalah bab berkaitan kejahatan kesusilaan mengandungi 25 seksyen. Sedangkan bab berkaitan kejahatan terhadap nyawa terdiri daripada 13 seksyen. Namun demikian, hanya beberapa seksyen yang dibincangkan di dalam penyelidikan ini iaitu seksyen 284 berkaitan perbuatan zina dan seksyen 285 berkaitan rogol. Terdapat juga peruntukan mengenai kejahatan kesusilaan di depan orang lain iaitu seksyen 281 dan perbuatan cabul (seksyen 289), serta seksyen 294 berkaitan kejahatan terhadap mahram. Kejahatan terhadap nyawa dibincangkan dua seksyen iaitu seksyen 338 berkaitan pembunuhan biasa dan seksyen 340 berkaitan pembunuhan terancang.

b. Keputusan Mahkamah

Keputusan Mahkamah adalah dokumen rasmi yang mengikat pihak yang terlibat dengan kes berkenaan. Ia merupakan sumber undang-undang di Indonesia. Oleh itu dokumen berkenaan dipandang sebagai bahan otentik.[245] Keputusan Mahkamah di sini adalah pernyataan hakim yang dituangkan dalam bentuk tertulis

[245]Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta : Gramedia Pustaka Utama, 1991), 56.

dan diucapkan oleh hakim dalam sidang terbuka untuk umum sebagai hasil daripada pemeriksaan perkara jenayah. Tujuan diadakannya keputusan pengadilan adalah untuk mengakhiri atau menyelesaikan suatu perkara atau suatu sengketa antara para pihak. Pengutkuasaan keputusan mahkamah itu diatur dalam seksyen 1 angka 11 KUHAP atau Kitab Undang-Undang Tatacara Jenayah.

Dokumen keputusan mahkamah mengandungi maklumat lengkap mengenai pelaku jenayah, latar belakang kes pembunuhan, pertimbangan hakim dan keputusan yang dijatuhkan. Dokumen inilah satu-satunya sumber maklumat berkaitan peristiwa pembunuhan kerana *siri'*, pelaku pembunuhan dan punca ia melakukan tindakan bunuh. Sekiranya ada cara lain bagi menemukan maklumat berkaitan pelaku dan sepertimana kes itu berlaku, cara itu pun sukar dilakukan kerana pelaku sudah berada dalam penjara di mana akses ke dalamnya tidaklah mudah.

Universiti Utara Malaysia

c. Hasil Temu Bual dan Perbincangan Kumpulan Fokus

Dalam penyelidikan ini yang dikategorikan sebagai data primer juga adalah hasil temu bual dengan para hakim mahkamah di jabatan Mahkamah yang menjadi sampel penyelidikan. Keaslian temu bual terletak pada sifat maklumat diperolehi daripada tangan pertama sehingga lebih murni dan dapat dipercayai. Keaslian dan keterpercayaan bagaimana pun harus disokong kejujuran penyelidik. Penyelidik memiliki cara tersendiri bagi menjaga keaslian dan menjamin kejujuran, iaitu menuliskan hasil temu bual menurut apa adanya, sekiranya perlu,

dengan menggunakan bahasa sumber maklumat. Hal ini dapat dilakukan didukung catatan lapang (*field notes*) yang lengkap. Selain bersumber daripada hasil perbincangan, catatan lapang juga diperolehi daripada maklumat berkaitan suasana dan *setting* temu bual.

Selain itu, data primer juga dikumpulkan menerusi perbincangan kumpulan fokus daripada tokoh masyarakat di tempat tertentu. Sifat data yang diperolehi daripada Perbincangan Kumpulan Fokus tidak bebeza data diperolehi dengan cara temu bual. Kedua-dua maklumat didapati dari tangan pertama informan, tiada menerusi orang lain. Kelebihan metod ini terletak pada partisipannya yang banyak sehingga maklumat lebih kaya dan lebih mendalam. Bagi menjamin keaslian hasil FGD (*focus group discussion*) selain menggunakan alat rakam (*tape recorder*) juga penyelidik menyiapkan seorang pencatat (*note taker*) hasil perbincangan. Hal ini perlu dilakukan guna menjaga kemungkinan kegagalan (*eror*) alat rakam sehingga keaslian maklumat hilang.

3.3.2. Data Sekunder

Data sekunder ialah data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik lain. Ia adalah data yang awalnya dikumpul pada masa lepas untuk tujuan lain tetapi ia sesuai digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang dijalankan oleh penyelidik masa kini. Ia adalah maklumat atau bahan terbitan yang dikumpul oleh individu atau penyelidik lain dan bukannya penyelidik yang sedang melakukan kajian

sekarang ini.[246] Dalam penyelidikan undang-undang, bahan-bahan sekunder berupa semua penerbitan berkaitan undang-undang yang bukan merupakan dokumen rasmi, seperti buku-buku teks, kamus-kamus undang-undang, dan komentar-komentar atas keputusan mahkamah.[247]

Ulasan karya yang berkaitan langsung tajuk penyelidikan ini masih sukar ditemui di perpustakaan-perpustakaan kerajaan atau universiti. Kajian mengenai *siri'* belum menarik minat banyak pengkaji undang-undang. Oleh itu, tulisan mengenai topik ini juga masih baru dan sekiranya pun ada ia hanya menyentuh skop yang sesuai dengan fokus dan perhatian mereka sahaja.

Semua data yang bersumber daripada ulasan karya dimasukkan sebagai data sekunder. Data sekunder juga mencakupi dokumen yang diperolehi di Jabatan Mahkamah Kerajaan selain keputusan Mahkamah. Maklumat mengenai jumlah dan latar belakang hakim disediakan oleh Jabatan Mahkamah berkenaan. Disebut data sekunder kerana maklumat berkenaan bersumber daripada tangan kedua atau data tidak diperolehi penyelidik secara langsung daripada orang yang menjadi sumber maklumat.

Universiti Utara Malaysia

3.4. Pensampelan

Sesuatu populasi terlalu banyak untuk dikaji. Oleh itu, hanya sebahagian sahaja daripada populasi dipilih untuk dikaji yang dirujuk sebagai sampel. Maka sampel adalah sebahagian daripada populasi.[248] Populasi penyelidikan ini adalah 22 Mahkamah Negeri yang ada di Sulawesi Selatan. Walaupun sekarang terdapat

---

[246]Ibid.

[247]Marzuki, 141.

[248]Marican, 92.

24 daerah kabupaten/kota di Wilayah Sulawesi Selatan, tidak semua daerah memiliki jabatan Mahkamah. Kabupaten berkenaan termasuk daerah yang baru sahaja dibuka. Pembukaan wilayah kabupaten antaranya berlaku di Kabupaten Luwu dan Kabupaten Tana Toraja. Wujudnya kabupaten baru secara tidak langsung turut ditubuhkan Jabatan Mahkamah sebab kekuasaan pembukaannya dijalankan oleh Kerajaan Tingkat Pusat. Berikut ini adalah nama-nama Jabatan Mahkamah Negeri di wilayah ini.

Jadual 3.1 *Mahkamah Negeri di Sulawesi Selatan*

Nama Mahkamah	Daerah
1. Mahkamah Negeri Makassar	Bandar Makassar
2. Mahkamah Negeri Watampone	Bone
3. Mahkamah Negeri Maros	Maros
4. Mahkamah Negeri Bulukumba	Bulukumba
5. Mahkamah Negeri Makale	Tana Toraja
6. Mahkamah Negeri Sungguminasa	Gowa
7. Mahkamah Negeri Palopo	Palopo
8. Mahkamah Negeri Bantaeng	Bantaeng
9. Mahkamah Negeri Pare-Pare	Kota Pare-Pare
10. Mahkamah Negeri Sengkang	Wajo
11. Mahkamah Negeri Watan Soppeng	Soppeng
12. Mahkamah Negeri Barru	Barru
13. Mahkamah Negeri Enrekang	Enrekang
14. Mahkamah Negeri Jeneponto	Jeneponto
15. Mahkamah Negeri Pangkajene	Pangkajene Kepulauan
16. Mahkamah Negeri Pinrang	Pinrang
17. Mahkamah Negeri Selayar	Selayar
18. Mahkamah Negeri Sidenreng	Sidenreng Rappang
19. Mahkamah Negeri Sinjai	Sinjai
20. Mahkamah Negeri Takalar	Takalar
21. Mahkamah Negeri Masamba	Luwu Utara
22. Mahkamah Negeri Malili	Luwu Timur

Sumber : Jabatan Mahkamah Tinggi Sulawesi Selatan, 2014.

Daripada 22 Jabatan Mahkamah berkenaan telah dipilih 7 (tujuh) di antaranya sebagai sampel atau daerah kes. Jenis sampel yang telah digunakan

dalam penyelidikan ini ialah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pensampelan bertujuan merupakan salah satu jenis pensampelan di mana penyelidik menggunakan pertimbangannya sendiri untuk memilih informan yang sesuai dengan tujuan kajiannya.[249]

Jabatan Mahkamah yang telah dipilih adalah Mahkamah Makassar, Mahkamah Sungguminasa, Mahkamah Takalar, Mahkamah Jeneponto, Mahkamah Bantaeng, Mahkamah Maros, dan Mahkamah Pangkajene. Mahkamah-Mahkamah itu dipilih secara *purposive* berdasarkan pertimbangan sebahagian besar penduduk di mana Mahkamah-Mahkamah merupakan daerah-daerah yang berlatarbelakang etnik Makassar. Untuk alasan tertentu, daerah dengan etnik Makassar dipilih kerana mempunyai latar belakang budaya *siri'* yang kuat. Makassar juga pernah mempunyai kerajaan tersendiri sebelum kemerdekaan, iaitu Kerajaan Gowa. Kerajaan ini menguasai sebahagian besar wilayah Sulawesi Selatan. Di bawah Kerajaan Gowa inilah berlaku undang-undang adat berkaitan *siri'*, yang kesannya masih berlangsung sehingga kini.

Berasaskan statistik pada Jabatan Mahkamah Negeri pada tujuh daerah dan bandar yang menjadi sampel penyelidikan ini tahun 2014 terdapat 79 hakim yang bertugas pada Jabatan-jabatan Mahkamah berkenaan. Mereka berasal daripada pelbagai daerah di Indonesia. Jadual di bawah ini menunjukkan jumlah dan variasi daerah asal para hakim.

[249]Ibid, 105.

Jadual 3.2 *Latar Belakang Hakim Berdasar Daerah Asal*

Mahkamah	Asal Sulsel	Asal Luar Sulsel	Jumlah
Makassar	13	14	27
Maros	1	9	10
Pangkajene	6	4	10
Takalar	3	6	9
Sungguminasa	4	5	9
Jeneponto	2	5	7
Bantaeng	2	5	7
Jumlah	31	48	79

Sumber : diolah daripada Data Jabatan Mahkamah Negeri Tempatan, tahun 2014

Jika diklasifikasi daripada 79 hakim yang bertugas di Jabatan Mahkamah Negeri yang menjadi kes penyelidikan ini, hanya 31 (39, 24 peratus) individu hakim yang berasal dari daerah Sulawesi Selatan. Sebanyak 47 individu (60, 76 peratus) lainnya berasal dari luar kawasan Sulawesi Selatan. Data ini menunjukkan bahawa para hakim yang bertugas pada jabatan Mahkamah negeri di daerah penyelidikan lebih banyak berasal dari daerah di luar kawasan Sulawesi Selatan.

Sampling dalam penyelidikan kualitatif lebih bersifat selektif berdasarkan keperluan dan keingintahuan penyelidik mengenai sesuatu kajian. Sampling disyaratkan dapat mewakili karakteristik empiris dan diarahkan bagi usaha generalisasi teoritis. Oleh itu sampling tidak ditekankan pada pengutipan besaran jumlah yang mewakili populasi melainkan keterwakilan karakter populasi.[250] Dengan kata lain, banyaknya sampel ditentukan tepuhnya maklumat yang diperolehi dari temu bual.

[250]Ahmad, *Dasar-Dasar Metodologi Penelitian Kualitatif*, 104.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik mengambil sampel sebanyak 27 individu untuk ditemu bual atau 34 peratus. Sampel berkenaan ditentukan secara bertujuan (*purposive*) dengan mengambilkira latar belakang daerah asal para hakim sama ada dari kawasan Sulawesi Selatan atau berasal dari luar kawasan ini. Walaupun penyelidikan kualitatif tidak mensyaratkan wujudnya sampel dalam jumlah tertentu melainkan populasi oleh sampel dengan karakteristik tertentu, jumlah sampel berkenaan diperlukan bagi meningkatkan kualiti maklumat yang diperolehi. Oleh yang demikian itu, diharapkan boleh memberikan gambaran mengenai persepsi mereka berkaitan *siri'* dan arah keputusan yang mereka ambil dalam pembicaraan perkara pembunuhan bermotifkan *siri'*.

Daripada 27 sampel hakim berkenaan ditemui klasifikasi hakim berdasar daerah asal sebagai berikut.

Jadual 3.3 *Klasifikasi Hakim Sampel Berdasar Daerah Asal*

Asal Daerah Hakim	Jenis Jantina		Jumlah
	Lelaki	Wanita	
Sulawesi Selatan	5	8	13
Luar Sulawesi Selatan	12	2	14
Jumlah	17	10	27

Sumber : diolah daripada data temu bual.

Jadual berkenaan menunjukkan sebanyak 52 peratus hakim berasal dari luar daerah Sulawesi Selatan, manakala individu-individu hakim dari Sulawesi Selatan hanya 48 peratus. Daripada jenis jantina, para hakim sebanyak 37 peratus adalah hakim wanita.

3.5 Kaedah Pengutipan Data

Penyelidikan sosial dapat mencipta realiti yang memenuhi ruang dan tempat data-data empiris dikumpulkan dan dianalisis. Di tempat inilah praktik *interpretif* daripada penyelidikan kualitatif dapat diterapkan. Praktik inilah yang kemudian disebut kaedah dan teknik memproduksi data-data empiris. Penyelidik mengguna tiga jenis pengutipan data dalam penyelidikan ini, iaitu kajian dokumentasi, temu bual, dan perbincangan kumpulan fokus.

3.5.1 Kajian Dokumentasi

Pengumpulan data melalui dokumen diselarikan dengan dua jenis bahan undang-undang berkenaan. Sumber data utama yang telah digunakan adalah dokumen keputusan Mahkamah di institusi penguatkuasaan undang-undang jenayah, iaitu Jabatan Mahkamah. Dokumen yang dimaksud khasnya mengenai keputusan Mahkamah dalam kes pembunuhan kerana *siri'*. Jenis dokumen sebagai sumber data primer juga telah diambil dari *Lontara* yang memuatkan undang-undang adat tempatan.

Kerana penyelidikan ini memberi tumpuan pada kes pembunuhan yang sudah mempunyai keputusan di Mahkamah, maka prosedur pengumpulan datanya adalah pertama, mencari keputusan kes-kes pembunuhan secara am di institusi Mahkamah di daerah sampel. Setelah mendapati kes-kes pembunuhan am, penyelidik melakukan analisis kes pembunuhan kerana *siri'*. Kes ini kemudian dianalisis keputusannya dan kuasa budi bicara hakim sebagai pemutus hukum. Penyelidik menemui empat keputusan Mahkamah berkaitan kes pembunuhan kerana siri', iaitu :

Universiti Utara Malaysia

Jadual 3.4 *Dokumen Keputusan Mahkamah Yang Dikaji*

Jabatan Mahkamah Negeri	Nombor	Tahun
Makassar	No.784/Pid.B/2011/PN.Mks	2011
Sungguminasa	No.66/Pid.B/2012/PN.Sungg.	2012
Jeneponto	No.99/Pid.B/2014/PN.Jo.	2014
Pangkejene	No.130/Pid.B/2013/PN.Pangkajene	2013

Suatu kes pembunuhan kerap membabitkan beberapa orang sebagai pelaku. Para pelaku kemudian ada yang terbukti bersalah dan ada yang tidak bersalah. Para tertuduh biasanya memerlukan dokumen keputusan Mahkamah sendiri, sehingga satu kes boleh terdiri daripada beberapa dokumen keputusan. Bagi keperluan penyelidikan ini, penyelidik hanya memilih satu di antara dokumen-dokumen berkenaan untuk dikaji. Penetapan dokumen untuk dipilih dalam kajian didasarkan pada peranan pelaku. Penyelidik memilih dokumen daripada pelaku utama daripada kes berkenaan.

Universiti Utara Malaysia

3.5.2 Temu Bual

Temu bual adalah salah satu peringkat metodologi yang digemari bagi penelitian kualitatif. Ia merupakan bentuk perbincangan, seni bertanya dan mendengar, sebuah peringkat untuk memproduksi pemahaman situasional yang bersumber daripada serangkaian interaksional khusus. [251] Secara teknikal, temu bual ialah satu situasi yang mana penemu bual bertanya soalan pada seseorang atau lebih responden secara bersemuka. Jenis temu bual yang digunakan ialah temu bual bersemuka (*face to face*). Temu bual bersemuka ialah salah satu

[251]Denzin, Yvonna S. Lincoln, 454.

daripada cara pengumpulan data yang dilakukan dengan menemu bual secara langsung responden yang dipilih sebagai subjek kajian.[252] Penyelidik juga menggunakan metod temu bual terhadap para hakim untuk melakukan pendalaman terhadap pemahaman hakim mengenai *siri'* pada amnya. Temu bual merupakan suatu proses interaksi di antara penemubual dengan respondennya. Tujuannya ialah untuk mendapatkan data-data penting, bertukar-tukar fikiran dan pengalaman.[253] Hal ini perlu dilakukan kerana pemahaman hakim berkaitan *siri'* akan berkesan kepada keputusan yang diambilnya. Selain itu, dianalisis juga, adakah *siri'* diambilkira di dalam keputusan para hakim untuk kes pembunuhan kerana *siri'*.

Temu bual yang telah digunakan adalah temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Temu bual berstruktur digunakan pada situasi ketika penyelidik mengajukan soalan terhadap responden berdasarkan kategori jawapan tertentu. Sedangkan temu bual tidak berstruktur memberikan ruang yang lebih luas dibandingkan dengan jenis temu bual yang lain.[254] Kedua-dua jenis temu bual ini digunakan sesuai dengan situasi di lapangan. Kedua-duanya dilakukan secara bersemuka antara penyelidik dengan responden. Temu bual yang dilakukan membabitkan hakim-hakim berkenaan di tujuh Jabatan Mahkamah dengan

[252]Ibid, 123.

[253]Abu Hassan Othman, "Masalah Penyelidikan di Kota : Suatu Analisis Ringkas" dalam Wan Hasyim et.al., ed. *Kaedah Penyelidikan Sosial : Suatu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar.* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980), 7.

[254]Andrea Pontana dan James H. Frey, "Wawancara : Seni Ilmu Pengetahuan", dalam Norman K Denzin dan Yvonna S. Lincoln,504,507.

terlebih dulu membuat rayuan mengadakan temu bual mengenai masa dan tempat temu bual. Kesibukan dan kod etika hakim merupakan salah satu kekangan dalam temu bual.

Kebanyakan temu bual dalam penyelidikan kualitatif bersifat terdedah (*open ended*) dan mendalam (*indepth interviewing*). Oleh itu, bentuk soalan terdiri daripada soalan-soalan yang sedemikian rupa bentuknya sehingga responden atau informan tidak terbatas dalam jawapan-jawapannya. Penyelidik telah menggunakan jenis temu bual terdedah berkenaan dalam penyelidikan ini. Namun demikian, agar temu bual terarah dan fokus, penyelidik juga menggunakan pedoman temu bual (*interview guide*). Pedoman ini berisi soalan-soalan yang ditanyakan kepada responden. Soalan berkenaan dibentuk berdasarkan tema yang disediakan oleh penyelidik.[255]

Tema yang dimaksud di sini ialah soalan pokok dalam penyelidikan ini, terutama tema berkaitan (1) pandangan hakim mengenai implementasi Undang-Undang RI No. 48 Tahun 2009 (seksyen 5) berkaitan Bidangkuasa Kehakiman (2) pemahaman hakim berkaitan *siri'*, (3) apakah hakim memiliki pengalaman membicarakan kes pembunuhan *siri'* selama mereka bertugas di Mahkamah di Sulawesi Selatan, dan (4) bagaimana hakim mempertimbangkan aspek *siri'*dalam menjatuhkan berat ringannya hukuman bagi pelaku pembunuhan.

[255]Ahmad, *Dasar-Dasar Metodologi Penelitian Kualitatif*, 107.

Instrument temu bual dibangun di atas pokok-pokok masalah penyelidikan. Item pertama bersumber daripada soalan penyeledikan berkaitan kefahaman hakim mengenai peraturan kerajaan yang membolehkan hakim menggali undang-undang yang hidup dalam masyarakat. Item kedua, bersumber daripada soalan penyelidikan berkaitan kefahaman hakim mengenai *siri'*. Item berikutnya berkaitan soalan penyelidikan berkaitan apakah hakim mengambilkira motif pembunuhan *siri'* dalam menetapkan hukuman.

3.5.3 Perbincangan Kumpulan Fokus

Penyelidik telah melakukan perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion* (FGD) dalam penyelidikan ini. FGD adalah suatu perbincangan yang membabitkan sekelompok orang guna mendalami sesuatu topik secara terfokus dan terhad. FGD bukan temu bual terhadap sekumpulan individu melainkan keseluruhan proses dan perkembangan kelompok. Metod ini dilakukan bila penyelidik ingin memperoleh data yang lebih mantap sekaligus juga membabitkan matlamat kesahan data. Bila penyelidik memerlukan pembahasan daripada pelbagai perspektif individu, maka metod ini perlu digunakan.[256]

Kemanfaatkan FGD iaitu (1) boleh mendeskripsikan dan menjelaskan suatu topik tertentu; (2) digunakan bagi mengumpul *explanatory data*; (3) digunakan bagi memahamkan konteks suatu kejadian; (4) digunakan bagi mengungkap sikap dan pengetahuan tersembunyi; (5) boleh mengumpulkan

[256]Ibid, 120.

maklumat lebih cepat berbanding temu bual; dan (6) memungkinkan interaksi langsung sesama peserta perbincangan.[257]

Penyelidik melaksanakan FGD membabitkan tokoh masyarakat di Jabatan Kelurahan Bontonompo Daerah Gowa. Bontonompo Kabupaten Gowa dipilih untuk lokasi FGD berhubung daerah berkenaan dikenali sebagai daerah adat dan memiliki organisasi atau lembaga adat yang diberi nama Perlembagaan Adat Iyuseng Daeng Mallingkai. Lembaga ini bertujuan terutamanya bagi melestarikan nilai-nilai adat dan memperkukuh persatuan bagi pembangunan bangsa. Jumlah penyertaan sebanyak 20 individu terdiri daripada tokoh adat, tokoh agama, tokoh wanita dan tokoh pemuda.

Di antara tokoh adat yang hadir sebagai peserta FGD adalah ketua Lembaga Adat berkenaan dan tokoh adat lainnya, iaitu tokoh adat biasanya sekaligus menduduki jabatan Kepala Kampung dan individu-individu yang dituakan di tempat itu. Sementara itu, tokoh agama adalah Imam *Kelurahan* dan para Imam Kampung. Mereka ditugaskan Pemerintah Daerah tempatan untuk mengurusi dakwah Islam, melaksanakan pernikahan warga dan menguruskan masjid-masjid. Tokoh wanita biasanya isteri kepada para orang-orang dituakan dan pengerusi organisasi wanita, manakala tokoh pemuda mewakili organisasi pemuda di kawasan berkenaan. FGD dilakukan di Jabatan Kelurahan tempatan dan membabitkan Lurah sebagai Kepala Pemerintahan Kelurahan berkenaan. FGD berlangsung tarikh 15 Ogos 2011 bermula jam 8 sehingga 13.00 tengah hari.

[257]Ibid.

Maksud FGD dilakukan ialah menggali kefahaman tokoh masyarakat berkaitan *siri'* yang berlaku di komuniti tempatan. Penyelidik dibantu seorang rakan bagi merakam hasil diskusi menggunakan *tape recorder.* Menerusi perbincangan terhad ini penyelidik mampu memahami makna *siri'* serta pelbagai komen mengenai banyak kes yang membabitkan pelanggaran *siri'* sebagai suatu nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat tempatan.

Soalan yang dibincangkan dalam FGD adalah (1) bagaimanakah pandangan masyarakat mengenai makna *siri'* yang sebenarnya ? (2) Bagaimanakah *siri'* dikaitkan dengan agama ? (3) Apakah *siri'* memiliki peringkat atau bagaimana ? (4) Apakah hukuman *siri'* selalu harus dengan pembunuhan atau ada cara lain ? (5) Bagaimanakah seseorang yang menyalahgunakan *siri'* (6) Apa jaminan bagi mereka yang menguatkuasakan *siri'* orang lain ? dan (7) Bagaimanakah tokoh masyarakat memandang kondisi *siri'* sekarang ini ?

3.6 Kaedah Penganalisaan Data

Analisis data adalah salah satu daripada langkah dalam proses penyelidikan. Ini kerana sesebuah penyelidikan tidak berakhir dengan pengumpulan data. Data yang diperolehi haruslah dinyatakan dalam bentuk pengetahuan.[258]

[258]Marican, 234.

Dalam penyelidikan kualitatif dikenal ada dua strategi analisis data yang kerap digunakan bersama-sama atau secara terpisah, iaitu model strategi analisis deskriptif kualitatif dan model strategi analisis verifikatif kualitatif.[259] Salah satu bentuk analisis yang sesuai dengan penyelidikan pelaksanaan undang-undang jenayah dalam kes-kes pembunuhan kerana *siri'* ini adalah analisis kandungan (*content analysis*). Analisis kandungan sering digunakan dalam analisis-analisis verifikasi. Penyelidik memulai analisisnya dengan menggunakan lambang-lambang (termasuk tulisan), mengklasifikasi data berkenaan dengan kriteria-kriteria tertentu serta melakukan prediksi dan analisis data dengan teknik tertentu pula.[260]

Analisis kandungan merupakan salah satu analisis data sekunder, iaitu membuat analisis ke atas bahan yang sedia ada. Analisis kandungan bertujuan mencari tema-tema khusus atau pun tema am daripada bahan-bahan sekunder dalam bentuk tulisan ataupun lisan.[261] Walaupun merupakan bahan-bahan tertulis, analisis kandungan dalam penyelidikan ini dilakukan terhadap data-data primer, iaitu keputusan Mahkamah, undang-undang tertulis dalam *Lontara*, dan peraturan-peraturan dalam KUHP.

Penyelidik telah melakukan analisis kandungan ke atas keputusan Mahkamah dalam kes-kes pembunuhan kerana *siri'*. Analisis kandungan berawal daripada kefahaman secara menyeluruh kisah di balik berlakunya pembunuhan. Daripada kisah berkenaan penyelidik mengidentifikasi kes itu apakah tepat

---

[259]Bugin, 84.

[260]Ibid, 85.

[261]Marican, 241

dikategorikan sebagai kes *siri'* atau bukan. Jika dokumen keputusan tidak berkaitan kes *siri'*, penyelidik mengabaikan dokumen berkenaan dan berusaha mencari dokumen lainnya. Sebaik menemui kes yang benar-benar berlatarbelakang *siri'* barulah diadakan analisis mengenai keputusan hakim dikaitkan dengan kedua-dua undang-undang yang sedia ada iaitu *Lontara* dan KUHP. Penyelidik mengkaji keputusan hakim untuk memastikan hakim mengambil kira motif *siri'* dalam kes pembunuhan yang didapati di Mahkamah berkenaan.

Bahagian yang paling penting daripada langkah analisis undang-undang adalah proses menjawab isu penerapan undang-undang. Dalam proses berkenaan diperlukan *hujjah* undang-undang atau *giving reasons*[262]yang tingkatannya boleh berbeza-beza. Untuk melakukan hal berkenaan diperlukan serangkaian kegiatan proses analisis data. Analisis data ini terdiri atas tiga sub-proses yang saling terkait, iaitu reduksi data, penyajian data dan pengambilan kesimpulan/verifikasi.[263]

Analisis data dilakukan di lapangan dengan bergerak di antara data, reduksi data, penyajian data, dan kesimpulan. Reduksi data merupakan pemilihan, pemfokusan, penyederhanaan dan abstraksi data daripada *fieldnotes*. Proses ini berlangsung terus sepanjang pelaksanaan kajian, bahkan bermula prosesnya sebelum pelaksanaan pengumpulan data. Proses reduksi data ini berlangsung terus hingga laporan akhir kajian selesai ditulis. Reduksi data adalah bahagian analisis,

[262]Hadin Muhjad dan Nunuk Nuswadani, *Penelitian Hukum Indonesia Kontemporer* (Yogyakarta : Genta Publishing, 2012), 58.

[263]Denzin dan Yvonna S. Lincoln. 592.

membuang perkara yang tidak penting dan mengatur data sedemikian rupa sehingga kesimpulan akhir dapat dilakukan. Kegiatan analisis data dapat dilihat pada rajah berikut ini :



Rajah 3.1 Komponen analisis data : model interaktif[264]

Sajian data adalah organisasi maklumat yang membolehkan kesimpulan kajian dapat dilakukan. Sajian data meliputi rangkaian *deskriptif* yang dikaitkan sedemikian rupa sehingga memperlihatkan satu kesatuan yang utuh. Kesemuanya itu dirancang untuk membentuk maklumat secara teratur supaya mudah dilihat dan difahamkan dalam bentuk yang jitu.

Pada amnya, kaedah penganalisaan data dibahagikan ke dalam analisis deduktif, induktif dan komparatif. Jenis-jenis analisis ini sangat penting dalam usaha penarikan kesimpulan.

[264]A. Michael Huberman dan Mattew B. Miles, "Manajemen Data dan Metode Analisis," dalam Denzin dan Yvonna S. Lincoln, 592.

a. Analisis deduktif.

Analisis deduktif merupakan cara yang berpunca pada suatu peristiwa am, yang kebenarannya telah diketahui atau diyakini, dan berakhir pada suatu kesimpulan atau pengetahuan baru yang bersifat lebih khas. Langkah-langkah ini bermula daripada asas teori atau konsep. Bagi memahami suatu gejala terlebih dahulu harus mempunyai konsep dan teori berkaitan gejala berkenaan sebelum mengambil kesimpulan. Dengan demikian, dalam kaedah deduktif, konsep dan teori merupakan kata kunci untuk memahami suatu gejala. Dengan kata lain, kaedah deduktif adalah penyelidikan yang bermula daripada prinsip-prinsip asas. Kemudian penyelidik menghadirkan objek yang hendak dikaji. Ringkasnya prosedur penyelidikan berangkat daripada teori kemudian membuktikan dengan data menerusi observasi.[265]

Penyelidik telah menggunakan analisis deduktif yang bermula daripada memahami undang-undang yang berkaitan dengan pembunuhan, sama ada undang-undang adat tempatan atau undang-undang jenayah Kerajaan. Undang-undang adat berkenaan telah dijadikan dasar bagi menentukan klasifikasi kes-kes pembunuhan yang dibicarakan di Mahkamah apakah kes bekenaan boleh dikategorikan kes *siri'* atau bukan. Sementara itu, undang-undang jenayah Kerajaan (KUHP) telah dijadikan asas bagi mengetahui seksyen-seksyen yang patut dikenakan ke atas pelaku tindakan bunuh dan ancaman hukuman yang

[265]Muhjad dan Nunuk Nuswadani, 42-43.

sesuai. Kesimpulan yang diambil daripada analisis deduktif adalah sesuatu yang bersifat am kemudian kepada sesuatu yang lebih khas.

b. Analisis Induktif

Kaedah analisis induktif merupakan prosedur yang berpunca daripada peristiwa khas sebagai hasil pemerhatian empirik dan berakhir pada suatu kesimpulan atau pengetahuan baru yang bersifat am. Dalam hal ini, kaedah *induktif* merupakan kebalikan daripada kaedah *deduktif.* Teori bukan merupakan keperluan mutlak tetapi kecermatan dalam menangkap gejala dan memahami gejala merupakan kunci kejayaan untuk dapat mendeskripsikan gejala dan melakukan secara menyeluruh. Dengan kata lain, dalam metode induktif, penyelidik menjumpai fakta atau gejala di lapangan. Daripada fakta atau gejala itu kemudian dicuba diabstraksikan dan dicari prinsip-prinsip untuk dibina suatu kesimpulan.[266]

Universiti Utara Malaysia

Penyelidik telah menggunakan analisis induktif menerusi penelusuran maklumat yang khas dan berasingan di lapangan kemudian menjadikan suatu kesimpulan am. Fakta-fakta di lapangan berupa keputusan Mahkamah di daerah-daerah sampel memperlihatkan perbezaan-perbezaan sesuai dengan latar belakang hakim dan keunikan kes-kes pembunuhan. Penyelidik kemudian mengambil kesimpulan am daripada kes-kes khas berkenaan.

[266]Ibid.

Kedua-dua kaedah berkenaan di atas (*deduktif* dan *induktif*), seolah-olah merupakan cara berfikir yang berbeza dan berasingan. Tetapi dalam pelaksanaannya, antara berangkat daripada teori atau berangkat daripada fakta empirik merupakan lingkaran yang tidak terasingkan. Kalau kita bercakap teori sebenarnya kita sedang mengandaikan fakta dan kalau berbicara fakta maka kita sedang mengandaikan teori. Dengan demikian, untuk mendapatkan pengetahuan saintifik kedua-dua kaedah berkenaan boleh digunakan secara bersesama dan saling mengisi, dan dilaksanakan dalam suatu wujud kajian yang menggunakan langkah-langkah saintifik dan kaedah-kaedah logik.

Dalam banyak hal kaedah di atas telah banyak digunakan oleh para fuqaha di tempoh yang lampau. Kaedah deduktif tidak lain daripada kaedah *istinbat* yang memetik kesimpulan khusus dalil-dalil umum yang terkandung di dalam sumber naqli. Kaedah induktif disamakan dengan kaedah *istiqra'i* yang memetik kesimpulan undang-undang umum yang dihasilkan daripada fakta-fakta khusus, terutamanya terhadap sesuatu masalah yang tidak ada peruntukan nasnya daripada Qur'an dan sunnah.[267]

c. Analisis Komparatif

Kaedah ketiga adalah dengan cara perbandingan, biasa juga disebut kaedah kausal komparatif. Selain melihat hubungan sebab-akibat, komparatif juga melihat perbandingan antara satu kes dengan kes lain dalam masa yang sama, atau

[267]Rahimin Affandi Abdul Rahim, *" Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini : Satu Pengenalan*", Jurnal Syariah, Jilid 10 (Januari 2002), 8.

kes yang sama dalam masa berbeza. Analisis ini telah digunakan penyelidik bagi membandingkan kes-kes pembunuhan kerana *siri'* yang ditemui di lapangan sama ada daerah atau tempoh kejadian berlaku. Perbandingan antara satu kes dengan kes lainnya di daerah dan tempoh berbeza memudahkan penyelidik membuat kesimpulan.

3.7 Kesimpulan

Reka bentuk penyelidikan ini adalah kajian kes. Kajian kes dilakukan dengan cara mengkaji kes-kes pembunuhan kerana *siri'* yang dibicarakan di Mahkamah. Dasar utama kajian kes adalah kuasa budi bicara hakim ke atas kes pembunuhan kerana *siri'*. Skop kajian meliputi daerah Sulawesi Selatan dengan mengambil sampel tujuh daerah/bandar. Segi tempoh, skop kajian ini mencakup penyelidikan kes-kes pembunuhan kerana *siri'* yang perkaranya tercatat dan dibicarakan di Mahkamah Negeri tempoh lima tahun terakhir (tahun 2010 – 2014).

Data primer dalam penelitian ini ialah data yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik berupa hasil temu bual, hasil perbincangan kumpulan secara fokus, dan dokumen-dokumen keputusan ke atas kes pembunuhan kerana *siri'* di Mahkamah. Pensampelan yang digunakan ialah *purposive sampling* dengan mengambil tujuh daripada 22 Jabatan Mahkmah di di Sulawesi Selatan sebagai sampel. Sasaran penyelidikan adalah Jabatan Mahkamah di daerah-daerah berkenaan. Kaedah

pengutipan data yang digunakan adalah kajian dokumentasi, temu bual, dan perbincangan kelompok terfokus.

Sementara itu, analisis data yang digunakan adalah analisis kandungan untuk kajian dokumentasi. Data temu bual dianalisis dengan menggunakan tiga komponen analisis iaitu reduksi data, penyajian data, dan penarikan kesimpulan. Pembentukan kesimpulan menggunakan analisis deduktif, induktif, dan komparatif.

Universiti Utara Malaysia

BAB IV

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini dibahas tentang persepsi masyarakat tentang *siri'*, persepsi hakim tentang *siri'*, kes-kes bunuh kerana *siri'*, keputusan hakim terhadap kes-kes bunuh kerana *siri'*, analisis terhadap keputusan hakim ditinjau kalangan undang-undang adat dan undang-undang jenayat.

4.1 Persepsi Tokoh Masyarakat tentang *Siri'*

Bagi *siri'* sebagai sesuatu yang hidup di daerah tempatan, penyelidik melakukan penggalian nilai budaya berkenaan mengikut perspektif tokoh masyarakat tempatan. Mengungkap persepsi tokoh masyarakat tentang *siri'* ini penting sebagai jawapan terhadap soalan mengapa masih banyak kejadian kes bunuh kerana *siri'* berlaku di masyarakat ?

a. Kewujudan *Siri'*

Salah seorang budayawan mengatakan bahawa semua manusia mempunyai rasa *siri'* dalam dirinya, kerana *siri'* itu bersifat universal dan kodrati. Namun, berbeza dengan bangsa lain, bagi manusia Makassar *siri'* diabadikan dalam institusi sosial. Aspek penghayatan, pengamalan dan implementasinya lebih mendalam dan mendasari seluruh perilaku sosial dan budayanya.

> *Siri'* hanya satu iaitu mendidik tentang harga diri, rasa malu, menjaga maruah dan mengajarkan tentang *pacce* iaitu kesetiaan, cinta persaudaraan,

kerelaan berkorban dan solidariti. Lebih lanjut dijelaskan, menjadi manusia Bugis-Makassar harus berani kerana sifat berani itulah yang dapat mengawal *siri'*. *Siri'* mengajarkan kepada orang Bugis-Makassar supaya berani, teguh pada pendirian, berani mengambil risiko demi kebenaran tanpa mengira kesannya.[268]

Siri' juga diertikan secara mikro seolah-olah sama dengan perbuatan kekerasan. Padahal itu hanya salah satu sudut kalangan wujud penguatkuasaan *siri'*, sebab ada juga orang menguatkuasakan *siri'* atas alasan yang pelbagai, misalnya dengan bekerja keras, belajar sungguh-sungguh dan mencari rezeki yang halal. Hakikatnya siri' membentuk peribadi menjadi semakin jujur, kuat, adil, berakhlak mulia dan apabila perkataan seiring dengan perbuatan, maka semakin tinggilah kadar *siri'*dimiliki seseorang."[269]

Siri' pada pandangan budayawan ini tidak berbeza dengan makna *siri'* yang diberikan oleh para pakar lainnya, sebagaimana dibahaskan dalam bab dua tentang ulasan karya. Hanya sebagai tambahan bahawa, *siri'* mempunyai daya pendorong yang sangat kukuh, kekuatan dari dalam yang tidak kelihatan yang terkesan pada perilaku tentang dua kes : (1) bersifat positif, berbuat baik, sabar, kerja keras, berfikir keras, kerana mahu menonjolkan *siri'*nya, *siri'* keluarganya, *siri'* kampungnya, atau *siri'* agamanya. Ini yang melahirkan semangat kerja dan berfikir yang luar biasa; (2) bersifat negatif, iaitu sangat cepat tindak balas, emosional, semangat juang yang berlebihan. Keadaan ini membawa kepada tindakan pembunuhan yang tidak pada tempatnya.

---

[268]Nurhayati Rahman, pakar *Lontara,*temu bual oleh penyelidik, 7 Februari 2014, Makassar.

[269]Nurhayati Rahman, pakar *Lontara,*temu bual oleh penyelidik, 7 Februari 2014, Makassar.

Menurut penyelidik, pandangan pakar *Lontara* di atas menggambarkan *siri'* secara utuh dan holistik, dengan menyatakan bahawa, wujudnya *siri'* bukan hanya terkait dengan kes penodaan terhadap harga diri wanita seperti kefahaman biasa, melainkan *siri'* dalam pengertian luas, mencakupi semangat kerja dan kuat berusaha dalam mencari rezeki yang halal, dan membantu orang lain. S*iri'* yang bersifat tindakan-tindakan negatif akan merugikan pihak lain dan bercanggah dengan nilai-nilai agama dan budaya. Pandangan penyelidik, *siri'* harus dikembalikan kepada maknanya yang holistik dan hakiki dan tidak diskriminatif.

b. *Siri'* Pada Pandangan Ahli Agama

Siri' sebagai sebuah konsep bagi orang Makassar masih diiktiraf oleh masyarakat. Masyarakat mendakwa masih berpegang kepada nilai-nilai *siri'* sebagai warisan orang tua. *Siri'* dipandang sebagai pegangan hidup masyarakat. Salah satu faktor yang menjadi kesan bahawa *siri'* kekal terlaksana dan menjadi pegangan ialah wujudnya perkataan *siri'* dalam percakapan seharian. Di dalam masyarakat tiada ungkapan yang dapat mewakili perasaan malu yang mendalam dan pelanggaran terhadap harga diri kecuali konsep *siri'*.[270]

Mereka menganggap agama merupakan sebahagian kalangan *siri'*. Menghina simbol-simbol agama Islam, boleh menimbulkan pertumpahan darah.[271] Walaupun ada individu yang tidak menjalankan agama dengan baik maka

[270]Nur Akbar, tokoh pemuda, Perbincangan Kumpulan Fokus, 15 Ogos 2011, Bontonompo, Gowa.

[271]Haji Muh Rudini Daeng Tunru, tokoh agama, Perbincangan Kumpulan Fokus, 15 Ogos 2011, Bontonompo, Gowa.

bererti *siri'*nya kurang. Sesiapa yang tidak memiliki *siri'* maka tiada agamanya.[272]Apabila Raja Gowa memerintahkan para tentera untuk memerangi daerah-daerah yang tidak mahu menerima Islam, Raja tidak mengatakan berjihadlah kalian, akan tetapi dengan kata *paentengi siri'na agamaya* (kuatkuasakan *siri'* agama). *Siri'* di sini sama dengan istilah jihad. Malah konsep mahram dalam Islam diserap ke dalam budaya dengan istilah *tumasiri'*.[273] Ertinya, adat telah dimodifikasi oleh agama walaupun belum sepenuhnya, misalan, wujud dalam konsep *mabbajik* atau *islah* (berdamai). Konsep ini digunakan bagi keperluan mengakhiri dendam kerana *siri'*. Amir mengatakan :

> Sesiapa yang menguatkuasakan *siri'* bererti menguatkuasakan agama, demikian pula sebaliknya. Segala perbuatan yang membabitkan lelaki dan wanita bukan mahram tidak dengan ikatan rasmi menurut agama termasuk pelanggaran *siri'Siri'* dan agama merupakan *kuntutojeng* (kebenaran) yang harus menjadi pegangan bagi warga masyarakat. Itulah sebabnya para tokoh agama dan tokoh adat merupakan rujukan bertingkah laku dan dituntut memiliki kuasa mewujudkan nilai-nilai *siri'* di dalam dirinya. [274]

Siri' mengajarkan kepada kita untuk menjaga aib dan ketersinggungan seseorang terutamanya di depan orang awam agar individu berkenaan tidak malu (*masiri'*). Itu sebetulnya merupakan bentuk penghargaan terhadap hak-hak asasi manusia yang paling alami dan hakiki.[275] Masyarakat memandangkan *siri'* dan

---

[272]Mannarai Daeng Ngemba, tokoh adat, Perbincangan Kumpulan Fokus, 15 Ogos 2011, Bontonompo, Gowa.

[273]Nurhayati Rahman, pakar *Lontara*, temu bual oleh penyelidik,7 Februari 2014, Makassar.

[274]Amir Daeng Rapi, tokoh agama, Perbincangan Kumpulan Fokus, 15 Ogos 2011, Bontonompo, Gowa.

[275]Nurhayati Rahman, pakar *Lontara,* temu bual oleh penyelidik, 7 Februari 2014, Makassar.

agama, khasnya Islam, tidak boleh dipisah. Malah ada yang berpendapat bahawa *siri'* itu sendiri merupakan bahagian kalangan ajaran Islam.

Menurut pandangan penyelidik anggapan bahwa agama merupakan bahagian kalangan *siri'* adalah benar, kerana agama pun mengajar pentingnya rasa malu. Sebahagian kandungan konsep dan praktik *siri'* tidak bersesuaian Islam, misalnya melakukan tindakan bunuh ke atas seseorang yang melecehkan wanita bukan mahram selain tindakan zina dan rogol. Pada zaman dulu ketika undang-undang adat bermula ditetapkan ketentuan itu masih relevan akan tetapi sekarang dengan wujud pilihan hukuman yang lain, maka tindakan bunuh seumpama itu dipandang kurang adil. Konsep dan praktik *siri'* perlu disesuaikan dengan perkembangan zaman dan ajaran Islam, serta perlu dimasukkan nilainya ke dalam KUHP.

c. Peringkat *Siri'*

Masyarakat mengenal peringkat-peringkat *siri'* mula kalangan peringkat *siri'* ringan sehingga *siri'* berat. S*iri'* pada peringkat ringan ialah mengeluarkan perkataan atau melakukan tindakan yang membuat seseorang tersinggung. Contohnya memegang kepala seseorang dengan maksud merendahkan. Peringkat ringan lainnya iaitu melakukan penghinaan di hadapan orang awam.

Abdurahman Daeng Sese mengatakan :

> Peringkat berat ialah apa yang disebut *annepok buku annappuk urak* (membuatkan tulang patah dan urat terputus). *Siri'* seumpama inilah yang menimbulkan tindakan pembunuhan kalangan mereka yang dimalukan atau diaibkan di khalayak ramai. *Siri'* kategori ini dipandang tidak boleh bertolak ansur oleh mereka yang terkena *siri'*. *Siri'* seumpama ini, bakal terpendam dalam hati dan sukar dilupakan. *Siri'* seumpama ini banyak berhubungan

> kes wanita, misalnya perzinaan, perbuatan curang, kahwin lari dan bentuk pelanggaran *siri'* lainnya. Perbuatan *siri'* yang lain, yang juga tergolong peringkat berat ialah *salimarak* (*inses*), iaitu melakukan zina atau berkahwin dengan mahram (*tumasirik*) berdasar hubungan darah.[276]

i. Wujudnya perilaku hakim yang kurang berani mengambil sikap dan menuliskan secara tegas bagi menetapkan latar belakang *siri'* sebagai faktor meringankan dalam keputusan.

5.4 Cadangan

Berasaskan implikasi yang dirumuskan berkenaan, penyelidik merumuskan cadangan sebagai berikut :

1. Keperluan segala usaha yang dilakukan agar memelihara *siri'* yang hidup dalam masyarakat Sulawesi Selatan. *Siri'* berkenaan dikembangkan selari dengan pengembangan nilai-nilai ajaran Islam yang dianut majoriti masyarakat tempatan. Dalam penyelidikan ini didapati pengakuan tokoh agama bahawa *siri'* merupakan bahagian dari Islam. Teks dalam *Lontara* juga menunjukkan hubungan kuat antara kedua-dua nilai berkenaan. Tokoh agama juga mengakui bahawa *siri'* merupakan bahagian dari agama dan semakin kuat *siri'* seseorang semakin kuat juga agamanya, demikian pula sebaliknya.

Dalam realiti banyak tindakan yang disebut bermotif *siri'* tetapi bercanggah dengan nilai-nilai ajaran Islam. Nilai itu banyak disalahertikan oleh masyarakat sehingga mengalami pertembungan dengan nilai-nilai Islam. Misalnya, dendam berpanjangan terhadap pelaku *siri'*, melakukan tindakan bunuh yang tidak pada tempatnya, dan menganggap sesuatu yang bukan *siri'* yang sesungguhnya sebagai tindakan *siri'*. Faham dan tindakan demikian

dalam realitinya merosak nilai-nilai *siri'* itu sendiri dan sekaligus membuat kesan bahawa agama tidak dapat melakukan kawalan terhadap *siri'* padahal di Sulawesi Selatan majoriti masyarakat menganut ajaran Islam.

Faham dan tindakan yang bercanggah dengan Islam akan merosak keseimbangan dan ketenteraman dalam masyarakat tempatan. Kerana itu, tokoh agama bertanggungjawap untuk meluruskan *siri'* tersebut agar kekal berjalan selari dengan nilai-nilai ajaran Islam. Tokoh agama harus aktif mengambil peranan untuk menambah baik praktik *siri'* menerusi kegiatan dakwah. Pihak Kerajaan menerusi Kementerian Agama di Indonesia memiliki perangkat organisasi mulai dari pusat sampai daerah.

Peringkat organisasi Kementerian Agama yang terus bersentuhan dengan masyarakat ialah KUA (Kantor Urusan Agama) yang berada di peringkat Kecamatan. Fungsi dan tugas KUA diatur di dalam KMA (Keputusan Menteri Agama) nombor 517 tahun 2001 tentang fungsi KUA. Dalam KMA tersebut disebutkan di antara 13 (tiga belas) tugas KUA adalah melakukan kegiatan melaksanakan pembinaan keluarga bahagia serta pembinaan dan pengamalan agama kepada masyarakat. Kedua-dua tugas ini boleh dijadikan media untuk memasukkan materi *siri'* sebagai bahagian daripada matlamat pembinaan keluarga bahagia dan peningkatan kefahaman dan pengamalan agama.

Selain KUA, Kementerian Agama juga memiliki pegawai fungsional yang disebut penyuluh agama. Berdasarkan Keputusan Presiden (Keppres) Nombor 87 tahun 1999 tentang Rumpun Jabatan Fungsional, disebutkan

Universiti Utara Malaysia

bahawa penyuluh agama adalah pegawai kerajaan yang diberi tugas dan tanggung jawab untuk melaksanakan bimbingan agama dan pembangunan.

Sebagaimana halnya pegawai KUA, penyuluh agama fungsional ini tersebar ke seluruh desa. Mereka melakukan pembinaan masyarakat menerusi wadah masjid-masjid dan majlis-majlis ilmu. Dalam melaksanakan tugasnya mereka dilengkapi dengan buku pedoman pelaksanaan tugas penyuluhan. Menerusi pegawai penyuluh agama ini diharapkan *siri'* dijadikan salah satu bahan dakwah dan dimasukkan dalam pedoman berkenaan.

2. Keperluan lembaga adat yang bertugas melakukan pembinaan dan pengembangan nilai-nilai *siri'* pada semua peringkat dalam masyarakat tempatan sehingga nilai-nilai *siri'* yang positif dapat dikembangkan dan penyalahgunaan *siri'* dapat dikurangkan. Kewujudan lembaga adat boleh membantu hakim sebagai narasumber atau pakar untuk dirayu pertimbangannya dalam pembicaraan kes bunuh kerana *siri'*.

Universiti Utara Malaysia

Lembaga Adat yang dimaksud ialah lembaga yang dibentuk masyarakat sesuai keperluan dan menjadi hasrat kerajaan dalam membangunkan masyarakat adat. Adat sebagai nilai, norma, kaedah sosial dan keyakinan sosial yang tumbuh dan berkembang bersama dengan pertumbuhan dan perkembangan masyarakat desa merupakan warisan berharga dari pendahulu. Menjaga dan memelihara adat yang positif tidak cukup hanya menerusi kesedaran individu ahli masyarakat tetapi memerlukan usaha bersama dalam bentuk lembaga.

Dalam penyelidikan ini penyelidik mendapati peranan tokoh adat secara individu dalam menyelesaikan kes-kes pelanggaran *siri'* dan hakim di Mahkamah memerlukan kewujudan tokoh adat untuk menjadi saksi ahli di dalam pembicaraan di Mahkamah. Oleh itu, patut kalau peranan tokoh adat berkenaan ditingkatkan dan diperkuat menerusi pembentukan lembaga adat sebagai rujukan kes-kes adat di masyarakat tempatan.

Kerajaan Indonesia mengakui dan menyokong wujudnya lembaga adat di dalam masyarakat menerusi Peraturan Menteri Dalam Negeri Nombor 39 Tahun 2007 tentang Fasilitasi Organisasi Kemasyarakatan Bidang Kebudayaan, Keraton, dan Lembaga Adat dalam Pelestarian dan Pembangunan Budaya Daerah. Kerajaan wajib membina dan menyokong pelestarian dan pengembangan lembaga adat dalam rangka pengembangan budaya daerah bermula daripada Menteri Dalam Negeri, Gabenor dan Bupati/Walikota.

Di Pusat Kerajaan Indonesia telah berdiri Lembaga Adat yang disebut Lembaga Adat Besar Republik Indonesia. Lembaga ini telah menerbitkan Peraturan Lembaga Adat Besar Republik Indonesia Nombor 1 Tahun 2009 Tentang Pemberdayaan, Pelestarian, Perlindungan Dan Pengembangan Adat Istiadat Dan Lembaga Adat Dalam Wilayah Negara Republik Indonesia.

Walaupun ada sokongan Kerajaan terhadap lembaga adat dan di peringkat pusat sehingga daerah-daerah lembaga-lembaga adat telah terbentuk, namun lembaga tersebut belum terbentuk di peringkat desa. Hakikatnya berlaku kes-kes adat kebanyakan di peringkat masyarakat bawah. Lembaga adat di peringkat Provinsi atau Kabupaten pun hanya membina dan

Universiti Utara Malaysia

memperhatikan budaya dalam bentuk seni dan simbol-simbol adat dalam bentuk fizikal sebagai ciri khas daerah. Lembaga adat yang ada tidak memperhatikan adat dalam pengertian nilai-nilai dan norma yang hidup dalam masyarakat misalnya undang-undang adat tempatan. Hal itu disebabkan Peraturan Pemerintah Nombor 39 tahun 2007 tidak menyebutkan secara spesifik mengenai nilai-nilai dan norma adat yang harus dibina dan dilestarikan tetapi hanya memfasilitasi kewujudan lembaganya sahaja.

Dengan kata "fasilitasi" menunjukkan pembentukan lembaga adat tidak merupakan keharusan yang mesti dilakukan oleh pemerintah daerah tetapi hanya sebagai sokongan sahaja. Menurut penyelidik, Kerajaan tidak sekadar memfasilitasi lembaga adat tetapi juga mendorong agar semua daerah sehingga ke peringkat desa dapat membentuk lembaga adat sesuai karakteristik adat masing-masing. Lembaga adat diharapkan dapat berfungsi menjadi perwakilan masyarakat dalam menyampaikan aspirasi kepada kerajaan berkaitan kepentingan masyarakat adat.

Membangun dan melestarikan serta mengembangkan undang-undang adat atau kebiasaan masyarakat yang positif dalam pembangunan dan pembinaan masyarakat serta memperkaya budaya daerah dan Kerajaan Indonesia. Menyelesaikan perselisihan kes jenayah di setiap organisasi lembaga adat sepanjang penyelesaiannya tidak bercanggah dengan peraturan Perundangan-undangan yang berlaku di Indonesia. Apabila Kerajaan tidak mengambil langkah yang tepat dalam mengatasi kekurangan ini maka akan

Universiti Utara Malaysia

menjadi kerugian besar bagi bangsa Indonesia di masa depan kerana kehilangan nilai budaya yang amat berharga.

3. Keperluan kerajaan tempatan memasukkan pembelajaran *Lontara* sebagai kandungan kurikulum di sekolah bagi memberikan kefahaman yang cukup tentang pedoman berperilaku dan bertindak. Hal ini dimungkinkan dengan adanya Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) atau Kurikulum 2006 untuk pendidikan dasar dan menengah di Indonesia. KTSP secara yuridis diamanatkan oleh Undang-Undang Nombor 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional, dan Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 19 Tahun 2005 tentang Standard Nasional Pendidikan. Dengan KTSP Pengembangan kurikulum diserahkan kepada sekolah agar sesuai dengan keperluan sekolah itu sendiri.

Penyusunan KTSP selain melibatkan guru, dan karyawan juga melibatkan jawatankuasa sekolah serta para ahli dari perguruan tinggi setempat. Dengan keterlibatan jawatan kuasa sekolah dalam penyusunan KTSP maka KTSP yang disusun akan sesuai dengan aspirasi masyarakat, situasi, dan kondisi lingkungan, dan keperluan masyarakat. KTSP merupakan salah satu wujud reformasi pendidikan yang memberikan autonomi kepada sekolah dan satuan pendidikan untuk mengembangkan kurikulum sesuai potensi, tuntunan, dan keperluan masing-masing. Pada sistem KTSP, sekolah memiliki *full authority and responsibility* dalam menetapkan kurikulum dan pembelajaran sesuai dengan visi, misi, dan tujuan pendidikan.

Universiti Utara Malaysia

Dalam KTSP, pengembangan kurikulum dilakukan oleh guru, kepala sekolah, serta Jawatankuasa Sekolah dan Dewan Pendidikan. Badan ini merupakan lembaga yang ditetapkan berdasarkan musyuarat dari pejabat daerah setempat, komisi pendidikan pada Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD), pejabat pendidikan daerah, kepala sekolah, tenaga pendidikan, perwakilan orang tua peserta didik, dan tokoh masyarakat. Lembaga inilah yang menetapkan kebijakan sekolah berdasarkan ketentuan-ketentuan tentang pendidikan yang berlaku. Selanjutnya jawatankuasa sekolah perlu menetapkan visi, misi, dan tujuan sekolah dengan pelbagai implikasinya terhadap program-program kegiatan operasional untuk mencapai matlamat sekolah. KTSP dapat dipandang sebagai suatu pola pendekatan baru dalam pengembangan kurikulum dalam konteks autonomi daerah yang sedang dilaksanakan kini.

Salah satu perkara penting dalam KTSP adalah keterlibatan semua warga sekolah dan masyarakat dalam pengembangan kurikulum mewujudkan ketelusan dan demokrasi yang sihat, serta lebih efisien dan efektif bilamana dikawal oleh masyarakat setempat. Sekolah mampu bertanggung jawab tentang mutu pendidikan masing-masing kepada pemerintah, ibu bapa pelajar, dan masyarakat pada amnya, sehingga dia akan berupaya semaksimum mungkin untuk melaksanakan dan mencapai sasaran KTSP.

Salah satu ciri KTSP adalah terkandung silabus tempatan dalam kurikulum sekolah. Silabus tempatan merupakan kegiatan kurikulum untuk mengembangkan keupayaan yang disesuaikan dengan ciri khas dan potensi daerah, termasuk keunggulan daerah. Isi kandungan mata pelajaran bersifat

Universiti Utara Malaysia

setempat ditentukan oleh kesatuan pendidikan. Kewujudan mata pelajaran bersifat tempatan merupakan bentuk penyelenggaraan pendidikan yang tidak terpusat, sebagai upaya agar penyelenggaraan pendidikan di masing-masing daerah lebih meningkat kesesuaiannya terhadap keadaan dan keperluan daerah berkenaan. Ia juga merupakan mata pelajaran penting, sehingga kesatuan pendidikan perlu mengembangkan Standard Kompetensi dan Kompetensi Dasar untuk setiap jenis isi kandungan bersifat tempatan yang diselenggarakan.

Jenis isi kandungan tempatan dapat berupa Bahasa Daerah, Bahasa Inggris, Kesenian Daerah, Keterampilan dan Kerajinan Daerah, Adat Istiadat, dan pengetahuan tentang berbagai ciri khas lingkungan alam sekitar, serta hal-hal yang dianggap perlu oleh daerah berkenaan.

Menerusi pelajaran Bahasa Daerah inilah tidak hanya ditekankan pada keterampilan menggunakan bahasa daerah tempatan, tetapi mampu membaca sastera *Lontara.* Dengan mengetahui dan memahami makna *Lontara* maka anak-anak sekolah mampu memahami nilai-nilai *siri'* sebagai bahagian daripada budaya tempatan. Sekolah tertentu sudah mengajarkan Bahasa Daerah bagi murid-muridnya, tetapi masih terhad pada kandungan kurikulum dan murid-murid kurang berminat. Murid-murid lebih mengutamakan Bahasa Inggeris kerana gurunya lebih suka menggunakan media pembelajaran moden yang diajarkan guru lepasan jurusan Bahasa Inggeris di Perguruan Tinggi. Sementara pembelajaran Bahasa Daerah diajarkan oleh guru yang tidak berlatarbelakang jurusan Bahasa Daerah di perguruan tinggi. Biasanya Bahasa

Universiti Utara Malaysia

Daerah diajarkan oleh guru yang hanya kebetulan berminat mengajar dan sekadar memenuhi kekurangan jam mengajar.

Di perguran tinggi minat mahasiswa mengambil jurusan Bahasa Daerah sangat rendah. Pihak kerajaan harus mencari pelbagai cara agar lebih banyak lagi mahasiswa yang mengambil jurusan Bahasa Daerah guna memenuhi keperluan pembelajaran *Lontara* di sekolah-sekolah. Salah satu cara adalah keperluan program biasiswa khas bagi mahasiswa jurusan Bahasa Daerah sama ada bersumber dari Pemerintah Daerah atau dari Kerajaan Pusat. Pada peringkat perguruan tinggi diperlukan mata kuliah Undang-undang Adat dan Jenayah Adat dijadikan mata kuliah wajib bagi mahasiswa Fakulti Undang-undang di seluruh Indonesia. Khusus Perguruan Tinggi di Sulawesi Selatan pelajaran *siri'* lebih diperdalamkan kajiannya secara spesifik sebagai nilai undang-undang yang masih hidup dalam masyarakat.

Universiti Utara Malaysia

4. Keperluan suatu sistem pendidikan dan pelatihan dan orientasi hakim bermatlamat bagi memberikan maklumat dan pengetahuan yang cukup mengenai latar belakang budaya dan adat pelbagai komuniti di Indonesia sebelum ditempatkan di daerah tempat bertugas. Para hakim di Indonesia memiliki tugas berat selain kerana mereka harus memahami sungguh-sungguh undang-undang adat tempatan yang beraneka ragam juga mereka harus mengalami pertukaran tugas dalam tempoh 2-4 tahun dari satu daerah ke daerah lain.

Undang-undang adat harus dipahami sebagai salah satu pertimbangan di dalam memutuskan perkara. Selain itu, masa tugas di suatu daerah tidak boleh terlalu lama bagi mengelakkan hubungan emosional dengan masyarakat. Memahami begitu banyak undang-undang adat yang pelbagai memerlukan metod tertentu dan tidak cukup hanya dengan belajar sendiri. Salah satu cara menguasai undang-undang adat tempatan ialah melalui pendidikan dan latihan.

Pemerintah mewajibkan setiap pegawai negeri mengikuti pendidikan dan latihan berdasarkan Peraturan Pemerintah Republik Indonesia (PP) Nombor 101 Tahun 2000 (101/2000) Tentang Pendidikan Dan Pelatihan Jabatan Pegawai Negeri Sipil. Pendidikan dan Pelatihan bertujuan meningkatkan pengetahuan, keahlian, keterampilan, dan sikap untuk dapat melaksanakan tugas jabatan secara profesional dengan dilandasi keperibadian dan etika PNS sesuai dengan keperluan tugas. Tujuan lainnya ialah menciptakan persamaan aspek visi dan pembangunan pemikiran dalam melaksanakan tugas pemerintahan umum dan pembangunan demi mewujudkan pemerintahan yang baik. Sasaran pendidikan dan latihan ialah ke arah mewujudkan PNS yang mewakili keupayaan yang sesuai dengan syarat jabatan masing-masing.

5. Keperluan hakim memiliki perilaku yang baik sebagai hakim profesional. Hal itu ditetapkan di dalam Keputusan Bersama Ketua Mahkamah Agung Republik Indonesia dan Ketua Komisi Yudisial Ri 047/Kma/Skb/Iv/2009 02/Skb/P.Ky/Iv/2009 Tentang Kod Etika Dan Pedoman Perilaku Hakim. Prinsip-prinsip dasar Kod Etika dan Pedoman Perilaku Hakim

Universiti Utara Malaysia

diimplementasikan dalam 10 (sepuluh) aturan perilaku sebagai berikut : berperilaku adil, berperilaku jujur, berperilaku arif dan bijaksana, bersikap mandiri, berintegriti tinggi, bertanggung jawab, menjunjung tinggi harga diri, berdisiplin tinggi, berperilaku rendah hati, dan bersikap profesional.

Salah satu perilaku yang relevan dengan keharusan mempertimbangkan nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat ialah perilaku arif dan bijaksana. Dalam pedoman tersebut disebutkan arif dan bijaksana ialah bahwa hakim harus mampu bertindak sesuai dengan norma-norma yang hidup dalam masyarakat sama ada norma-norma hukum, norma-norma keagamaan, kebiasan-kebiasan atau kesusilaan dengan memperhatikan situasi dan kondisi pada saat itu, serta mampu memperhitungkan akibat dari tindakannya. Perilaku lainnya ialah profesionalisme bermakna suatu sikap moral yang dilandasi oleh tekad untuk melaksanakan pekerjaan yang dipilihnya dengan kesungguhan, yang didukung oleh keahlian atas dasar pengetahuan, keterampilan dan wawasan luas.

Universiti Utara Malaysia

Indonesia yang terdiri dari sekitar 300 suku bangsa dengan 19 rumpun undang-undang adat menjadi tentangan tersendiri bagi hakim profesional untuk memahami kandungan undang-undang adat daerah tempat tugasnya. Oleh itu, hakim dituntut memiliki waktu dan kesempatan luas untuk memahami keragaman tersebut. Cara terbaik untuk mendalami hal tersebut melalui pendidikan dan pelatihan. Penyelidik mencadangkan dua tahap yang harus dilalui hakim untuk memahami sungguh-sungguh undang-undang adat tempatan.

Tahap pertama pendidikan dan latihan yang di dalamnya diberikan pemahaman undang-undang adat secara umum yang ada di Indonesia. Tahap ini dimaksudkan sebagai pemberian kefahaman dasar dan bersifat umum mencakupi semua undang-undang adat. Tahap kedua pendidikan dan latihan yang di dalamnya diberikan pendidikan secara mendalam berkenaan dengan undang-undang adat daerah yang akan ditugaskan. Kegiatan ini disebut orientasi pra-penempatan tempat tugas baru. Kedua-dua model pendidikan dan latihan tersebut hakim mampu memiliki persiapan untuk melaksanakan tugas secara profesional.

5. Keperluan mengubah Undang-undang Bidangkuasa Kehakiman dengan menambah seksyen yang mengatur secara lebih tegas dan jelas hukuman bagi hakim yang tidak mempertimbangkan nilai-nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat. Dengan perubahan berkenaan, undang-undang ini tidak sahaja mengikat secara etika dan moral melainkan secara kuatkuasa secara formal.

Seperti diketahui Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 48 Tahun 2009, berkaitan Bidangkuasa Kehakiman, seksyen 5 disebutkan: (1) Hakim dan hakim konstitusi wajib menggali, mengikuti, dan memahami nilai-nilai undang-undang dan rasa keadilan yang hidup dalam masyarakat. (2) Hakim dan hakim konstitusi harus memiliki integriti dan keperibadian yang tidak tercela, jujur, adil, profesional, dan berpengalaman di bidang undang-

undang, (3) Hakim dan hakim konstitusi wajib mentaati Kod Etika dan Pedoman Perilaku Hakim.

Pada ayat (1) seksyen berkenaan disebutkan kewajipan hakim untuk menggali dan mengikuti nilai-nilai undang-undang yang dianuti oleh masyarakat. Tetapi kata "wajib" di sini tidak memiliki kekuatan undang-undang kerana tidak diikuti dengan hukuman bagi hakim yang melanggar. Hakim hanya diwajibkan berperilaku jujur, adil, dan profesional di dalam melaksanakan tugasnya (ayat 2) dan tunduk di bawah kod etika hakim (ayat 3). Kerana tidak tegas aspek hukuman bagi hakim yang mengabaikan motif undang-undang yang hidup dalam masyarakat sebagai faktor yang dipertimbangkan dalam keputusan kes, maka hakim boleh menentukan berat ringannya menurut kehendaknya sendiri. Selain itu, hukuman bagi pelanggaran etika pun hanya berupa hukuman bersifat pentadbiran dan bukan hukuman jenayah.

Universiti Utara Malaysia

Seksyen 5 Undang-undang Bidangkuasa Kehakiman berkenaan harus dibaca sebagai satu kesatuan. Ertinya, hakim yang tidak mempertimbangkan dan mengikuti nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat dipandang sebagai hakim yang tidak memiliki integriti, tidak berperilaku adil, jujur, dan tidak profesional. Kerana tidak memiliki perilaku seperti itu maka hakim ini dianggap melanggar kod etika hakim. Pelanggaran terhadap kod etika ditetapkan oleh Kerajaan menerusi Peraturan Bersama Mahkamah Agung Republik Indonesia dan Komisi Yudisial Republik Indonesia Nombor

02/PB/MA/IX/2012- 02/PB/P.KY/09/2012 tentang Penegakan Kode Etik dan Pedoman Berperilaku Hakim.

Walaupun telah ditetapkan aturan penegakan kod etika hakim untuk memberikan hukuman terhadap pelanggaran etika, namun untuk tindakan tidak mempertimbangkan nilai-nilai undang-undang yang hidup dalam masyarakat tidak ada hukuman secara spesifik dalam pelanggaran etika. Oleh itu, diperlukan ketentuan dalam Penegakan Kod Etika dan Pedoman Berperilaku Hakim yang menyatakan bahawa salah satu pelanggaran profesionalisme hakim adalah jika dia tidak mengikuti undang-undang yang hidup di dalam masyarakat sebagaimana tercantum di dalam seksyen 5 Undang-Undang Bidangkuasa Kehakiman.

6. Keperluan melakukan penterjemahan *Lontara* ke dalam bahasa Latin dan menterjemahkannya ke dalam Bahasa Indonesia. Walaupun kandungannya sangat kaya akan maklumat tentang undang-undang, kebiasaan, dan sejarah masa lampau, kandungan *Lontara* berkenaan kurang diketahui orang banyak. Hal itu disebabkan *Lontara* ditulis dengan menggunakan Bahasa Makassar dan Bugis.

Sastera *Lontara* tersebut tidak lagi difahami oleh kebanyakan warga kedua-dua suku berkenaan disebabkan sistem pembelajaran Bahasa Daerah tempatan mengalami kemunduran. Banyak warga masyarakat tempatan memiliki *Lontara* di rumah sebagai bahagian dari warisan nenek moyang mereka, akan tetapi *Lontara* berkenaan hanya dijadikan benda keramat secara

Universiti Utara Malaysia

turun temurun dan tidak dipahami kandungannya. Banyak juga *Lontara* yang dikumpulkan dari masyarakat oleh lembaga penyelidikan di pelbagai perguruan tinggi, perpustakaan dan Jabatan Arsip Kerajaan. Namun setelah terkumpul ia masih tidak difahami kandungannya oleh masyarakat luas kerana kurangnya usaha penterjemahan ke dalam Bahasa Indonesia.

Oleh itu diperlukan penterjemahan *Lontara* ke dalam Bahasa Indonesia agar mudah dibaca dan difahami kandungannya serta dijadikan pedoman dalam berperilaku oleh masyarakat. Selain itu terjemahan juga boleh memudahkan bagi generasi muda dan para pengkaji melakukan pengkajian secara mendalam bagi keperluan akademik dan praktikal bangsa Indonesia.

7. Keperluan pengaturan sistem pentadbiran dan pengurusan hasil-hasil keputusan perkara di Jabatan Mahkamah untuk mempermudah usaha akses hasil-hasil keputusan tersebut. Pengalaman melakukan pengkajian mengenai kes-kes pembunuhan kerana *siri'* di Jabatan Mahkamah tempatan menunjukkan betapa sukarnya memperoleh hasil keputusan perkara berlatar belakang *siri'*. Hal itu disebabkan sistem klasifikasi pembunuhan hanya dilakukan berdasarkan seksyen-seksyen KUHP yang dilanggar tanpa mencantumkan motif pembunuhannya, apakah *siri'* atau bukan.

Kenyataan itu menyulitkan bagi hakim sendiri secara internal untuk dapat menemukan hasil keputusan beberapa tahun sebelumnya sebagai dasar perbandingan dengan perkara sama yang sedang dibicarakan dan memerlukan keputusan yang tepat. Selain itu, ketidak teraturan sistem klasifikasi dan sistem

Universiti Utara Malaysia

pengarsipan juga menyulitkan pihak luar yang hendak melakukan pengkajian bagi keperluan akademik. Oleh itu, Jabatan Mahkamah perlu melakukan penambahbaikan ke atas sistem klasifikasi perkara berdasarkan seksyen yang dilanggar dan motif pembunuhan. Pihak Mahkamah juga perlu menata sistem pengarsipan sedemikian rupa dengan memilah-milah arsip keputusan Mahkamah berdasarkan seksyen yang dilanggar dan motif pembunuhan. Pihak Mahkamah perlu memanfaatkan teknologi moden untuk menyokong kemudahan penyusunan dan akses terhadap maklumat hasil-hasil keputusan yang diperlukan.

8. Keperluan penyesuaian undang-undang jenayah positif (KUHP) di Indonesia dengan nilai-nilai sosio-budaya dan agama yang hidup dalam masyarakat menerusi perubahan-perubahan undang-undang warisan kerajaan Balanda berkenaan ke arah undang-undang nasional yang lebih bercirikan Indonesia dengan kekayaan pelbagai agama, adat, dan budaya yang wujud di dalamnya.

Universiti Utara Malaysia

Di antaranya yang perlu mengalami perubahan adalah memperberat hukuman pelanggaran kesusilaan seumpama *siri'* dan meringankan hukuman pembunuhan kerana menguatkuasakan undang-undang adat utama berkenaan dalam masyarakat. Strategi lain yang digunakan dalam jangka panjang ialah kewujudan undang-undang autonomi daerah yang memberikan peluang pentadbiran pemerintah daerah selari dengan karakteristik daerah berkenaan. Undang-undang autonomi daerah dengan demikian harus mengalami

perubahan agar lebih longgar dan memberi peluang untuk berlakunya undang-undang adat secara spesifik untuk daerah-daerah adat.

9. Keperluan Mahkamah tempatan membabitkan saksi ahli dari kalangan ahli *Lontara* dan tokoh adat dalam setiap perbicaraan mengenai kes pembunuhan kerana *siri'*. Banyaknya keputusan hakim yang kurang mempertimbangkan *siri'* sebagai faktor meringankan hukuman tertuduh disebabkan kurangnya kefahaman para hakim mengenai *siri'* sebenarnya. Apalagi kebanyakan hakim yang bertugas di Mahkamah berasal dari luar daerah berkenaan. Kecenderungan itu tetap berlaku di masa depan berhubungan tingginya frekuensi tukar tugas para hakim di Indonesia.

   Membabitkan saksi ahli di perbicaraan kes *siri'* akan mengurangi kekeliruan dalam menjatuhkan hukuman dan boleh menjamin rasa keadilan masyarakat. Berhubung pada realiti tidak semua daerah memiliki pakar adat atau ahli *Lontara*, maka pihak Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi melakukan kerjasama dengan pihak perguruan tinggi bagi pewujudan keperluan para ahli berkenaan. Sementara itu, pemerintah sungguh-sungguh membentuk institusi adat di daerah-daerah tempatan bagi memudahkan Mahkamah membina kerjasama dengan institusi berkaitan.

10. Keperluan kajian lanjutan di masa hadapan berkaitan aspek-aspek tertentu yang belum diperhatikan dalam kajian ini. Aspek-aspek berkenaan sangat penting termasuk kajian perbandingan undang-undang adat di pelbagai daerah

Universiti Utara Malaysia

kaitannya undang-undang positif di Indonesia. Perbandingan undang-undang adat dan undang-undang Islam atau agama lain juga menarik. Selain itu, perbandingan undang-undang adat di Indonesia dan undang-undang adat di negara muslim lain di dunia.

Universiti Utara Malaysia

BIBLIOGRAFI

Abdullah, Hamid. *Manusia Bugis Makassar, Suatu Tinjauan Historis Terhadap Pola Tingkah Laku dan Pandangan Hidup Manusia Bugis Makassar.* Jakarta : Inti Idayu Press, 1985.

Abdullah, Taufik, ed. *Agama dan Perubahan Sosial.* Jakarta : Raja Grafindo Persada, 1996.

_____*Sejarah Ummat Islam Indonesia.* Jakarta : Majelis Ulama Indonesia. 1991.

Ahmad, Abd. Kadir. *Ulama Bugis.* Makassar : Indobis, 2006.

_____ *Dasar-Dasar Metodologi Penelitian Kualitatif.* Makassar : Indobis, 2003.

Ahmad, Qadiry Abdullah. *Manusia dan Kejahatan.* Jakarta : Al-Kautsar, 1993.

Akhbar Harian *TribunTimur* (Makassar), 28 Januari 2015.

Ali, Haji Mohammad Daud. *Hukum Islam, Pengantar Ilmu Hukum dan Tata Hukum Islam di Indonesia.* Jakarta : Raha Grafindo Persada, 2007.

Ali, Zainuddin. *Hukum Islam, Pengantar Ilmu Hukum Islam di Indonesia,* Cetakan Kedua. Jakarta : Sinar Grafika, 2008.

Andaya, Leonard Y. *The Heritage of Arung Palakka, of History of South Sulawesi (Celebes) in the Seventeenth Century.* Netherlands : The Hague, Martinus Nijhoff, 1981.

Anthon, A. *Hukum Pidana I.* Jakarta : Sinar Grafika, 1995.

Anwarullah. *The Criminal Law of Islam,* 3rd repr. Kuala Lumpur : A.S.Noordeen, 2008.

Arief, Nawawi Barda *Perbandingan Hukum Pidana.* Jakarta : Raja Grafindo Persada, 1994.

_____*Beberapa Aspek Kebijakan Penegakan dan Pengembangan Hukum Pidana.* Bandung : Citra Aditya Bakti, 1998.

_____"Upaya-upaya Non-Penal dalam Kebijakan Penanggulangan Kejahatan". Seminar Kriminologi VI. Semarang : UNDIP, 1991.

_____*Perbandingan Hukum Pidana.* Jakarta : Raja Grafindo Persada, 1994.

_____ *Bunga Rampai Kebijakan Hukum Pidana.* Jakarta : Citra Aditya Bakti, 1996.

_____*Masalah Penegakan Hukum dan Kebijakan Hukum Pidana dalam Penanggulangan Kejahatan.* Jakarta : Kencana, 2007.

Arief, Aburaerah, et al. *Sinrilikna Kappalak Tallumbatua.* Jakarta : Yayasan Obor Indonesia, 1993.

Arikunto, Suharsimi. *Manajemen Penelitian.* Jakarta : Rineka Cipta, 1995.

Atmasasmita, Romli. *Teori dan Kapita Selekta Kriminologi.* Bandung : Penerbit Eresco, 1992.

_____ *Perbandingan Hukum Pidana.* Bandung : Mandar Maju, 2000.

Azam Chaudhary, "The Rule Of Law Problems In Pakistan: An Anthropological Perspective Of The Daughter's Traditional Share In The Patrimony In The Punjab," *Pakistan Journal of History and Culture, Vol.XXX, no.2 (2009),* 102. Diakses 5 April 2016, http://www.nihcr.edu.pk/Latest_English_Journal/ 5.%20The%20Rule%20of%20Law%20Problems, %20Dr% 20azam.pdf.

Baal,J.van. *Sejarah dan Pertumbuhan Teori Antroplologi Budaya.* Jakarta : Gramedia, 1987.

Barth, Fredrik. *Kelompok Etnik dan Batasannya*, translated by Nining I Soesilo. Jakarta : UI-Press, 1988.

Buang, Ahmad Hidayat ed. *Undang-undang Islam di Malaysia Prinsip dan Amalan.* Malaysia : Universiti Malaya, t.t.

Bugin, Burhaned. *Analisis Data Penelitian Kualitatif : Pemahaman Filosofis dan Metodologis ke Arah Penguasaan Model Aplikasi.* Jakarta : Raja Grafindo Persada, 2005.

Chabot, H.Th. *Kinship, Status, and Gender in South Celebes*. Leiden : KITLV Press, 1996.

Chazawi, Adami. *Kejahatan terhadap Tubuh dan Nyawa*. Jakarta : Raja Grafindo Persada, t.t.

Creswell, John W. *Research Design :Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed*, translated by Achmad Fawaid .Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 2014.

Cuff, E.C. and G.C.F.Payne. *Perspectives in Sociology*. London : George Allen & Unwin, t.t.

Denzin, Norman K dan Yvonna S. Lincoln ed. *Handbook of Qualitative Research*, translated by Dariyatnoet. als. Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 2009.

Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan*, Edisi Empat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Effendi, Erdianto. *Hukum Pidana Indonesia, suatu Pengantar*. Bandung : Refika Aditama, 2012.

Erie Hariyanto, "Carok Vs Hukum Pidana Indonesia : Proses Transformasi Budaya Madura Kedalam Sistem Hukum Indonesia," *Karsa, Vol. XII no. (2 Oktober 2007)*, 182. Diakses 6 April 2016, http: //ejournal. Stain pamekasan.ac.id/ index.php/karsa/article/ download/ 141/ 132.

Farid, Andi Zainal Abidin. *Bunga Rampai Hukum Pidana*. Jakarta : Paramidya Paramita, 1983.

_____*Persepsi Orang Bugis – Makassar tentang Hukum, Negara, dan Dunia Luar*. Bandung : Penerbit Alumni, 1983.

_____ *Asas-asas Hukum Pidana.* Bagian Pertama. Bandung : Alumni, 1987.

_____ *Pengantar untuk Capita Selekta Kebudayaan Sulawesi Selatan*. Ujung Pandang : Hasanuddin University Press, 1999.

_____*Wajo pada Abad XV-XVI, Suatu Penggalian Sejarah Terpendam Sulawesi Selatan dari Lontara*. Bandung : Penerbit Alumni, 1985.

Ferry Fathurokhman, "Hukum Pidana Adat Baduy Dan Relevansinya Dalam Pembaharuan Hukum Pidana," *Law Reform, Vol.5. no.1 (April 2010)*, 9.

Diakses 5 April 2016,http://www.ejournal.undip.ac.id/ index.php/ lawreform/article/download/2754/2439.

Friedmann, W. *Teori dan Filsafat Hukum.* Jakarta : Grafindo Persada, 1993.

Gerrtz, Clifford. *Kebudayaan dan Agama,* diterjemahkan oleh Fransisco Budi Hardiman.Yogyakarta : Kanisius, 1992.

_____*Tafsir Kebudayaan,* diterjemahkan oleh Fransisco Budi Hardiman. Yogyakarta : Kanisius, 1992.

Hadikusuma, Hilman. *Pengantar Ilmu Hukum Adat Indonesia.* Bandung : Mandar Maju, 2003.

Hamdan, H.M. *Alasan Penghapus Pidana, Teori dan Studi Kasus.* Bandung : Refika Aditama, 2012.

Hamid, Abu, et al. *Siri'& Pesse Harga Diri Manusia Bugis, Makassar, Mandar, Toraja.* Makassar : Refleksi, 2007.

Hamzah, Ahmad Kamaruddin Hj. *Pengantar Undang-undang Jenayah Islam.* Selangor Darul Ehsan : Al-Rahmaniah, 1989.

Hamzah, Andi. *Pengusutan Perkara Melalui Sarana Teknik dan Sarana Hukum.* Jakarta : Ghalia Indonesia, 1984.

_____*Hukum Pidana Politik.* Jakarta : Pradnya Paramita, 1992.

_____*Perkembangan Hukum Pidana Khusus.* Jakarta : Rineka Cipta, 1991.

Haryanto, Sindung. *Spektrum Teori Sosial, dari Klasik hingga Posmodern.* Jogjakarta : Ar-Ruzz Media, 2012.

Hermin, Hadiati Koeswadji, et al. *Kejahatan Terhadap Nyawa Asas-asas, Kasus dan Permasalahannya.* Surabaya : Sinar Wijaya, 1984.

Hirschi, T. *Causes of Delinquency.* Berkeley : University of California Press, 1969.

Hoogvelt, Ankei M.M. *Sosiologi Masyarakat Sedang Berkembang,* diterjemahkan oleh Alimandan. Jakarta : Penerbit Rajawali, 1985.

Universiti Utara Malaysia

I Doi, Abdurrahman. *Shari'ah Kodifikasi Hukum Islam,* Jakarta : Rineka Cipta, 1993.

Ismail, Siti Zubaidah. *Hak Tertuduh dalam Kesalahan Jenayah Syariah* dalam *Undang-undang Islam di Malaysia : Prinsip dan Amalan,* ed. Ahmad Hidayat Buang et al. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2007.

Ivan, Yohanes. "Eksistensi Hukum Pidana Adat Dalam Menangani Delik Adat Pada Masyarakat Hukum Adat Dayak Pangkodan Di Desa Lape Kecamatan Sanggau Kapuas Kabupaten Sanggau Provinsi Kalimantan Barat" (tesis master, Universitas Atma Jaya Yogyakarta, 2014), 9. Diakses 7 April 2016, http://www.e-journal.uajy.ac.id/7140.1.JURNAL.pdf

Johson, Paul Doyle. *Teori Sosiologi Klassik dan Modern,* diterjemahkan oleh Robert L. Jakarta : Gramedia, 1986.

Kaplan D dan Manners R.A. *Teori Budaya,* diterjemahkan oleh L.Simatupang. Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 1999.

Kartanegara, Satochid. *Hukum Pidana, Kumpulan Kuliah.* Balai Lektur Mahasiswa, t.t.

Kern, R.A. *I Lagaligo.* Yogyakarta : Gadjah Mada University Press, 1993.

Koentjaraningrat. *Tokoh Antropologi* . Djakarta : Penerbitan Universitas, 1964.

_____ *Metode-metode Penelitian Masyarakat.* Jakarta :Gramedia Pustaka Utama, 1991.

_____ *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia.* Jakarta : Penerbit Djambatan, 1979.

Kusuma, Mulyana, W. *Kejahatan, Penjahat, dan Reaksi Sosial.* Bandung : Penerbit Alumni, 1983.

_____*Analisa Kriminologi tentang Kejahatan-Kejahatan Kekerasan.* Jakarta : Ghalia Indonesia, 1982.

Lamintang, P.A.F. *Dasar-dasar Hukum Pidana Indonesia.* Bandung : Sinar Baru, 1984.

_____*Hukum Pidana Indonesia.* Bandung : Penerbit Sinar Baru, 1990.

Universiti Utara Malaysia

Lerner, Danial. *Memudarnya Masyarakat Tradisional*. Yogyakarta : Gadjah Mada University Press, 1983.

Lestiyadi. "Undang-Undang dan Institusi yang Memajukan Umat Islam di Indonesia" dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Muhamad, ed. *Pembangunan Undang - undang di Rantau Asean*, Cetakan Pertama. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2002.

Mahmud, Hasan. *Silasa, Setetes Embun di Tanah Gersang.* Ujung pandang :Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan Tenggara, 1976.

Mahmudji, Sri. *Penelitian Hukum Normatif : Suatu Tinjauan Singkat.* Jakarta : Rajawali, 1986.

Maliha Zia Lari, *Pilot Study on : Honour Killings' in Pakistan and Compliance of Law* (Pakistan : Aurat Publication and Information Service Foundation, 2011),1. Diakses 20 April 2016, http://www.af.org.pk/pub_files/1366345831. Pdf.

Mappaselleng, Nur Fadhilah. "Penegakan Hukum Pidana terhadap Delik Pembunuhan yang Bermotif Siri' di Sulawesi Selatan." Tesis Master, Universiti Airlangga Surabaya, 2003.

Marican, Sabitha. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor, Malaysia : Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn.Bhd, 2005.

Marpaung, Leden. *Tindak Pidana terhadap Kehormatan, Pengertian dan Penerapannya.* Jakarta : PT Raja Grafindo Persada, 1997.

Marzuki, Laicca. *Siri', Bagian Kesadaran Hukum Rakyat Bugis-Makassar (Sebuah Telaah Filsafat Hukum).*Makassar : Hasanuddin University Press, 1995.

Marzuki, Peter Mahmud. *Penelitian Hukum*. Jakarta : Kencana Prenada Media Group, 2011.

Matthes, B.F. *Makassaarsche Chrestomathie, Het Nederlandsch Bijbelgenootschap.* Amsterdam : Bij Frederik Muller, Gedrukt Bij, C.A. Spin & Zoon, 1860.

Mattulada. *Latoa : Satu Lukisan Analitis terhadap Antropologi Politik Orang Bugis.*Yogyakarta : Gadjah Mada University Press, 1985.

Universiti Utara Malaysia

Merton, Robert K. *Social Theory and Social Structure*. New York : Free Press, 1968

Moein, M.G. A. *Menggali Nilai Sejarah Kebudayaan Sulselra.* Ujungpandang : SKU Makassar Press, 1977.

Moeljatno. *Kitab Undang-Undang Hukum Pidana*. Jakarta : Bina Aksara, 1985.

_____*Asas-asas Hukum Pidana*. Jakarta : Rineka Cipta, t.t.

Mohamed,Mahfodz. *Undang-undang Jenayah Islam Mengenai Jenayah Qisas Bunuh*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar bersama Persatuan Ulama Malaysia, Selangor Darul Ehsan, 1993.

Mokhtar, Rosli dan Mohd Fikri Che Hussain. *Undang-undang Jenayah Islam.* Cetakan Pertama. Johor Darul Takzim : Perniagaan Jahabersa, 2008.

Muhjad, Hadin dan Nunuk Nuswadani. *Penelitian Hukum Indonesia Kontemporer.* Yogyakarta : Genta Publishing, 2012.

Mustafa,Moh. Yahya et al.ed. *Siri' dan Pesse*. Makassar : Pustaka Refleksi, 2003.

Othman, Abu Hassan. *Masalah Penyelidikan di Kota : Suatu Analisis Ringkas*, dalam Wan Hasyim et.al., ed. *Kaedah Penyelidikan Sosial : Suatu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980.

Othman, Mahmud Saedon A. *Institutsi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam,* Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Parsons, Talcott and Shils, Edward A. eds. *Toward a General Theory of Action.* Cambridge, Mass : Harvard University Press, 1951.

Patton, Michael Quinn. *Metode Evaluasi Kualitatif,* diterjemahkan oleh Budi Puspo Priyadi. Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 1991.

Pelras, Christian . *The Bugis*. USA : Blackwell Publishers, 1996.

Poelinggomang, Edward L. *Makassar Abad XIX*. Jakarta : Kepustakaan Populer Gramedia, 2002.

Pradadimara, Dias dan Effendy, Muslimin A.R. *ed. Kontinuitas dan Perubahan dalam Sejarah Sulawesi Selatan.* Yogyakarta : Penerbit Ombak, 2004.

Prasetyo, Teguh. *Hukum Pidana.* Jakarta : Raja Grafindo Persada, 2011.

Projodikoro, Wirjono. *Tindak-tindak Pidana Tertentu di Indonesia.* Bandung : Refika Aditama, 2008.

_____*Asas-asas Hukum Pidana di Indonesia.* Bandung : Refika Aditama, 2012.

Raharjo, Satjipto. *Penegakan Hukum, suatu Tinjauan Sosilogis.* Yogyakarta : Genta Publishing, 2009.

Rahim, Rahman. *Nilai-nilai Utama Kebudayaan Bugis.* Makassar : Hasanuddin University Press, 1992.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini : Satu Pengenalan", *Jurnal Syariah, Jilid 10 (Januari 2002).*

Rahman, Darmawan Mas'ud. "Puang dan Daeng, Kajian Sistem Nilai Budaya Orang Balanipa Mandar." PhD diss., Universitas Hasanuddin Makassar, 1988.

Rahman, Nurhayati. Anil Hukma, Idwar Anwar. *La Galigo, Menelusuri Jejak Warisan Sastra Dunia.* Makassar : Pusat Studi La Galigo Universitas Hasanuddin dan Pemerintah Kabupaten Barru, 2003.

Ritzer, George. *Sosiologi Ilmu Pengetahuan Berparadigma Ganda*, disadur oleh Drs.Alimandan. Jakarta : Rajawali Press, 1992.

Rukmini, Mien. *Aspek Hukum Pidana dan Kriminologi : Sebuah Bunga Rampai.* Bandung : Penerbit Alumni, 2009.

Saebani, Beni Ahmad. *Metode Penelitian Hukum.* Bandung : Pustaka Setia, 2008.

Santoso, Thomas ed. *Teori-teori Kekerasan.* Jakarta : Ghalia Indonesia, 2002.

Santoso, Topo dan Eva Achjani Zulfa. *Kriminologi.* Jakarta : Raja Grafindo Persada, 2011.

Shariff, Dato' Hj.Mohammad bin Hj. Abu Samah dan Datin Hjh. Asidah Binti Hj.Mohd Ali. *Alman Undang-Undang Jenayah di Malaysia*, Edisi Disemak. Selangor : International Law Book Services, t.t.

Singarimbun, Masri dan Sofyan Efendi. *Metode Penelitian Survei.* Jakarta : LP3ES, 1993.

Soekanto, Soerjono. *Hukum dan Perkembangan Masyarakat.* Bandung : Sinar Baru, 1983.

_____*Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penegakan Hukum.* Jakarta : Rajawali, 1983.

_____*Perspektif Teoritis Studi Hukum dalam Masyarakat.* Jakarta : Rajawali, 1994.

_____*Kriminologi Suatu Pengantar.* Jakarta : Ghalia Indonesia, 1986.

Soemintro, Hanitijo Ronny. *Masalah-masalah Sosiologi Hukum.* Bandung : Sinar Baru, 1983.

_____*Metodologi Penelitian Hukum dan Jurimetri.* Jakarta : Ghalia Indonesia, 1988.

Soerjono. *Kejahatan dan Penegakan Hukum di Indonesia.* Jakarta : Rineka Cipta, 1995.

Soesilo, R. *Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP)*, cetakan ke-10. Bogor : Politeia, 1988.

Stewart, Frank H. "Customary Law Among The Bedouin Of The Middle East And North Africa." An entry in the *Encylopaedia of Islam* (*new edition*), edited by P.J. Bearman, Th. Bianquis, C.E. Bosworth, E. van Donzel and W.P. Heinrichs, Brill, 240, Copyright 2016. Diakses, 20 April 2016, http://www.nomadsed.de/fileadmin/user_upload/redakteure/Dateien_Intern/Archiv_AG_1/Stewart_Customary_Law_2006.pdf.

Sumantri, Iwan, ed. *Kepingan Mozaik Sejarah Budaya Sulawesi Selatan.* Makassar : Ininnawa, 2004.

Universiti Utara Malaysia

Sujimon, MD.Som. *Kes-Kes Kehakiman : Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman Al-Khulafa' Al-Rasyidin*, first ed. IIUM Press, 2009.

Sunarso, Siswanto. *Viktimologi dalam Sistem Peradilan Pidana*. Jakarta : Sinar Grafika, 2012.

Tanya , Bernard L. *Hukum dalam Ruang Sosial.* Surabaya : Srikandi, 2006.

Ter Haar, Bzn Mr.B. *Asas-Asas dan Susunan Hukum Adat,* translated by K.Ng. Soebakti Poesponoto. Jakarta : Pradnya Paramita, 1985.

Thalib, Sayuti. *Receptio A Contrario : Hubungan Hukum Adat dengan Hukum Agama Islam.* Jakarta : Bina Aksara, 1985.

Tobing, O.L. et.al. *Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa.* Makassar :Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan, 1977.

Turabian, Kate L. *A Manual for Writers of Research Papers, Theses, and Dissertations : Chicago Style for Students and Researchers*,8th Edition. Chicago : The University of Chicago Press. 2007.

Wahid, Sugira. *Manusia Makassar.* Makassar : Refleksi, 2007.

Weda, Made Darma. *Kriminologi*. Jakarta : Raja Grafindo Persada, 1996.

Wignjodipoero, Soerojo. *Pengantar dan Asas-Asas Hukum Adat*, cetakan ke-7. Jakarta : Gunung Agung, 1984.

Wiranata, I Gede A.B. *Hukum Adat Indonesia :Perkembangannya dari Masa ke Masa*. Bandung :Citra Aditya Bakti, 2005.

Yulia, Rena .*Viktimologi, Perlindungan Hukum terhadap Korban Kejahatan.* Yogyakarta : Graha Ilmu, 2010.

Yusof, Rohana. *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang : PTS Publication & Distributors, 2004.

Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN

A

SURAT IZIN PENELITIAN DARI PEMERINTAH PROVINSI SULAWESI SELATAN

DAN

SURAT KETERANGAN MELAKUKAN PENELITIAN DARI JABATAN MAHKAMAH NEGERI

Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN A

PEMERINTAH PROVINSI SULAWESI SELATAN

BADAN KOORDINASI PENANAMAN MODAL DAERAH

Unit Pelaksana Teknis – Pelayanan Perizinan Terpadu

Jln. Bougenville No. 5 Telp (0411) 441077 Fax. (0411) 448936

MAKASSAR 90222

Makassar, 09 Juli 2013

Kepada

Nomor : 1450 /P2T-BKPMD/19.36P/07/VII/2013

Lampiran : 1 Lembar

Yth. (Terlampir)

Perihal : **Izin Penelitian**

Masing-masing di Tempat

Berdasarkan surat Senior Assisten Registrar Ghazali Shafie Graduate School of Government Univer Utara Malaysia tanggal 03 April 2013 perihal tersebut diatas, mahasiswa/peneliti di bawah ini :

N a m a	: **Nur Fadhilah Mappaselleng**
Nomor Pokok	: 93004
Program Studi	: College of Law, Government & International Studies
Pekerjaan	: Mahasiswa (S3)
Alamat	: 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

Bermaksud untuk melakukan penelitian di daerah/kantor saudara dalam rangka penyusunan diserta dengan judul :

"PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DALAM KES-KES PEMBUNUHAN KERANA SIRI' DI SULAWESI SELATAN"

Yang akan dilaksanakan dari : Tgl. 09 Juli s/d 09 Oktober 2013

Sehubungan dengan hal tersebut diatas, pada prinsipnya kami ***menyetujui*** kegiatan dimaksud deng ketentuan yang tertera di belakang surat izin penelitian.

Demikian disampaikan untuk dimaklumi dan dipergunakan seperlunya.

A.n. GUBERNUR SULAWESI SELATAN
KEPALA BADAN KOORDINASI PENANAMAN MODAL DAERAH
PROVINSI SULAWESI SELATAN
Selaku Administrator Pelayanan Perizinan Terpadu

Ir. MUHAMMAD ARIFIN DAUD, M.Si
Pangkat : Pembina Utama Madya
Nip : 19540404 198503 1 001

TEMBUSAN ; Kepada Yth :
1. Senior Assisten Registrar Ghazali Shafie Graduate School of Government Universiti Utara Malaysia;
2. Pertinggal

LAMPIRAN A

Lampiran : Surat Izin Penelitian
Nomor : /P2T-BKPMD/19.36P/07/VII/2013
Perihal : Izin Penelitian

DAFTAR TUJUAN SURAT IZIN PENELITIAN

1. Ketua Pengadilan Negeri Makassar
2. Ketua Pengadilan Negeri Gowa
3. Ketua Pengadilan Negeri Takalar
4. Ketua Pengadilan Negeri Jeneponto
5. Ketua Pengadilan Negeri Bantaeng
6. Ketua Pengadilan Negeri Maros
7. Ketua Pengadilan Negeri Pangkep

A.n. GUBERNUR SULAWESI SELATAN
KEPALA BADAN KOORDINASI PENANAMAN MODAL DAERAH
PROVINSI SULAWESI SELATAN
Selaku Administrator Pelayanan Perizinan Terpadu

Ir. MUHAMMAD ARIFIN DAUD, M.Si
Pangkat : Pembina Utama Madya
Nip : 19540404 198503 1 001

LAMPIRAN A

PENGADILAN NEGERI MAKASSAR

JL. R.A. KARTINI No.18/23 TELEPON : 0411 – 3624058 FAX : 0411 – 3634667
WEBSITE : www.pn-makassar.go.id EMAIL : pn.makassar@gmail.com
M A K A S S A R 90111

Makassar, 25 Maret 2014

SURAT KETERANGAN

Nomor : W22-U.1/1452 / HKM/III/2014

Yang bertanda tangan di bawah ini Panitera / Sekretaris Pengadilan Negeri Makassar :

RAMLI DJALIL ,SH.,MH

Dengan ini menerangkan bahwa :

N a m a	: **NUR FADHILAH MAPPASELLENG**
No.Pokok	: 93004
Program Studi	: College Of Law, Govemment & International Studies
Alamat	: 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.
Pekerjaan	: Mahasiswa (S3)
Judul Disertasi	:**"PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DALAM KES-KES PEMBUNUHAN KERANA SIRI' DI SULAWESI SELATAN".**

Benar telah mengadakan penelitian di Pengadilan Negeri Makassar, sejak tanggal 26 Agustus 2013 sampai dengan tanggal 25 Maret 2014.

Surat keterangan ini diberikan kepadanya untuk memenuhi surat permintaan dari Surat Senior Assisten Registrar Ghazali Shafie Graduate School Of Govemment Universiti Utara Malaysia tanggal 03 April 2013 dengan Nomor : 1450/P2T-BKPMD/19.36P/07/VII/2013

Demikian surat keterangan ini dibuat untuk dipergunakan seperlunya.

PANITERA/SEKRETARIS,

RAMLI DJALIL, SH.MH
NIP. 19621231199103100 45

Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN A

PENGADILAN NEGERI BANTAENG

JALAN ANDI MANNAPPIANG N0.15
